Kandungan

Adab Penuntut Ilmu

1. Ikhlas kerana Allah.

2. Menumpukan perhatian kepada majlis ilmu.

3. Menghormati ilmuan yang sedang mengajar di hadapan.

4. Bersabar jika kita melihat pada guru kita sesuatu yang kita tidak suka.

5. Jika ada perkataan ilmuan atau isi-isi yang menarik, tuliskan pada kertas warna yang disediakan, dan tampalkan pada ruangan "Dinding Hikmah"

6. Menulis isi-isi penting pada ruangan kosong yang ada pada nota yang disediakan.

7. Elakkan berbual-bual ketika majlis ilmu berlangsung. Jika mempunyai kemusykilan, ajukan soalan kepada pembentang dan bukannya kepada rakan di sebelah.

8. Seandainya mempunyai soalan, tulis dan letakkan pada kotak yang disediakan. Soalan juga dibenarkan secara lisan ketika sesi soal jawab berlangsung.

9. Pastikan telefon bimbit dimatikan atau berada dalam keadaan *'silent mode'*. Elakkan daripada menggunakan telefon bimbit semasa penceramah semasa majlis ilmu.

10. Tundukkan pandangan. Ketika peserta Muslimah bertanyakan soalan, peserta lelaki hendaklah memandang ke hadapan dan bukan melihat ke arah Muslimah tersebut, begitu juga sebaliknya.

11. Berada di dalam dewan 5 minit sebelum slot bermula.

12. Berusaha untuk berada dalam majlis ilmu sehingga selesai kecuali apabila ada keperluan mendesak yang tidak dapat dielakkan.

13. Mengikut arahan yang diberikan oleh pengerusi majlis agar majlis ilmu berjalan lancar.

Pensyariatan Wudhu dalam Al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى

Wahai orang-orang yang beriman. Apabila kalian ingin mendirikan solat, basuhlah wajah dan kedua tangan mu hingga ke siku. Sapulah kepala kalian dan basuhlah kaki kalian hingga ke buku lali. [Al-Maidah : 6]

Kedudukan Wudhu Dalam As-Sunnah:

1- Syarat sah solat

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " لَا يَقْبَلُ اللَّهُ صَلَاةَ أَحَدِكُمْ إِذَا أَحْدَثَ حَتَّى يَتَوَضَّأَ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Allah tidak menerima solat salah seorang kalian apabila dia berhadas hinggalah dia telah wudhu [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Hiyal, hadis no: 6468]

2- Sebahagian keimanan

عَنْ أَبِي مَالِكٍ الأَشْعَرِيِّ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " الطُّهُورُ شَطْرُ الإِيمَانِ

Abu Malik al-Asyaari radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Bersuci adalah separuh keimanan [Sahih Muslim, Kitab at-Taharah, hadis no: 333]

3- Penghapus dosa

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " إِذَا تَوَضَّأَ الْعَبْدُ الْمُسْلِمُ ، أَوِ الْمُؤْمِنُ ، فَغَسَلَ وَجْهَهُ ، خَرَجَ مِنْ وَجْهِهِ كُلُّ خَطِيئَةٍ نَظَرَ إِلَيْهَا بِعَيْنَيْهِ مَعَ الْمَاءِ ، أَوْ مَعَ آخِرِ قَطْرِ الْمَاءِ ، فَإِذَا غَسَلَ يَدَيْهِ خَرَجَ مِنْ يَدَيْهِ كُلُّ خَطِيئَةٍ ، كَانَ بَطَشَتْهَا يَدَاهُ مَعَ الْمَاءِ ، أَوْ مَعَ آخِرِ قَطْرِ الْمَاءِ ، فَإِذَا غَسَلَ رِجْلَيْهِ ، خَرَجَتْ كُلُّ خَطِيئَةٍ مَشَتْهَا رِجْلَاهُ مَعَ الْمَاءِ ، أَوْ مَعَ آخِرِ قَطْرِ الْمَاء ، حَتَّى يَخْرُجَ نَقِيًّا مِنَ الذُّنُوبِ"

Abu Hurairah radiallahu 'anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Apabila seorang mukmin berwudhu, lalu dia membasuh wajahnya. Maka keluarlah dari wajahnya setiap dosa yang dilakukan oleh penglihatannya bersama-sama air wudhu itu atau sehingga titisan air yang terakhir. Apabila dia membasuh kedua tangannya, maka keluarlah dari kedua tangannya setiap dosa yang dilakukan oleh tangan itu bersama-sama air hingga ke titisan terakhir. Apabila dia membasuh kakinya, maka keluarlah dari kakinya setiap dosa yang kaki berjalan padanya bersama titisan air yang terakhir. Sehinggalah orang itu keluar dalam keadaan bersih daripada dosa-dosa [Sahih Muslim, Kitab at-Taharah, hadis no: 365]

Dan terdapat banyak lagi hadis yang berkaitan.

Tatacara Wudhu

Antara hadis yang lengkap berkaitan wudhu ialah hadis berikut:

عَنْ حُمْرَانَ مَوْلَى عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ ، أَنَّهُ رَأَى عُثْمَانَ بْنَ عَفَّان دَعَا بِوَضُوءٍ ، فَأَفْرَغَ عَلَى يَدَيْهِ مِنْ إِنَائِهِ فَغَسَلَهُمَا ثَلَاثَ مَرَّاتٍ ، ثُمَّ أَدْخَلَ يَمِينَهُ فِي الْوَضُوءِ ، ثُمَّ تَمَضْمَضَ وَاسْتَنْشَقَ وَاسْتَنْثَرَ ، ثُمَّ غَسَلَ وَجْهَهُ ثَلَاثًا وَيَدَيْهِ إِلَى الْمِرْفَقَيْنِ ثَلَاثًا ، ثُمَّ مَسَحَ بِرَأْسِهِ ، ثُمَّ غَسَلَ كُلَّ رِجْلٍ ثَلَاثًا ، ثُمَّ قَالَ : رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَوَضَّأُ نَحْوَ وُضُوئِي هَذَا ، وَقَالَ : " مَنْ تَوَضَّأَ نَحْوَ وُضُوئِي هَذَا ، ثُمَّ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ لَا يُحَدِّثُ فِيهِمَا نَفْسَهُ ، غَفَرَ اللَّهُ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Daripada Humran pelayan Uthman ibn Affan radiallahu 'anhu bahawasanya dia melihat Uthman meminta sebekas air lalu dibasuhnya kedua-dua tangannya (sehingga pergelangan tangan) tiga kali, kemudian dimasukkannya tangan kanannya ke dalam bekas untuk berkumur-kumur dan menyedut air ke dalam hidung kemudian menghembuskan air dari hidung, kemudian membasuh mukanya tiga kali, dan kedua-dua tangannya hingga ke siku tiga kali, kemudian mengusap kepalanya, kemudian membasuh kedua-dua kakinya tiga kali hingga ke buku lali, kemudian beliau berkata: Aku melihat Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam berwudhu' seperti wudhu' ku ini, kemudian baginda sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang berwudhu' seperti wudhu' ku ini, kemudian dia solat dua rakaat, sedangkan dia tidak bercakap dengan dirinya dalam solat itu (yakni dia khusyuk) nescaya Allah ampuni segala dosanya yang telah lalu. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Wudhu, hadis no: 161]

Berniat

Berniat di dalam hati untuk mengambil wudhu' tanpa diucapkan dengan lisan. Sabda Nabi sallallahu 'alaihi wasallam:

:أَخْبَرَنِي مُحَمَّدُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ التَّيْمِيُّ ، أَنَّهُ سَمِعَ عَلْقَمَةَ بْنَ وَقَّاصٍ اللَّيْثِيَّ ، يَقُولُ : سَمِعْتُ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَلَى الْمِنْبَرِ ، قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ : " إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى ، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا ، فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ. "

'Umar bin al-Khattab radiallahu 'anhu berkata di atas mimbar: Aku pernah mendengar Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya setiap perbuatan itu mestilah dengan niat. Sesungguhnya untuk setiap orang apa yang dia niatkan. Sesiapa yang hijrahnya kerana mahu memperolehi dunia, atau kerana perempuan yang mahu dia nikahi, maka hijrahnya adalah untuk apa yang dia hijrah kepadanya [Sahih al-Bukhari, Bab Bad'ul Wahyi, hadis no: 1]

> Niat merupakan syarat sahnya wudhu. Ini adalah pendapat mazhab Malik, Syafie, Ahmad, Abu Tsaur dan Dawud. Tetapi Imam Abu Hanifah menganggap ia bukan syarat kerana bagi Abu Hanifah wudhu adalah ibadah ma'qulah (yang boleh difikirkan) iaitu untuk membersihkan diri. [Sahih Fiqh as-Sunnah]

Membaca bismilah.

عَنْ رَبَاحِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي سُفْيَانَ بْنِ حُوَيْطِبٍ ، عَنْ جَدَّتِهِ ، عَنْ أَبِيهَا ، قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : " لَا وُضُوءَ لِمَنْ لَمْ يَذْكُرِ اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ " . قَالَ : وَفِي الْبَاب عَنْ عَائِشَةَ , وَأَبِي سَعِيدٍ , وَأَبِي هُرَيْرَةَ , وَسَهْلِ بْنِ سَعْدٍ , وَأَنَسٍ . قَالَ أَبُو عِيسَى : قَالَ أَحْمَدُ بْنُ حَنْبَلٍ : لَا أَعْلَمُ فِي هَذَا الْبَابِ حَدِيثًا لَهُ إِسْنَادٌ جَيِّدٌ

Sa'id bin Zaid radiallahu 'anhu berkata: Aku mendengar Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tiada wudhu' seseorang yang tidak membaca Bismillah. [Sunan at-Tirmizi, Abwab At-Taharah, hadis no: 25. Imam at-Tirmizi berkata: Imam Ahmad berkata: Aku tidak tahu apa-apa hadis dalam bab ini yang sanadnya bagus]

> Ulama berbeza pendapat tentang hukum bismillah di awal wudhu. Majoriti fuqaha iaitu mazhab Hanafi, Syafie, dan Ahmad dalam satu riwayat berpendapat ia adalah sunat wudhu. Ulama mazhab Malik dalam pendapat yang masyhur menyatakan ia sunat. Dikatakan juga mereka berpendapat ia tidak disyariatkan, dan ia makruh. Mazhab Hanbali berpendapat ia wajib [Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah]

Membasuh kedua-dua tapak tangan

Sebagaimana di dalam hadis Uthman radiallahu 'anhu:

> Para fuqaha berpegang bahawa membasuh kedua tangan yang suci hingga pergelangan pada permulaan wudhu adalah sunat berdasarkan perbuatan nabi sallallahu 'alaihi wasallam yang diriwayatkan oleh Uthman bin 'Affan radiallahu 'anhu. Akan tetapi jika kedua tangan itu mempunyai najis, maka ulama sepakat ia wajib dibasuh [Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " إِذَا تَوَضَّأَ أَحَدُكُمْ فَلْيَجْعَلْ فِي أَنْفِهِ ثُمَّ لِيَنْثُرْ ، وَمَنِ اسْتَجْمَرَ فَلْيُوتِرْ ، وَإِذَا اسْتَيْقَظَ أَحَدُكُمْ مِنْ نَوْمِهِ فَلْيَغْسِلْ يَدَهُ قَبْلَ أَنْ يُدْخِلَهَا فِي وَضُوئِهِ ، فَإِنَّ أَحَدَكُمْ لَا يَدْرِي أَيْنَ بَاتَتْ يَدُهُ . "

Abu Hurairah radiallahu 'anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Apabila salah seorang kalian berwudhu hendaklah dia memasukkan air ke dalam hidung dan mengeluarkannya, sesiapa yang bersuci dengan batu hendaklah menggunakan bilangan ganjil. Apabila seseorang bangun daripada tidurnya, janganlah dia terus memasukkan kedua-dua tangannya ke dalam bekas air sehingga dia membasuhnya, kerana dia tidak mengetahui di mana tangannya berada sewaktu dia tidur." [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Wudhu, hadis no: 159]

Berkumur-kumur, menyedut air ke dalam hidung

Menggabungkan berkumur dan menyedut air ke dalam hidung dengan satu tapak tangan kanan:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ زَيْدٍ ، " أَنَّهُ أَفْرَغَ مِنَ الْإِنَاءِ عَلَى يَدَيْهِ فَغَسَلَهُمَا ، ثُمَّ غَسَلَ أَوْ مَضْمَضَ وَاسْتَنْشَقَ مِنْ كَفَّةٍ وَاحِدَةٍ فَفَعَلَ ذَلِكَ ثَلَاثًا ، فَغَسَلَ يَدَيْهِ إِلَى الْمِرْفَقَيْنِ مَرَّتَيْنِ مَرَّتَيْنِ ، وَمَسَحَ بِرَأْسِهِ مَا أَقْبَلَ وَمَا أَدْبَرَ ، وَغَسَلَ رِجْلَيْهِ إِلَى الْكَعْبَيْنِ ، ثُمَّ قَالَ : هَكَذَا وُضُوءُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Abdullah bin Zaid radiallahu ‘anhu menuangkan air daripada bekas ke atas dua tangannya lalu membasuh keduanya, kemudian dia membasuh mulut atau berkumur-kumur dan menyedut air ke dalam hidung dengan menggunakan satu tapak tangan sebanyak tiga kali…… kemudian beliau berkata: Beginilah wudhu’ Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Wudhu, hadis no: 186]

Bersungguh-sungguh menyedut air ke dalam hidung kecuali dalam keadaan berpuasa.

حَدَّثَنِي إِسْمَاعِيل بْنُ كَثِيرٍ ، قَال : سَمِعْتُ عَاصِمَ بْنَ لَقِيطِ بْنِ صَبِرَةَ ، عَنْ أَبِيهِ ، قَالَ : قُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ أَخْبِرْنِي عَنِ الْوُضُوءِ ، قَالَ : " أَسْبِغْ الْوُضُوءَ ، وَخَلِّلْ بَيْنَ الْأَصَابِعِ ، وَبَالِغْ فِي الِاسْتِنْشَاقِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ صَائِمًا " . قَالَ أَبُو عِيسَى : هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ

Laqith bin ‘Amir radiallahu ‘anhu berkata: Ya Rasulullah, ceritakan kepada ku tentang wudhu. Baginda menjawab: Sempurnakan wudhu, sela-selalah celah jari-jemari, bersungguh-sungguhlah kamu menyedut air ke dalam hidung kecuali jika sedang berpuasa. [Sunan at-Tirmizi, Kitab al-Soum, hadis no: 717, hasan sahih]

Menyedut air ke dalam hidung dengan tangan kanan, dan menyemburnya keluar dengan tangan kiri.

عَنْ عَلِيٍّ ، أَنَّهُ " دَعَا بِوَضُوءٍ فَتَمَضْمَضَ وَاسْتَنْشَقَ وَنَثَرَ بِيَدِهِ الْيُسْرَى ، فَفَعَلَ هَذَا ثَلَاثًا . ثُمَّ قَالَ : هَذَا طُهُورُ نَبِيِّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ . "

‘Ali radiallahu ‘anhu meminta bekas air untuk berwudhu, lalu beliau berkumur dan memasukkan air ke dalam hidung, dan mengeluarkan air dari hidungnya dengan tangan kiri. Beliau melakukannya tiga kali. Kemudian beliau berkata: Inilah wudhu nabi sallallahu ‘alaihi wasallam [Sunan an-Nasaie as-Sughra, Kitab at-Taharah, hadis no: 90]

> Dalam Sahih Fiqh as-Sunnah disebutkan: Ulama berbeza pendapat tentang hukum berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung ketika bersuci. Ia menjadi empat pendapat:
>
> Pertama: Ia wajib ketika mandi wajib, tetapi tidak wajib ketika wudhu. Ini merupakan pendapat Imam at-Tsauri, Abu Hanifah dan ulama Hanafiyyah lain.
>
> Kedua: Ia sunat ketika mandi dan wudhu. Ini merupakan pendapat Imam Malik, Al-Syafie, Al-Laits, Al-Auzaie dan selain mereka.
>
> Ketiga: Ia wajib dilakukan ketika mandi dan wudhu. Ini merupakan pendapat Atho’, Ibn Juraij, Ibn Al-Mubarak, Ishaq, dan salah satu riwayat Ahmad. Ini pendapat masyhur dalam mazhab Hanbali.

Keempat: Memasukkan air dalam hidung adalah wajib, manakala berkumur-kumur adalah sunat ketika mandi dan wudhu. Ini salah satu pendapat Imam Ahmad, Abu Ubaid, Abu Tsaur, sekelompok Ahlul Hadis dan Ibn al-Munzir.

Membasuh muka

Ulama feqah bersepakat bahawa membasuh anggota wajah yang kelihatan sebanyak sekali dengan sempurna merupakan kewajipan wudhu [Al-Mausuh'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah]

Sekiranya memiliki janggut, hendaklah diratakan air dengan jari-jemari.

عَنْ أَنَسٍ يَعْنِي ابْنَ مَالِكٍ ، " أَنّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا تَوَضَّأَ أَخَذَ كَفًّا مِنْ مَاءٍ فَأَدْخَلَهُ تَحْتَ حَنَكِهِ فَخَلَّلَ بِهِ لِحْيَتَهُ ، وَقَالَ : هَكَذَا أَمَرَنِي رَبِّي عَزَّ وَجَلَّ

Daripada Anas radiallahu 'anhu bahawa Nabi sallallahu 'alaihi wasallam ketika berwudhu' baginda akan menceduk air dengan tapak tangannya lalu dimasukkan ke bawah dagunya lalu disela-sela janggutnya, lalu baginda bersabda: "Beginilah Tuhan ku memerintahkan.[Sunan Abu Daud, Kitab at-Taharah, hadis no: 124]

Dalam Sahih Fiqh as-Sunnah disebutkan: Jika bulu yang tumbuh pada wajah sangat tebal hingga menutupi kulit, maka cukup membasuh bahagian luarnya sahaja. Tetapi jika kulit masih kelihatan, maka wajib mencucinya hingga ke kulit. Jika sebahagian tebal dan sebahagian nipis, maka wajib membasuh kulit pada bahagian bulu yang nipis, dan cukup pada bahagian luar pada bahagian bulu yang tebal.

Untuk janggut yang memanjang ke bawah, menurut Abu Hanifah dan salah satu riwayat Imam Ahmad, tidak wajib mencucinya. Cukup mencuci janggut yang ada pada wajah kerana yang dimaksudkan dengan wajah ialah kulitnya sahaja.

Manakala menurut mazhab Syafie dan zahir mazhab Ahmad wajib mencuci janggut yang memanjang ke bawah tidak kira berapa panjangnya. Ini kerana bulu itu tumbuh pada bahagian yang wajib dicuci.

Membasuh kedua-dua tangan sehingga ke siku

Para ulama bersepakat bahawa membasuh kedua tangan hingga siku merupakan rukun dan kewajipan wudhu. Mereka berhujah dengan al-Quran, as-Sunnah dan Ijma'

Majoriti fuqaha iaitu mazhab Malik, Syafie, Hanabilah dalam salah satu pendapat, dan Hanafiyyah berpendapat wajibnya membasuh hingga ke siku berdasarkan firman Allah "hingga ke siku"

Sebahagian ulama Hanafiyyah, dan Malikiyyah dan salah satu riwayat Ahmad berpendapat siku tidak termasuk dalam anggota tangan, iaitu tidak wajib membasuhnya bersama tangan.

Dalam salah satu pendapat lain mazhab Maliki menyatakan kedua siku termasuk (perlu dibasuh) bukan kerana hukum wajibnya membasuh bersama kedua tangan, tetapi atas dasar berhati-hati. [Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah]

Mengusap kepala

Mengusap kepala menggunakan kedua-dua tapak tangan, bermula dari bahagian depan, digerakkan ke belakang sehingga ke tengkuk, kemudian digerakkan kembali ke hadapan kepala.

عَنْ عَمْرِو بْنِ يَحْيَى الْمَازِنِيِّ ، عَنْ أَبِيهِ ، أَنَّ رَجُلًا قَالَ لِعَبْدِ اللَّهِ بْنِ زَيْدٍ وَهُوَ جَدُّ عَمْرِو بْنِ يَحْيَى : أَتَسْتَطِيعُ أَنْ تُرِيَنِي كَيْفَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَوَضَّأُ ؟ فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ زَيْدٍ : نَعَمْ ، " فَدَعَا بِمَاءٍ ، فَأَفْرَغَ عَلَى يَدَهُ فَغَسَلَ مَرَّتَيْنِ ، ثُمَّ مَضْمَضَ وَاسْتَنْثَرَ ثَلَاثًا ، ثُمَّ غَسَلَ وَجْهَهُ ثَلَاثًا ، ثُمَّ غَسَلَ يَدَيْهِ مَرَّتَيْنِ مَرَّتَيْنِ إِلَى الْمِرْفَقَيْنِ ، ثُمَّ مَسَحَ رَأْسَهُ بِيَدَيْهِ فَأَقْبَلَ بِهِمَا وَأَدْبَرَ بَدَأَ بِمُقَدَّمِ رَأْسِهِ حَتَّى ذَهَبَ بِهِمَا إِلَى قَفَاهُ ثُمَّ رَدَّهُمَا إِلَى الْمَكَانِ الَّذِي بَدَأَ مِنْهُ ، ثُمَّ غَسَلَ رِجْلَيْهِ

Abdullah ibn Zaid radiallahu 'anhu menunjukkan bagaimana wudhu Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam….beliau mengusap kepalanya dengan kedua-dua tangannya, bermula dari bahagian hadapan kepala digerakkan ke belakang kepala, kemudian digerakkan kembali ke hadapan…
[Sahih al-Bukhari, Kitab al-Wudhu, hadis no: 181]

Dalam Sahih Fiqh as-Sunnah disebutkan: Ulama bersepakat bahawa menyapu kepala hukumnya wajib. Namun mereka berselisih pendapat tentang kadar yang wajib disapu:

Pertama: Wajib menyapu seluruh kepala, tidak kira lelaki atau perempuan. Ini adalah mazhab Malik, zahir mazhab Ahmad, Ibnu 'Ubaid, Ibn al-Munzir dan Ibn Taimiyyah. Mereka berhujahkan huruf 'ba' dalam surah al-Maidah dan hadis Abdullah bin Zaid radiallahu 'anhu.

Kedua: Sah jika menyapu sebahagian kepala sahaja. Ini merupakan pendapat Imam Abu Hanifah dan Imam al-Syafie tetapi mereka berbeza pendapat pada kadar minimanya, ada yang berpendapat tiga helai rambut, ada yang berpendapat satu perempat kepala, dan ada yang berpendapat separuh kepala. Mereka berdalilkan huruf "Ba" dalam surah al-Maidah yang membawa maksud sebahagian.

Ketiga: Wajib menyapu seluruh kepala bagi lelaki dan tidak wajib bagi perempuan. Ini merupakan salah satu daripada riwayat Ahmad.

Menyapu kedua-dua telinga

Mengusap kedua-dua telinga kanan dan kiri dengan cara memasukkan jari telunjuk ke dalam telinga dan ibu jari mengusap bahagian luar telinga.

حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ مَيْسَرَةَ الْحَضْرَمِيُّ ، قَالَ : سَمِعْتُ الْمِقْدَامَ بْنَ مَعْدِي كَرِبَ الْكِنْدِيَّ ، قَالَ : " أُتِيَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِوَضُوءٍ ، فَتَوَضَّأَ ، فَغَسَلَ كَفَّيْهِ ثَلَاثًا ، ثُمَّ غَسَلَ وَجْهَهُ ثَلَاثًا ، ثُمَّ غَسَلَ ذِرَاعَيْهِ ثَلَاثًا ثَلَاثًا ، ثُمَّ مَضْمَضَ وَاسْتَنْشَقَ ثَلَاثًا ، وَمَسَحَ بِرَأْسِهِ وَأُذُنَيْهِ ظَاهِرِهِمَا وَبَاطِنِهِمَا ، وَغَسَلَ رِجْلَيْهِ ثَلَاثًا ثَلَاثًا

Daripada al-Miqdam ibn Ma'dikarib radiallahu ‘anhu bahawa Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam diberi bekas air untuk berwudhu, lalu baginda sallallahu ‘alaihi wasallam berwudhu’, ……….baginda sallallahu ‘alaihi wasallam mengusap kepalanya dan kedua-dua telinganya termasuk bahagian dalam dan luar telinga. [Musnad Ahmad, Hadis al-Miqdam, hadis no: 16856]

Ulama mazhab Hanafi, Maliki pada pendapat yang masyhur, dan Syafie berpendapat disunatkan menyapu kedua bahagian depan dan belakang telinga ketika wudhu.

Ulama mazhab Hanbali dan sebahagian Maliki berpendapat wajibnya menyapu kedua depan dan belakang telinga. Ulama Hanabilah berhujah kerana kedua telinga adalah sebahagian daripada kepala.

Jumhur fuqaha iaitu mazhab Malik, Syafie, dan Hanbali berpendapat disunatkan mengambil air yang baru untuk menyapu telinga. Ulama Hanafiyyah berkata: Cukup sekadar menyapu seluruh kepala dan kedua telinga dengan air yang sama kerana kedua telinga itu sebahagian daripada kepala. [Al-Mausu’ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah]

Membasuh kedua-dua kaki sehingga ke buku lali

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو ، قَالَ : تَخَلَّفَ عَنَّا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفْرَةٍ سَافَرْنَاهَا ، فَأَدْرَكَنَا وَقَدْ أَرْهَقَتْنَا الصَّلَاةُ وَنَحْنُ نَتَوَضَّأُ ، فَجَعَلْنَا نَمْسَحُ عَلَى أَرْجُلِنَا ، فَنَادَى بِأَعْلَى صَوْتِهِ : " وَيْلٌ لِلْأَعْقَابِ مِنَ النَّارِ مَرَّتَيْنِ أَوْ ثَلَاثًا"

‘Abdullah bin ‘Amr radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam tertinggal di belakang dalam satu perjalanan. Baginda menemui kami ketika waktu solat sudah masuk dan kami sedang berwudhu. Kami menyapu di atas kaki-kaki kami, baginda sallallahu ‘alaihi wasallam menyeru dengan suara tinggi: Celakalah tumit yang dimakan neraka (sebanyak dua atau tiga kali seruan). [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Ilm, hadis no: 59]

Pendapat pertama: Majoriti ulama daripada mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali berpendapat bahawa membasuh kedua kaki adalah daripada rukun wudhu’.

Pendapat kedua: Wajib menyapu kaki tanpa perlu membasuhnya. Diriwayatkan pendapat ini daripada ‘Ali radiallahu ‘anhu, akan tetapi beliau telah menarik kembali pendapat ini. Imam al-Syaukani menyatakan dalam Nailul Authar bahawa telah tsabit bahawa Ali’ menarik balik pendapat ini.

Pendapat ketiga: Boleh memilih sama ada menyapu atau membasuh kaki. Dikatakan ini adalah pendapat Al-Hasan Al-Basri, Al-Juba’ie, dan Ibn Jarir at-Thabari dalam salah satu riwayatnya.

Pendapat keempat: Sebahagian ulama Zahiri menyatakan wajib menggabungkan membasuh dan menyapu.

Majoriti ulama memasukkan buku lali sebagai anggota wudhu yang wajib dibasuh. [Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah]

Tertib Wudhu'

Iaitu melakukan mengikut turutan.

Pertama: Ulama mazhab Syafie, salah satu pendapat mazhab Ahmad dan Malik berpendapat bahawa tertib merupakan rukun wudhu. Ini merupakan pendapat Uthman bin 'Affan, Ibn 'Abbas, dan 'Ali radiallahu 'anhum. Ia juga merupakan pendapat Qatadah, Abu Tsaur, Abu 'Ubaid dan Ishaq bin Rahawiah. Mereka berhujah dengan ayat al-Quran dan hadis-hadis wudhu yang menunjukkan semuanya dilakukan mengikut tertib.

Kedua: Ulama Hanafiyyah, dan pendapat yang masyhur dalam mazhab Malik, sebahagian ulama mazhab Syafie, dan salah satu riwayat Ahmad berpegang bahawa tertib hukumnya dan bukan rukun atau wajib. Ini juga merupakan pendapat Abdullah bin Mas'ud radiallahu 'anhu, Sa'id bin al-Musayyib, Al-Hasan, 'Atho', Makhul, An-Nakhaie, Az-Zuhri, Rabi'ah, Al-Auzai'e dan at-Tsauri. Mereka berhujah bahawa ayat dalam surah al-Maidah menggunakan lafaz 'waw' yang menunjukkan ia tidak wajib tertib. [Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah]

Al-Muwalat

Berturut-turut daripada anggota wudhu' yang pertama sehingga yang akhir.

Dalam Sahih Fiqh as-Sunnah disebutkan: Imam al-Syafie dalam qaul qadim dan Imam Ahmad dalam riwayat yang masyhur berpendapat wajibnya berturut-turut. Begitu juga Imam Malik hanya sahaja Imam Malik membezakan antara orang yang sengaja memisah-misahkan antara perlakuan wudhu dengan orang yang melakukannya kerana ada keuzuran.

Pendapat ini berdalilkan hadis ini:

عَنْ جَابِرٍ ، أَخْبَرَنِي عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ ، " أَنَّ رَجُلًا تَوَضَّأَ ، فَتَرَكَ مَوْضِعَ ظُفُرٍ عَلَى قَدَمِهِ ، أَبْصَرَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَ : ارْجِعْ فَأَحْسِنْ وُضُوءَكَ

Umar al-Khattab radiallahu meriwayatkan bahawa seorang lelaki mengambil wudhu, dan dia tidak membasuh sedikit anggota kakinya sebesar saiz kuku sahaja, Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam melihat hal itu lalu baginda berkata: Kembalilah, dan perbaiki wudhu engkau. [Sahih Muslim, Kitab at-Taharah, hadis no: 364]. Pendalilannya di sini ialah jika al-Muwalat itu bukan satu rukun, pasti nabi sallallahu 'alaihi wasallam sekadar menyuruh dia membasuh kaki, tanpa perlu mengulangi wudhu sejak awal.

Imam Abu Hanifah, Imam al-Syafie dalam qaul jadid, Ibn Hazm dan salah satu pendapat Imam Ahmad berpendapat al-Muwalat tidak wajib. [Sahih Fiqh as-Sunnah]

Sunnah-sunnah lain dalam Wudhu’

Menggosok gigi

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " لَوْلَا أَنْ أَشُقَّ عَلَى أُمَّتِي لَأَمَرْتُهُمْ بِالسِّوَاكِ مَعَ الْوُضُوءِ ، وَلَأَخَّرْتُ الْعِشَاءَ إِلَى ثُلُثِ اللَّيْلِ ، أَوْ شَطْرِ اللَّيْلِ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Kalau tidak kerana takut membebankan umatku, nescaya aku suruh menggosok gigi bersama wudhu [Musnad Ahmad, Musnad Abu Hurairah, hadis no: 7235]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " لَوْلَا أَنْ أَشُقَّ عَلَى أُمَّتِي لَأَمَرْتُهُمْ بِالسِّوَاكِ عِنْدَ كُلِّ صَلَاةٍ

Abu HurairahNabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Kalau tidak kerana takut membebankan umatku, nescaya aku suruh menggosok gigi pada setiap kali bersolat. [Sunan at-Tirmizi, Abwab at-Taharah, hadis no: 22]

Menggosok anggota wudhu dengan tangan

عَنْ عَبَّادِ بْنِ تَمِيمٍ ، عَنْ عَمِّهِ ، قَالَ : رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " يَتَوَضَّأُ ، فَجَعَلَ يَدْلُكُ ذِرَاعَيْهِ

‘Abdullah bin Zaid radiallahu ‘anhu berkata: Aku melihat Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam berwudhu, lalu baginda menggosok-gosok kedua lengannya [Sahih Ibn Hibban, Kitab at-Taharah, hadis no: 1096]

> Majoriti fuqaha’ mazhab Hanafi, Syafie, Hanbali, dan salah satu pendapat mazhab Maliki berkata bahawa menggosok anggota wudhu adalah sunat. Pendapat yang masyhur dalam mazhab Maliki pula menyatakan ia wajib. [Al-Mausu’ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah]

Berjimat dalam penggunaan air

عَنْ أَبِي نَعَامَةَ ، أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ مُغَفَّلٍ ، سَمِعَ ابْنَهُ يَقُولُ : اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْقَصْرَ الْأَبْيَضَ عَنْ يَمِينِ الْجَنَّةِ إِذَا دَخَلْتُهَا ، فَقَالَ : أَيْ بُنَيَّ ، سَلِ اللَّهَ الْجَنَّةَ وَتَعَوَّذْ بِهِ مِنَ النَّارِ ، فَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : " إِنَّهُ سَيَكُونُ فِي هَذِهِ الْأُمَّةِ قَوْمٌ يَعْتَدُونَ فِي الطَّهُورِ وَالدُّعَاءِ . "

‘Abdullah bin Mughfal radiallahu ‘anhu mendengar anaknya berkata: Ya Allah, aku memohon kepada mu istana putih di bahagian kanan syurga apabila aku memasukinya. Abdullah berkata kepada anaknya: Wahai anakku. Mintalah kepada Allah syurga dan mohonlah perlindungan daripada neraka. Sesungguhnya aku mendengar Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya akan ada pada umat ini suatu kaum yang melampaui batas dalam bersuci dan berdo'a. [Sunan Abu Daud, Kitab at-Taharah, hadis no: 88]

Melampau-lampau dalam wudhu termasuk membasuh melebihi tiga kali serta menggunakan terlalu banyak air.

‘Abdullah bin ‘Amr radiallahu ‘anhu berkata:

جَاءَ أَعْرَابِيٌّ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْأَلُهُ عَنِ الْوُضُوءِ " فَأَرَاهُ الْوُضُوءَ ثَلَاثًا ثَلَاثًا ، ثُمَّ قَالَ : هَكَذَا الْوُضُوءُ ، فَمَنْ زَادَ عَلَى هَذَا فَقَدْ أَسَاءَ وَتَعَدَّى وَظَلَمَ"

Seorang lelaki Badwi datang kepada nabi sallallahu 'alaihi wasallam dan bertanya tentang wudhu. Lalu baginda sallallahu 'alaihi wasallam menunjukkan cara wudhu dengan membasuh sebanyak tiga kali, kemudian baginda sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Inilah wudhu. Sesiapa yang menambahinya maka dia telah melakukan perkara buruk, melampaui batas dan melakukan kezaliman. [Sunan an-Nasaie al-Sughra, Kitab at-Taharah, hadis no: 140]

> Membasuh melebihi tiga kali adalah makruh di sisi majoriti ulama seperti mazhab Hanafi, Syafie dan Hanbali. Ia jua pendapat yang kuat di sisi mazhab Maliki. Pendapat kedua dalam mazhab Maliki menyatakan ia perbuatan terlarang. Hukum makruh itu berlaku apabila air itu miliknya sendiri. Adapun jika air itu milik waqaf untuk orang bersuci, seperti air di sekolah, maka membasuh melebihi tiga kali haram hukumnya di sisi semua ulama. [Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah]

Mendahulukan anggota kanan daripada kiri

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِذَا تَوَضَّأْتُمْ فَابْدَءُوا بِمَيَامِنِكُمْ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Jika kalian berwudhu', mulailah dengan anggota kanan kalian. [Sunan Ibnu Majah, Kitab at-Taharah, hadis no: 396]

> Majoriti ulama berpendapat mendahulukan anggota kanan ketika membasuh tangan dan kaki adalah sunat. Terdapat riwayat daripada Imam Ahmad bahawa hukumnya wajib tetapi Imam al-Zarkasyi menyatakan pendapat ini syaz. Ibn Qudamah berkata: Para ulama sepakat bahawa tidak perlu mengulangi wudhu bagi sesiapa yang mendahulukan anggota kiri sebelum kanan. [Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah]

Menyela-nyela celahan jari

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " إِذَا تَوَضَّأْتَ فَخَلِّلْ بَيْنَ أَصَابِعِ يَدَيْكَ وَرِجْلَيْكَ . "

Ibn 'Abbas radiallahu 'anhuma meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Apabila engkau berwudhu gosoklah celah-celah jari-jemari tanganmu dan kakimu [Sunan at-Tirmizi, Abwab at-Taharah, hadis no: 37]

> Meratakan air di antara celahan jari tangan dan kaki sama ada dengan menyela-nyela atau cara lain merupakan penyempurna wudhu. Ia wajib ketika berwudhu dan mandi di sisi semua ulama. Adapun menyela-nyela selepas memasukkan air di celahan jari adalah sunat di sisi majoriti ulama mazhab Hanafi, Syafie dan Hanbali. Ulama mazhab Hanafi menyatakan ia adalah sunat muakkad. Ulama Hanbali berpendapat menyela-nyela celahan jari kaki adalah sunat muakkad. Pendapat yang masyhur dalam mazhab Maliki pula menyatakan wajib menyela-nyela jari tangan dan sunat pada jari kaki, dan pendapat lain mazhab Maliki menyatakan wajib untuk kedua-duanya. [Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah]

Membaca doa selepas berwudhu.

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَتَوَضَّأُ فَيُحْسِنُ الْوُضُوءَ ، ثُمَّ يَقُولُ

‘Umar bin al-Khattab radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Tiadalah seorang muslim yang berwudhu, lalu dia mengelokkan wudhunya, kemudian dia membaca:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ،

“Aku bersaksi bahawa tidak ada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, tidak ada sekutu bagi-Nya. Dan aku bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba dan utusan-Nya. Ya Allah, jadikanlah aku termasuk golongan orang-orang yang bertaubat dan orang-orang yang mensucikan diri.”

إِلَّا فُتِحَتْ لَهُ ثَمَانِيَةُ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ يَدْخُلُ مِنْ أَيِّهَا شَاءَ. "

Melainkan akan dibuka untuknya lapan pintu syurga, dan dia boleh masuk melalui mana-mana pintu yang dia mahu [Sunan Ibn Majah, Kitab at-Taharah, hadis no: 463]

Dalam sebuah riwayat mawquf, Abu Sa’id al-Khudri radiallahu ‘anhu berkata: Sesiapa yang berwudhu lalu membaca:

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ ، أَشْهَدُ أَنْ لا إِلَهَ إِلا أَنْتَ ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ ،

Maha suci Engkau, Ya Allah, dan pujian untuk Mu. Aku bersaksi tiada tuhan yang berhak disembah selain engkau, aku memohon keampunan dan bertaubat kepada Mu

كُتِبَ فِي رَقٍّ ثُمَّ طُبِعَ بِطَابَعٍ فَلَمْ يُكْسَرْ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ

Akan ditulis (namanya) pada lembaran, akan dicetak dan tidak akan hilang hingga hari kiamat [Sunan an-Nasaie al-Kubra, Kitab az-Zinah, hadis no: 9515]

Solat Sunat Wudhu

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، " أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قال لِبِلَالٍ عِنْدَ صَلَاةِ الْفَجْرِ : يَا بِلَالُ حَدِّثْنِي بِأَرْجَى عَمَلٍ عَمِلْتَهُ فِي الْإِسْلَامِ ، فَإِنِّي سَمِعْتُ دَفَّ نَعْلَيْكَ بَيْنَ يَدَيَّ فِي الْجَنَّةِ ، قَالَ : مَا عَمِلْتُ عَمَلًا أَرْجَى عِنْدِي أَنِّي لَمْ أَتَطَهَّرْ طَهُورًا فِي سَاعَةِ لَيْلٍ أَوْ نَهَارٍ إِلَّا صَلَّيْتُ بِذَلِكَ الطُّهُورِ مَا كُتِبَ لِي أَنْ أُصَلِّيَ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam berkata kepada bilal ketika solat Subuh. Wahai Bilal, ceritakan kepada aku tentang amalan dalam Islam yang telah engkau lakukan, yang paling engkau harapkan? Sesungguhnya aku mendengar bunyi kasut mu di hadapan ku ketika di syurga. Bilal menjawab: Tidaklah ada satu amalan yang aku lakukan yang paling aku berharap dengannya daripada aku tidak pernah bersuci sama ada waktu malam atau siang melainkan aku akan mendirikan solat dengannya sebanyak mana yang aku mampu. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jumu’ah, hadis no: 1087]

مَنْ تَوَضَّأَ نَحْوَ وُضُوئِي هَذَا ، ثُمَّ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ لَا يُحَدِّثُ فِيهِمَا نَفْسَهُ ، غَفَرَ اللَّهُ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Uthman bin ‘Affan radiallahu ‘anhu berkata: Aku melihat Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam berwudhu’ seperti wudhu’ ku ini, kemudian baginda sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang berwudhu’ seperti wudhu’ ku ini, kemudian dia solat dua rakaat, sedangkan dia tidak bercakap dengan

dirinya dalam solat itu (yakni dia khusyuk) nescaya Allah ampuni segala dosanya yang telah lalu. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Wudhu, hadis no: 161]

Perkara-perkara yang membatalkan Wudhu'

Keluar sesuatu dari dua kemaluan

Firman Allah ta'ala:

أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ

Atau salah seorang di antara kalian datang dari tempat buang air [Surah al-Nisaa': 43]

> Dalam Sahih Fiqh as-Sunnah disebutkan: Ulama bersepakat batalnya wudhu disebabkan keluarnya sesuatu daripada dua jalan, iaitu qubul dan dubur.
>
> Adapun jika najis itu keluar daripada bukan qubul dan dubur (seperti pesakit yang tiub kencing dimasukkan melalui perut), maka ulama berbeza pendapat. Sesiapa yang berpegang bahawa yang membatalkan itu ialah najis yang keluar tidak kira dari mana pun ia keluar, maka batallah wudhunya. Ini merupakan pendapat Abu Hanifah, At-Tsauri, Ahmad dan Ibn Hazm. Manakala sesiapa yang menyatakan sebab batalnya ialah tempat keluar itu, maka apa sahaja yang keluar daripada qubul dan dubur membatalkan wudhu walaupun bukan najis. Ini merupakan pendapat mazhab Syafie.

Kentut :

عَنْ عَبَّادِ بْنِ تَمِيمٍ ، عَنْ عَمِّهِ ، أَنَّهُ شَكَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّجُلُ الَّذِي يُخَيَّلُ إِلَيْهِ أَنَّهُ يَجِدُ الشَّيْءَ فِي الصَّلَاةِ ، فَقَالَ : " لَا يَنْفَتِلْ أَوْ لَا يَنْصَرِفْ حَتَّى يَسْمَعَ صَوْتًا أَوْ يَجِدَ رِيحًا

'Abdullah bin Zaid radiallahu 'anhu menceritakan bahawa seorang lelaki menceritakan kepada Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bahawa dia was-was bahawa dia menghadapi sesuatu ketika solat (iaitu kentut), lalu baginda sallallahu 'alaihi wasallam menjawab: Janganlah engkau berhenti solat sehingga engkau mendengar bunyi atau terhidu baunya [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Wudhu, hadis no: 135]

Dalam Sahih Fiqh as-Sunnah disebutkan: Angin yang keluar dari dubut sama ada mempunyai bunyi atau tidak, maka ia membatalkan wudhu menurut kesepakatan ulama.

Bagaimana pula dengan angin yang sering keluar daripada faraj wanita?

> Ulama berbeza pendapat dalam hal ini, Fatwa no: 176951[1] Mawqi Islam Sual Wa Jawab menyatakan:

[1] http://islamqa.info/en/176951

Ulama Mazhab Syafie dan Hanbali berpendapat ia membatalkan wudhu, manakala mazhab Hanafi dan Maliki berpendapat ia tidak membatalkan wudhu.

Tetapi bagaimana wanita yang sering keluar angin pada farajnya, begitu juga dengan orang terlalu kerap kentut?

Shaikh al-Shanqitee berkata: (Keluarnya angin daripada faraj) padanya terdapat perbezaan pendapat ulama (sebagaimana disebutkan di atas). (Maka pendapat yang menyatakan ia membatalkan wudhu) adalah pendapat yang kuat, dan tidak syak lagi mengambil langkah berjaga-jaga lebih utama. Tetapi, apabila seorang wanita itu menghadapi keuzuran, di mana dia sukar untuk mengawalnya. Maka dia jatuh ke dalam hukum wanita yang mengalami istihadah, sebagaimana darah yang keluar berterusan. Dia hendaklah berwudhu selepas masuk waktu solat, dan janganlah dia hiraukan selepas itu tentang angin yang keluar, begitu juga dengan hal angin yang keluar berterusan itu daripada duburnya. Berhati-hati adalah lebih utama untuk agama dan ibadahnya. [Sharh Zadul Mustaqni']

Keluarnya mazi, mani dan wadi membatalkan wudhu. Dalam Sahih Fiqh as-Sunnah disebutkan: Semua benda yang mewajibkan mandi, adalah membatalkan wudhu menurut ijma' ulama.

Tidur

عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " الْعَيْنُ وِكَاءُ السَّهِ ، فَمَنْ نَامَ فَلْيَتَوَضَّأْ

Daripada Ali ra: Rsulullah sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda ;"Mata adalah pengikat lingkaran dubur, maka barang siapa yang tidur hendaklah dia berwudhu" [Sunan Ibnu Majah, Kitab at-Taharah, hadis no: 470]

عَنْ أَنَسٍ ، قَالَ : "كَانَ أَصْحَابُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنْتَظِرُونَ الْعِشَاءَ الْآخِرَةَ حَتَّى تَخْفِقَ رُءُوسُهُمْ ثُمَّ يُصَلُّونَ وَلَا يَتَوَضَّئُونَ "

Anas radiallahu 'anhu berkata: Para sahabat nabi sallallahu 'alaihi wasallam menunggu solat Isya' yang dilaksanakan lewat malam, sehingga kepada mereka terangguk-angguk (kerana mengantuk), kemudian mereka solat, dan mereka tidak mengambil wudhu' [Sunan Abi Daud, Kitab at-Taharah, hadis no: 172]

Dalam Fiqh as-Sunnah disebutkan perbezaan pendapat para ulama:

Tidak batal secara mutlak: Ini merupakan pendapat Ibn Umar, Abu Musa al-Asyaari radiallahu 'anhuma, pendapat Sa'id bin Jubair, Makhul, Ubaidah, Al-Auzai'e, dan selain mereka.

Batal secara mutlak: Pendapat Abu Hurairah, Abu Rafi', 'Amru bin az-Zubair, Atho', Al-Hasan Al-Basri, Ibn Al-Musayyab, Az-Zuhri, Al-Muzani, Ibn al-Munzir, Ibn Hazm dan lain-lain.

Tidur lama membatalkan wudhu, tidur sekejap tidak: Imam Malik, salah satu riwayat Ahmad, Az-Zuhri, Rabi'ah dan Al-Auzaie.

Tidak batal kecuali jika tidur dalam keadaan berbaring. Ini pendapat Hammad, at-Tsauri, Abu Hanifah dan lain-lain.

Tidak batal jika tidur duduk tanpa bergerak. Ini mazhab Syafie.

Tidak batal wudhu jika tidur dalam solat, batal wudhu jika di luar solat. Ini pendapat Abu Hanifah.

Hilang akal kerana mabuk, pengsan dan gila.

Dalam Sahih Fiqh as-Sunnah menukilkan bahawa telah sepakat ulama ia membatalkan wudhu.

Menyentuh Kemaluan

عَنْ بُسْرَةَ بِنْتِ صَفْوَانَ ، أَنّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " مَنْ مَسَّ ذَكَرَهُ فَلَا يُصَلِّ حَتَّى يَتَوَضَّأَ

Busrah bint Safwan radiallahu ‘anha meriwayatkan Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang menyentuh kemaluannya, janganlah dia solat sehingga dia berwudhu’ [Sunan at-Tirmizi, Abwab at-Taharah, hadis no: 77, hasan sahih] Imam at-Tirmizi berkata hadis seperti ini turut diriwayatkan daripada Abu Hurairah, ‘Arwa bte Unais, ‘Aisyah, Jabir, Zaid bin Khalid dan ‘Abdullah bin Amru.

حدثني قيس بن طَلْقٍ ، قال : حدثني أَبي : أن رجلًا جاءَ إلى النبيِّ صَلَّي اللهُ عَلَّيْهِ وَسَلَّمَ ، فقال : يا نبيَّ الله ، أيَتوضَّأُ أَحدُنا إذا مسَّ ذَكَره ؟ قال : " هل هو إلا بَضْعةٌ منك أو من جَسَدِك ؟!

Thalaq berkata seorang lelaki datang kepada Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam lalu berkata: Wahai Nabi Allah? Adakah salah seorang daripada kami perlu berwudhu apabila dia menyentuh kemaluannya? Baginda sallallahu ‘alaihi wasallam menjawab: Bukankah ia merupakan sebahagian daripada tubuh kamu? [Musnad Ahmad, Musnad al-Ansar, hadis no: 23396]

Dalam Sahih Fiqh as-Sunnah disebutkan bahawa hadis Busrah lebih kuat daripada hadis Thalaq, dan penghafaz hadis sepakat mengenai kecacatan hadis Thalaq.

Ulama berbeza pendapat dalam hal ini.
Pertama: Tidak batal secara mutlak, ini pendapat Abu Hanifah, dan Imam Malik dalam salah satu riwayatnya berhujahkan hadis Thalaq.
Kedua: Batal secara mutlak, ini pendapat Imam Malik dalam riwayat yang masyhur, Imam asy-Syafie, Ahmad, Ibn Hazm dan majoriti sahabat.
Ketiga: Batal jika sentuh dengan syahwah, tidak batal jika tanpa syahwat. Salah satu pendapat Imam Malik, dan Shaikh Al-Albani
Keempat: Tidak batal tetapi sunat berwudhu selepas menyentuh kemaluan. Salah satu riwayat Ahmad, Ibn Taimiyyah, dan Shaikh al-Uthaimin
Kelima: Batal jika sengaja sentuh. Ini pendapat Makhul, Jabir bin Zaid, Sa’id bin Jubair.

Bagaimana dengan menyentuh kemaluan anak kecil, contoh seorang ibu mencuci kemaluan anaknya.

Imam Ibn Qudamah menukilkan dalam Al-Mughni: Tiada beza dalam bab menyentuh kemaluannya dan kemaluan orang lain. Imam Dawud pula berkata: Tidak batal wudhu jika menyentuh kemaluan orang lain kerana dalil yang ada menunjukkan tentang menyentuh kemaluan sendiri. Adapun pada pendapat kami, menyentuh kemaluan orang lain adalah maksiat dan membawa kepada nafsu…Apabila menyentuh kemaluan sendiri membatalkan wudhu, maka hukum menyentuh kemaluan orang lain lebih utama untuk batal……
Tiada bezanya antara menyentuh zakar kanak-kanak dan orang dewasa. Inilah pendapat Atho', al-Syafie dan Abu Tsaur. Adapun diriwayatkan daripada Az-Zuhri dan al-Auzaie bahawa tidak perlu berwudhu bagi mereka yang menyentuh kemaluan kanak-kanak kerana dibenarkan untuk menyentuh dan melihatnya.

Fatwa No 191686 Mawqi' Islam Sual Wa Jawab[2] menyatakan: Yang paling dekat kepada kebenaran, wallahua'lam ialah pendapat kedua bahawa wudhu seorang ibu tidak terbatal apabila dia menyentuh kemaluan anaknya. Ini kerana ia termasuk dalam perkara Umum al-Balwa, dan tiada dinukilkan daripada Nabi sallallahu 'alaihi wasallam menyuruh kaum wanita kalangan sahabat untuk mengulangi wudhu mereka tatkala mereka perlu menyentuh kemaluan anak mereka. Begitu juga hamba perempuan di zaman itu ramai yang menyentuh kemaluan anak-anak.

Memakan daging unta

عَنْ جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ ، " أَنَّ رَجُلًا ، سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَأَتَوَضَّأُ مِنْ لُحُومِ الْغَنَمِ ؟ قَالَ : إِنْ شِئْتَ فَتَوَضَّأْ ، وَإِنْ شِئْتَ فَلَا تَوَضَّأْ ، قَالَ : أَتَوَضَّأُ مِنْ لُحُومِ الإِبِلِ ؟ قَالَ : نَعَمْ ، فَتَوَضَّأْ مِنْ لُحُومِ الإِبِلِ ، قَالَ : أُصَلِّي فِي مَرَابِضِ الْغَنَمِ ؟ قَالَ : نَعَمْ ، قَالَ : أُصَلِّي فِي مَبَارِكِ الإِبِلِ ؟ قَالَ : لَا

Dari Jabir bin Samurah radiallahu 'anhu bahawasanya seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam: Adakah saya perlu berwudhu kerana (memakan) daging kambing?" Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam menjawab : Kalau kamu mahu maka berwudhulah dan kalau tidak mahu, tidak perlu berwudhu. Dia berkata :Adakah saya perlu berwudhu kerana (makan) daging unta?, Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam menjawab : Ya, berwudhulah kerana (makan) daging unta. Dia berkata : Adakah saya (boleh) solat di kandang kambing? Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam menjawab :Ya. Dia bertanya : Adakah saya (boleh) solat di kandang unta?, Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam menjawab : Tidak. [Sahih Muslim, Kitab al-Haidhi, hadis no: 544]

Dalam Sahih Fiqh as-Sunnah disebutkan:
Pendapat batal wudhu: Imam Ahmad, Ishaq, Abu Khaithamah, Ibn al-Munzir, Ibn Hazm satu pendapat Imam Syafie, dan Ibn Taimiyyah.
Pendapat tidak batal wudhu hanya sunat wudhu: Majoriti iaitu Abu Hanifah, Malik, al-Syafie, At-Tsauri, dan ulama salaf lain.

[2] http://islamqa.info/ar/191686

Pendapat yang menyatakan tidak batal berdalilkan hadis berikut:

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ الْمُنْكَدِرِ ، قال : سَمِعْتُ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ ، قال : كَانَ " آخِرَ الْأَمْرَيْنِ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : تَرْكُ الْوُضُوءِ مِمَّا مَسَّتِ النَّارُ

Jabir bin Abdullah radiallahu 'anhu berkata: Perintah terakhir Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam ialah tidak perlu berwudhu selepas memakan apa yang disentuh api [Sunan an-Nasaie al-Sughra, Kitab at-Taharah, hadis no: 185]

Menyentuh bukan mahram.

Firman Allah:

أَوْ لاَمَسْتُمُ النِّسَاءَ

..atau menyentuh wanita.. [Surah al-Maidah: 6]

Ulama berbeza pendapat menyentuh di atas bermaksud menyentuh atau bersetubuh.

Terdapat riwayat menunjukkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam menyentuh isterinya.

عَنْ عَائِشَةَ ، " أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَبَّلَ امْرَأَةً مِنْ نِسَائِهِ ثُمَّ خَرَجَ إِلَى الصَّلَاةِ وَلَمْ يَتَوَضَّأْ " ، قَالَ عُرْوَةُ : مَنْ هِيَ إِلَّا أَنْتِ ، فَضَحِكَتْ

'Aisyah radiallahu 'anha menceritakan bahawa Nabi sallallahu 'alaihi wasallam mencium isterinya, kemudian keluar untuk mendirikan solat dan baginda tidak mengambil wudhu. 'Urwah berkata: Siapa lagi perempuan itu kalau bukan engkau, lalu 'Aisyah pun ketawa. [Sunan Abi Daud, Kitab at-Taharah, hadis no: 153, hadis dhaif]

عَنْ عَائِشَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، أَنَّهَا قَالَتْ : " كُنْتُ أَنَامُ بَيْنَ يَدَيْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرِجْلَايَ فِي قِبْلَتِهِ ، فَإِذَا سَجَدَ غَمَزَنِي فَقَبَضْتُ رِجْلَيَّ ، فَإِذَا قَامَ بَسَطْتُهُمَا ، قَالَتْ : وَالْبُيُوتُ يَوْمَئِذٍ لَيْسَ فِيهَا مَصَابِيحُ. "

'Aisyah radiallahu 'anha berkata: Aku sedang tidur di hadapan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam, dan kedua kakiku berada pada kiblatnya. Apabila baginda sujud, baginda akan mencuit aku lalu aku menarik kaki ku. Apabila baginda bangun, aku membentangkan kembali kaki aku. 'Aisyah berkata: Rumah pada zaman itu tidak seperti zaman ini, di rumah tiada lampu [Sahih al-Bukhari, Kitab as-Solat, hadis no:372]

Dalam Sahih Fiqh as-Sunnah disebutkan khilaf ulama:
Pertama: Batal secara mutlak. Ini pendapat Imam al-Syafie, Ibn Mas'ud dan Ibn 'Umar radiallahu 'anhuma
Kedua: Tidak batal secara mutlak. Ini pendapat Abu Hanifah, Muhammad Abu Hasan al-Syaibani, Ibn 'Abbas radiallahu 'anhuma, Thawus, al-Hasan, Atho' dan Ibn Taimiyyah.
Ketiga: Batal jika dengan syahwat. Ini pendapat mazhab Malik dan riwayat yang masyhur daripada Ahmad.

Mandi Wajib

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ ، قَالَ : قَالَتْ مَيْمُونَةُ : " وَضَعْتُ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَاءً يَغْتَسِلُ بِهِ ، فَأَفْرَغَ عَلَى يَدَيْهِ فَغَسَلَهُمَا مَرَّتَيْنِ مَرَّتَيْنِ أَوْ ثَلَاثًا ، ثُمَّ أَفْرَغَ بِيَمِينِهِ عَلَى شِمَالِهِ فَغَسَلَ مَذَاكِيرَهُ ، ثُمَّ دَلَكَ يَدَهُ بِالْأَرْضِ ، ثُمَّ مَضْمَضَ وَاسْتَنْشَقَ ، ثُمَّ غَسَلَ وَجْهَهُ وَيَدَيْهِ وَغَسَلَ رَأْسَهُ ثَلَاثًا ، ثُمَّ أَفْرَغَ عَلَى جَسَدِهِ ، ثُمَّ تَنَحَّى مِنْ مَقَامِهِ فَغَسَلَ قَدَمَيْهِ

‘Abdullah bin ‘Abbas radiallahu ‘anhuma berkata: Maimunah radiallahu ‘anha berkata: Aku membawakan air kepada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam, lalu baginda mandi dengannya. Baginda menuangkan air ke atas kedua tangannya lalu membasuhnya dua atau tiga kali. Kemudian baginda menuangkan air dengan tangan kanan ke tangan kirinya lalu mencuci kemaluannya. Kemudian baginda menggosok tangannya ke tanah. Kemudian baginda sallallahu ‘alaihi wasallam berkumur dan memasukkan air ke dalam hidung. Kemudian baginda membasuh muka dan kedua tangannya dan membasuh kepalanya sebanyak tiga kali. Kemudian baginda meyiram ke atas tubuhnya. Kemudian baginda beralih dari tempatnya dan membasuh kedua kakinya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Ghusl, hadis no: 259]

عَنْ عَائِشَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، " أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا اغْتَسَلَ مِنَ الْجَنَابَةِ بَدَأَ فَغَسَلَ يَدَيْهِ ، ثُمَّ يَتَوَضَّأُ كَمَا يَتَوَضَّأُ لِلصَّلَاةِ ، ثُمَّ يُدْخِلُ أَصَابِعَهُ فِي الْمَاءِ فَيُخَلِّلُ بِهَا أُصُولَ شَعَرِهِ ، ثُمَّ يَصُبُّ عَلَى رَأْسِهِ ثَلَاثَ غُرَفٍ بِيَدَيْهِ ، ثُمَّ يُفِيضُ الْمَاءَ عَلَى جِلْدِهِ كُلِّهِ

‘Aisyah radiallahu ‘anha meriwayatkan bahawa apabila Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam mandi junub, baginda memulakan dengan membasuh kedua tangannya, kemudian berwudhu sebagaimana wudhu solat. Kemudian baginda memasukkan jari jemarinya ke dalam air lalu menyela-nyelanya pada akar-akar rambutnya. Kemudian baginda menuangkan ke atas kepalanya tiga cedokan air dengan dua tangannya, kemudian baginda meratakan air ke seluruh kulitnya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Ghusl, hadis no: 242]

Berdasarkan dua hadis di atas, ringkasan cara mandi wajib adalah seperti berikut:

1- Niat
2- Mencuci dua tangan tiga kali
3- Mencuci kemaluan dengan tangan kiri
4- Mencuci tangan kiri selepas membasuh kemaluan dengan sabun (tanah dalam hadis di atas berfungsi seperti sabun)
5- Berwudhu (sama seperti wudhu solat, dan boleh menangguhkan basuhan kaki sehingga selepas mandi sebagaimana riwayat Maimunah)
6- Menyiram kepala dengan air sebanyak tiga kali. Mula dengan bahagian kanan kepala dan menyela-nyela rambut

عَنْ عَائِشَةَ ، قَالَتْ : " كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا اغْتَسَلَ مِنَ الْجَنَابَةِ ، دَعَا بِشَيْءٍ مِنْ نَحْوِ الْحِلَابِ ، فَأَخَذَ بِكَفَّيْهِ ، فَبَدَأَ بِشِقِّ رَأْسِهِ الْأَيْمَنِ ثُمَّ الْأَيْسَرِ ، ثُمَّ أَخَذَ بِكَفَّيْهِ ، فَقَالَ بِهِمَا عَلَى رَأْسِهِ

‘Aisyah radiallahu ‘anha berkata: Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam apabila mandi, baginda meminta bekas air yang dipanggil al-Hilab, kemudian baginda menggunakan kedua tapak tangannya dan menyiram bahagian kanan kepala, kemudian bahagian kiri, kemudian baginda

menggunakan kedua tapak tangannya dan menyiramnya di atas kepalanya. [Sunan Abi Daud, Kitab at-Taharah, hadis no: 208]

7- Menyiram seluruh tubuh dengan mendahulukan anggota kanan

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا ، قَالَتْ : " كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحِبُّ التَّيَمُّنَ فِي طُهُورِهِ وَتَرَجُّلِهِ وَتَنَعُّلِهِ

'Aisyah radiallahu 'anha berkata: Nabi sallallahu 'alaihi wasallam suka mengutamakan kanan ketika bersuci, bersikat dan memakai kasut [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Libas, hadis no: 5432]

Digalakkan membasuh seluruh tubuh sebanyak tiga kali sebagaimana kepala dengan diqiaskan kepada wudhu. Ini merupakan pendapat mazhab Hanafi, Syafie dan Hanbali, sedangkan di sisi mazhab Malik hanya kepala sahaja dibasuh tiga kali sebagaimana dalam hadis, dan makruh pada anggota lain melebihi sekali [Al-Mausua'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah]

Kesemua di atas ialah tatacara sempurna, tetapi tatacara yang minima ialah meratakan air ke seluruh tubuh. Dalam al-Fiqh al-Manhaji disebutkan hal yang wajib ketika mandi ialah niat dan meratakan air ke seluruh tubuh.

حَدَّثَنِي أَبُو جَعْفَرٍ ، قَالَ : قَالَ لِي جَابِرُ : وَأَتَانِي ابْنُ عَمِّكَ يُعَرِّضُ بِالْحَسَنِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ الْحَنَفِيَّةِ ، قَالَ : كَيْفَ الْغُسْلُ مِنَ الْجَنَابَةِ ؟ فَقُلْتُ " كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْخُذُ ثَلَاثَةَ أَكُفٍّ وَيُفِيضُهَا عَلَى رَأْسِهِ ، ثُمَّ يُفِيضُ عَلَى سَائِرِ جَسَدِهِ ، فَقَالَ لِي الْحَسَنُ : إِنِّي رَجُلٌ كَثِيرُ الشَّعَرِ ، فَقُلْتُ : كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكْثَرَ مِنْكَ شَعَرًا

Jabir berkata kepada Abu Ja'far: Sepupu engkau Al-Hasan bin Muhammad al-Hanafiyyah datang kepada aku dan bertanya: Bagaimana mandi junub Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam? Aku menjawab: Nabi sallallahu 'alaihi wasallam mengambil tiga ciduk air dengan tapak tangannya lalu menyiram di atas kepalanya. Kemudian baginda menyiram atas seluruh tubuhnya, Al-Hasan berkata: Sesungguhnya aku ada rambut yang lebat, aku menjawab: Rambut nabi sallallahu 'alaihi wasallam lebih lebat. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Ghusl, hadis no: 250]

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " مَنْ تَرَكَ مَوْضِعَ شَعْرَةٍ مِنْ جَنَابَةٍ لَمْ يَغْسِلْهَا ، فُعِلَ بِهِ كَذَا وَكَذَا مِنَ النَّارِ

'Ali radiallahu 'anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang meninggalkan kawasan sebesar rambut ketika mandi junub tanpa dibasuh, dia akan akan memperolehi api neraka [Sunan Abi Daud, Kitab at-Taharah, hadis no: 217]

Adakah wanita perlu membuka ikatan rambut ketika mandi junub?

Tidak. Dalilnya.

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ ، قَالَتْ : قُلْتُ : " يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنِّي امْرَأَةٌ أَشُدُّ ضَفْرَ رَأْسِي ، فَأَنْقُضُهُ لِغُسْلِ الْجَنَابَةِ ؟ قَالَ : لَا ، إِنَّمَا يَكْفِيكِ أَنْ تَحْثِي عَلَى رَأْسِكِ ثَلَاثَ حَثَيَاتٍ ، ثُمَّ تُفِيضِينَ عَلَيْكِ الْمَاءَ فَتَطْهُرِينَ

Ummu Salamah radiallahu 'anha berkata: Ya Rasulullah, aku adalah wanita yang mentocang rambutku, adakah aku perlu membukanya ketika mandi junub? Baginda menjawab: Tidak, cukup sekadar

menyiramkan di atas kepala mu tiga siraman, kemudian engkau siramkan seluruh tubuhmu dengan air. Maka engkau telah suci. [Sahih Muslim, Kitab al-Haidhi, hadis no: 502]

Mandi Haidh serta Nifas

Secara dasarnya caranya adalah sama dengan mandi junub tetapi terdapat beberapa perbezaan.

عَنْ عَائِشَةَ ، " أَنَّ أَسْمَاءَ ، سَأَلَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ غُسْلِ الْمَحِيضِ ؟ فَقَالَ : تَأْخُذُ إِحْدَاكُنَّ مَاءَهَا وَسِدْرَتَهَا ، فَتَطَهَّرُ فَتُحْسِنُ الطُّهُورَ ، ثُمَّ تَصُبُّ عَلَى رَأْسِهَا ، فَتَدْلُكُهُ دَلْكًا شَدِيدًا ، حَتَّى تَبْلُغَ شُئُونَ رَأْسِهَا ، ثُمَّ تَصُبُّ عَلَيْهَا الْمَاءَ ، ثُمَّ تَأْخُذُ فِرْصَةً مُمَسَّكَةً ، فَتَطَهَّرُ بِهَا ، فَقَالَتْ أَسْمَاءُ : وَكَيْفَ تَطَهَّرُ بِهَا ؟ فَقَالَ : سُبْحَانَ اللَّهِ ، تَطَهَّرِينَ بِهَا ، فَقَالَتْ عَائِشَةُ : كَأَنَّهَا تُخْفِي ذَلِكَ ، تَتَبَّعِينَ أَثَرَ الدَّمِ ،

'Aisyah radiallahu 'anha menceritakan bahawa Asma' bertanya kepada Nabi sallallahu 'alaihi wasallam tentang mandi haidh. Baginda menjawab: Hendaklah salah seorang kalian mengambil air beserta daun bidara. Lalu bersucilah dengannya dengan elok. Kemudian siramlah di atas kepalanya, kemudian gosoklah dengan bersungguh-sungguh sehingga sampai ke akar kepalanya. Kemudian siramlah ke atas tubuhnya air, kemudian ambillah kapas yang telah diletakkan minyak wangi, lalu bersihkanlah ia dengannya. Asma' bertanya: Bagaimana mahu membersihkan dengannya (Iaitu dengan kapas tadi). Baginda menjawab: Subhanallah, bersihkanlah dengannya. 'Aisyah berkata: Seolah-olah Asma' tidak faham iaitu bersihkanlah bekas darah dengannya (kapas itu) [Sahih Muslim, Kitab al-Haidhi, hadis no: 505]

1- Menggunakan sabun atau pembersih lain.
2- Membersihkan bekas darah dengan wangian
3- Membuka ikatan rambut

'Aisyah radiallahu 'anha berkata:

، وَكُنْتُ أَنَا مِمَّنْ أَهَلَّ بِعُمْرَةٍ فَأَدْرَكَنِي يَوْمُ عَرَفَةَ وَأَنَا حَائِضٌ ، فَشَكَوْتُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَ : دَعِي عُمْرَتَكِ وَانْقُضِي رَأْسَكِ

Aku dalam rombongan umrah, aku memasuki hari Arafah dalam keadaan haidh, aku pun mengadu kepada Nabi sallallahu 'alaihi wasallam, baginda menjawab: Tinggalkan umrah mu, dan bukalah ikatan rambut mu. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Haidhi, hadis no: 309]

Sebab-Sebab Mewajibkan Mandi

1- Keluar mani

عَنْ قَتَادَةَ ، أَنَّ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ حَدَّثَهُمْ ، أَنَّ أُمَّ سُلَيْمٍ حَدَّثَتْ : أَنَّهَا سَأَلَتْ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، عَنِ الْمَرْأَةِ ، تَرَى فِي مَنَامِهَا مَا يَرَى الرَّجُلُ ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِذَا رَأَتْ ذَلِكِ الْمَرْأَةُ ، فَلْتَغْتَسِلْ " ، فَقَالَتْ أُمُّ سُلَيْمٍ : وَاسْتَحْيَيْتُ مِنْ ذَلِكَ ، قَالَتْ : وَهَلْ يَكُونُ هَذَا ؟ فَقَالَ نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " نَعَمْ ، فَمِنْ أَيْنَ يَكُونُ الشَّبَهُ ؟ إِنَّ مَاءَ الرَّجُلِ غَلِيظٌ أَبْيَضُ ، وَمَاءَ الْمَرْأَةِ رَقِيقٌ أَصْفَرُ ، فَمِنْ أَيِّهِمَا عَلَا ، أَوْ سَبَقَ يَكُونُ مِنْهُ الشَّبَهُ

Ummu Sulaim radiallahu 'anha menceritakan bahawa dia bertanya kepada Nabi sallallahu 'alaihi wasallam tentang seorang seorang wanita yang bermimpi (mimpi basah sehingga keluar mani) sebagaimana mana lelaki. Lalu Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam menjawab: Apabila wanita mengalami mimpi itu, maka hendaklah dia mandi. Ummu Sulaim berkata: Aku berasa malu tentang hal itu, aku bertanya lagi: Bagaimana hal itu berlaku? Nabi sallallahu 'alaihi wasallam menjawab: Benar, jika tidak daripada mana datangnya kemiripan (pada anak)? Sesungguhnya mani lelaki itu lebih pekat dan berwarna putih, manakala mani wanita itu tidak pekat dan kekuningan. Anak itu akan mirip pada mana yang lebih dominan [Sahih Muslim, Kitab al-Haidhi, hadis no: 474]

> Dalam Sahih Fiqh as-Sunnah disebutkan ulama bersepakat bahawa wajibnya mandi apabila air mani keluar sama ada ketika jaga mahupun mimpi. Akan tetapi jika mani itu keluar kerana sakit, atau cuaca terlalu dingin, tanpa syahwat maka jumhur berkata tidak wajib mandi, manakala Imam asy-Syafie dan Ibn Hazm berpendapat wajib mandi.

2- Bersetubuh walau tidak keluar mani

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " إِذَا جَلَسَ بَيْنَ شُعَبِهَا الْأَرْبَعِ ، ثُمَّ جَهَدَهَا فَقَدْ وَجَبَ الْغَسْلُ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Jika seorang lelaki duduk di antara empat anggota tubuh wanita, kemudian dia menyetubuhinya, maka wajib dia mandi. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Ghusl, hadis no: 285]

> Dalam Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah menyebutkan bahawa ulama sepakat dalam hal ini.

3- Haidh dan Nifas

Firman Allah:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُل هُوَ أَذًى فَاعْتَزِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلاَ تَقْرَبُوهُنَّ حَتَّى يَطْهُرْنَ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ

Mereka bertanya kepada engkau tentang haidh. Katakanlah: Ia satu kotoran, jauhilah (daripada menyetubuhi) kaum wanita ketika mereka haidh, janganlah mendekati (iaitu menyetubuhi) mereka sehingga mereka telah bersuci. Apabila mereka telah bersuci, datangilah mereka daripada jalan mana yang Allah arahkan kepada kalian [al-Baqarah 2: 222]

عَنْ عَائِشَةَ ، أَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ أَبِي حُبَيْشٍ كَانَتْ تُسْتَحَاضُ ، فَسَأَلَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَ : " ذَلِكِ عِرْقٌ وَلَيْسَتْ بِالْحَيْضَةِ ، فَإِذَا أَقْبَلَتِ الْحَيْضَةُ فَدَعِي الصَّلَاةَ ، وَإِذَا أَدْبَرَتْ فَاغْتَسِلِي وَصَلِّي

'Aisyah radiallahu 'anha meriwayatkan Fatimah bte Abi Hubaisy mengalami istihadah, lalu dia bertanya kepada Nabi sallallahu 'alaihi wasallam, lalu baginda menjawab: Itu merupakan darah istihadah, dan bukannya haidh. Apabila engkau mengalami haidh, tinggalkanlah solat, apabila selesai haidh, engkau mandilah dan solatlah [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Haidhi, hadis no: 312]

Telah sepakat para ulama bahawa hukum haidh sama dengan hukum nifas [Sahih Fiqh as-Sunnah]

4- Memeluk Islam

، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنَّ ثُمَامَةَ بْنَ أُثَالٍ ، أَوْ أُثَالَةَ أَسْلَمَ ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " اذْهَبُوا بِهِ إِلَى حَائِطِ بَنِي فُلَانٍ ، فَمُرُوهُ أَنْ يَغْتَسِلَ"

Abu Hurairah radiallahu 'anhu meriwayatkan tentang pengislaman Tsamamah bin Ashal, lalu Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Pergilah dengannya ke kebun bani fulan, dan suruhlah dia mandi [Musnad Ahmad, Musnad Abu Hurairah, hadis no: 7838]

Ulama berbeza pendapat dalam hal ini .
Wajib secara mutlak: Imam Malik, Ahmad, Abu Tsaur, Ibn Hazm, Ibn al-Munzir, dan al-Khattabi
Sunat dan hanya wajib bila dia dalam keadaan junub ketika memeluk Islam. Mazhab Syafie dan Hanafi
Tidak wajib secara mutlak: Imam Abu Hanifah
[Sahih Fiqh as-Sunnah]

5- Mandi hari Jumaat

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " الْغُسْلُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُحْتَلِمٍ"

Abu Said al-Khudri Radiallahu 'anhu berkata, Rasulullah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Mandi pada hari Jumaat wajib untuk setiap orang yang sudah baligh. [Sahih Muslim, Kitab al-Jum'ah hadis no: 1403]

عَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدَبٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَنْ تَوَضَّأَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فَبِهَا وَنِعْمَتْ ، وَمَنِ اغْتَسَلَ فَالْغُسْلُ أَفْضَلُ "

Samurah bin Jundub radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang berwudhu pada hari Jumaat, maka dengan wudhu itu dia mendapat nikmat, dan sesiapa yang mandi, maka mandi itu lebih utama. [Sunan at-Tirmizi, Kitab al-Jum'ah, hadis no: 457, hasan]

Ulama berbeza pendapat:
Wajib. Ini pendapat Abu Hurairah, 'Amar bin Yasir, Abu Sa'id al-Khudri radiallahu 'anhum, Al-Hasan Al-Basri, Malik, Ahmad dan Ibn Hazm
Majoriti: Sunat
Wajib hanya apabila busuk: Ibn al-Qayyim
[Minhatul 'Allam, Syarh Bulughul Maram oleh Shaikh Saleh Fauzan al-Fauzan]

Tayammum

Dalil berkaitan tayamum daripada al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَى أَوْ عَلَى سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لامَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ مِنْهُ مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat, maka basuhlah mukamu dan tanganmu sampai ke siku, dan sapulah kepalamu dan (basuhlah) kakimu sehingga dengan kedua tumit, dan jika kamu junub maka mandilah, dan jika kamu sakit atau dalam perjalanan atau kembali daripada tempat buang air atau menyentuh perempuan, lalu kamu tidak memperolehi air, maka bertayammumlah dengan tanah yang baik (bersih); sapulah mukamu dan tanganmu dengan tanah itu. Allah tidak hendak menyulitkan kamu, tetapi Dia hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmat-Nya bagimu, supaya kamu bersyukur. (al-Maidah:6)

حَدَّثَنَا عِمْرَانُ بْنُ حُصَيْنٍ الْخُزَاعِيُّ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَى رَجُلًا مُعْتَزِلًا لَمْ يُصَلِّ فِي الْقَوْمِ ، فَقَالَ : " يَا فُلَانُ ، مَا مَنَعَكَ أَنْ تُصَلِّيَ فِي الْقَوْمِ ؟ فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ أَصَابَتْنِي جَنَابَةٌ وَلَا مَاءَ ، قَالَ : عَلَيْكَ بِالصَّعِيدِ فَإِنَّهُ يَكْفِيكَ

Daripada ‘Imran bin Hushain radiallahu ‘anhu bahawa Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam melihat seorang lelaki yang memencilkan diri dan tidak bersolat Jemaah bersama kaum Muslimin, baginda sallallahu ‘alaihi wasallam bertanya: Ya fulan, apa yang menghalang engkau daripada solat berjemaah? Lelaki itu menjawab: Ya Rasulullah, aku dalam keadaan junub, dan tiada air (untuk mandi wajib), lalu baginda sallallahu ‘alaihi wasallam berkata: Engkau bertayamumlah dengan tanah, sesungguhnya ia sudah cukup untuk engkau. [Sahih al-Bukhari, Kitab at-Tayammum, hadis no: 338]

Cara Tayamum:

عَنْ عَمَّارِ بْنِ يَاسِرٍ رضي الله عنهما قَالَ : بَعَثَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَاجَةٍ ، فَأَجْنَبْتُ فَلَمْ أَجِد الْمَاءَ ، فَتَمَرَّغْتُ فِي الصَّعِيدِ كَمَا تَمَرَّغُ الدَّابَّةُ ، فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَ : " إِنَّمَا كَانَ يَكْفِيكَ أَنْ تَصْنَعَ هَكَذَا ، فَضَرَبَ بِكَفِّهِ ضَرْبَةً عَلَى الْأَرْضِ ، ثُمَّ نَفَضَهَا ، ثُمَّ مَسَحَ بِهَا ظَهْرَ كَفِّهِ بِشِمَالِهِ أَوْ ظَهْرَ شِمَالِهِ بِكَفِّهِ ، ثُمَّ مَسَحَ بِهِمَا وَجْهَهُ

Dari ‘Ammar bin Yasir radiallahu’anhu bahawa dia berkata; Rasulullah sallallahu ‘alaihi sassalam mengutusku untuk sesuatu urusan lalu aku mengalami junub dan ketika itu aku tidak menemui air. Oleh kerana itu aku pun berguling-guling di tanah (untuk bersuci) sebagaimana haiwan berguling-guling. Aku menceritakan kepada Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam. Hal tersebut Nabi bersabda” Sebenarnya sudah cukup bagimu bersuci dengan cara seperti ini. Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam memukulkan kedua tepak tangannya di atas tanah dengan sekali pukulan. Kemudian baginda meniupnya, kemudian baginda sallallahu ‘alaihi wasallam menyapu belakang tapak tangan kanan dengan tapak tangan kirinya, dan menyapu belakang tapak tangan kiri dengan tapak tangan kanannya, kemudian baginda sallallahu ‘alaihi wasallam menyapu wajahnya’ [Sahih al-Bukhari, Kitab at-Tayammum, hadis no: 337]

Ringkasan tatacara tayamum:

1- Niat
2- Menepuk tapak tangan ke tanah, lalu menipiskannya
3- Menyapu muka dan pergelangan tangan

Khilaf tatacara tayamum:

Sekali atau dua tepukan pada tanah?

Ulama khilaf dalam hal ini. Sekali tepuk: Mazhab Hanbali, Ibn Hazm dan Ibn Taimiyyah memilih sekali tepuk.

Dua kali tepuk: Mazhab Hanafi, Maliki, Syafie, at-Tsauri, al-Laith, Ibn 'Umar, al-Sya'bi, al-Hasan al-Basri, memilih dua tepukan di tanah (satu untuk wajah, satu lagi untuk tangan). Pendapat ini berdasarkan beberapa riwayat. Pengarang Sahih Fiqh as-Sunnah menyatakan semua riwayat dua tepukan adalah lemah. [Sahih Fiqh as-Sunnah]

Hingga siku atau pergelangan tangan?

Hingga siku: Mazhab Hanafi dan Syafie kerana ia sama seperti wudhu

Hingga pergelangan tangan: Mazhab Maliki dan Hanbali kerana dalil-dalil di atas [al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah]

Pembatal Tayammum:

1- Sepakat ulama semua pembatal wudhu akan membatalkan tayamum [Sahih Fiqh as-Sunnah]
2- Sepakat ulama jika menemui air sebelum menunaikan solat, batal tayamum. [Sahih Fiqh as-Sunnah]
3- Jika air ada ketika solat sedang didirikan, ulama berbeza pendapat:

Berhenti solat, mengambil wudhu dan mengulangi solat: Ini mazhab Abu Hanifah, Ahmad

Teruskan solat: Imam Malik, al-Syafie, satu riwayat Ahmad, Abu Tsaur, Daud dan Ibn al-Munzir [Sahih Fiqh as-Sunnah]

Apakah debu yang boleh digunakan?

Khilaf ulama:

Pertama: Permukaan bumi secara mutlak, tidak kira pasir, gunung, batu, ataupun tanah. Ini pendapat Abu Hanifah, Abu Yusuf, Malik dan Ibn Taimiyyah.

Kedua: Tanah sahaja. Ini pendapat mazhab Syafie, Hanbali, Abu Tsaur dan Ibn al-Munzir. [Sahih Fiqh as-Sunnah]

Sebab Membolehkan Tayamum

Dalam Sahih Fiqh as-Sunnah disebutkan:

1- Tiada air
2- Tidak boleh menggunakan air kerana keuzuran. Antaranya:

a) Air ada tetapi hanya cukup untuk sebahagian tubuh sahaja.

Khilaf ulama: Dia membasuh anggota yang dapat dibasuh, apabila air habis dia bertayamum untuk anggota yang belum dibasuh. Ini mazhab Ahmad, salah satu pendapat Imam al-Syafie, dan Ibn Hazm.

Dalil pendapat ini ialah:

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ

Bertaqwalah kepada Allah menurut kemampuan kalian [at-Taghabun : 16]

Terus bertayamum tanpa menggunakan air: Mazhab Abu Hanifah, Malik dan salah satu pendapat mazhab Syafie serta sebahagian ulama salaf. Mereka berpegang tidak boleh digabungkan dua bentuk cara bersuci.

b) Air hanya cukup untuk keperluan diri, orang lain atau haiwan peliharaan. Ulama sepakat dia boleh bertayamum

c) Sakit, yang memudharatkan atau akan lambat sembuh jika menggunakan air.

Majoriti ulama: Membolehkan tayamum
Atho' dan al-Hasan hanya membenarkan yang tiada air sahaja.

d) Sebahagian anggota tubuh tidak boleh terkena air, sebahagian lagi boleh.

Ulama yang melarang menggabungkan dua cara bersuci (seperti dalam sebab A) menyatakan ia melihat kepada keadaan. Jika kebanyakan anggota tubuh yang perlu dibasuh mampu terkena air, maka hendaklah menggunakan air, dan yang tidak boleh terkena air dibiarkan sahaja. Tetapi jika kebanyakan anggota yang perlu dibasuh tidak boleh terkena air, maka cukup tayamum sahaja. Ini mazhab Abu Hanifah dan Malik.

Yang berkata boleh menggabungkan dua cara bersuci (seperti dalam sebab A) iaitu mazhab Syafie dan Ahmad pula menerangkan: Bahagian yang terkena air perlu dibasuh, yang tidak boleh terkena air perlu ditayamum.

e) Cuaca sejuk sangat yang memudharatkan

Jika tiada air panas, atau tidak mampu memanaskan air, maka boleh tayamum. Ini pendapat majoriti ulama.

وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

Janganlah kalian membunuh diri sendiri. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang dengan kalian [an-Nisa' : 29]

f) Hujung waktu solat dan tidak sempat menggunakan air

Tidak boleh tayamum: Mazhab Syafie, Hanafi, dan Abu Yusuf
Boleh tayamum: Ahlur Ra'yi, al-Auzai'e, Malik, Ibn Hazm, dan Ibn Taimiyyah agar dapat solat pada waktunya

g) Orang yang terlewat bangun, dan terjaga ketika hujung waktu solat

Boleh tayamum: Malik, al-Auzai'e, at-Tsauri dan Ibn Hazm.
Tidak perlu tayamum: Majoriti iaitu Abu Hanifah, al-Syafie, Ahmad, salah satu pendapat Malik, Ibn Taimiyyah. Ini berdalilkan:

عَنْ أَبِي قَتَادَةَ ، قَالَ : ذَكَرُوا لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَوْمَهُمْ عَنِ الصَّلَاةِ ، فَقَالَ : " إِنَّهُ لَيْسَ فِي النَّوْمِ تَفْرِيطٌ ، إِنَّمَا التَّفْرِيطُ فِي الْيَقَظَةِ ، فَإِذَا نَسِيَ أَحَدُكُمْ صَلَاةً أَوْ نَامَ عَنْهَا ، فَلْيُصَلِّهَا إِذَا ذَكَرَهَا

Abu Qatadah radiallahu ‘anhu berkata: Para sahabat menceritakan tentang tidur mereka yang menyebabkan terlepas solat. Lalu baginda sallallahu ‘alaihi wasallam menjawab: Sesungguhnya tiada kelalaian dalam tidur. Kelalaian itu berlaku ketika jaga. Apabila salah seorang kalian lupa daripada mendirikan solat atau tidur, maka solatlah apabila dia ingat [Sunan at-Tirmizi, Kitab as-Solat, hadis no: 162]

Kedudukan Solat Dalam Islam

Dalil-Dalil Kewajipan Solat

Firman Allah:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنْفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Dan dirikanlah solat dan bayarlah zakat. Dan kebaikan apa saja yang kamu usahakan bagi dirimu, tentu kamu akan mendapat pahalanya daripada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Melihat apa-apa yang kamu kerjakan [al-Baqarah 2:110]

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ ، شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ ، وَالْحَجِّ ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ

‘Umar radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Islam dibina di atas lima perkara: (1) Penyaksian bahawa tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah, dan Nabi Muhammad itu utusan Allah, (2) mendirika solat, (3) membayar zakat, (4) mengerjakan haji dan (5) berpuasa di bulan Ramadhan. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, hadis no: 7]

عَنِ ابْنِ عُمَرَ ، أَن رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " أُمِرْتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ ، وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ ، وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ ، فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ ، إِلَّا بِحَقِّ الْإِسْلَامِ وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ

‘Abdullah bin ‘Umar radiallahu ‘anhuma berkata Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Aku disuruh untuk memerangi manusia sehinggalah mereka bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah dan Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat, membayar zakat. Seandainya mereka telah melakukan hal itu, maka mereka darah dan harta mereka terpelihara daripada aku kecuali dengan hak Islam, dan hisab mereka adalah milik Allah. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, hadis no: 24]

<u>Murtadkah Jika Meninggalkan Solat</u>

Dalam Ensiklopedia Fiqh Kuwait disebutkan dalam bab (الرِّدَّةُ لِتَرْكِ الصَّلاَة) "Murtadnya Orang Yang Meninggalkan Solat":

لاَ خِلاَفَ فِي أَنَّ مَنْ تَرَكَ الصَّلاَةَ جَاحِدًا لَهَا يَكُونُ مُرْتَدًّا (2) ، وَكَذَا الزَّكَاةُ وَالصَّوْمُ وَالْحَجُّ ؛ لأِنَّهَا مِنَ الْمُجْمَعِ عَلَيْهِ الْمَعْلُومِ مِنَ الدِّينِ بِالضَّرُورَةِ (3)

Tiada perbezaan pendapat di kalangan ulama bahawa sesiapa yang meninggalkan solat dan ingkar (tentang kewajipannya) maka dia murtad. Begitu jugalah (untuk sesiapa yang ingkar) kewajipan zakat, puasa dan haji. Ini kerana hal-hal tersebut adalah perkara yang pasti diketahui/ma'lum bid dhorurah.

Adapun meninggalkan solat kerana malas, maka ada tiga pendapat tentang hukumnya:

Pertama: Murtad dan dihukum bunuh. Ini merupakan pendapat yang diriwayatkan daripada Imam Ahmad, Sa'id bin Jubair, 'Amir al-Sya'bi, Ibrahim an-Nakhaie, Abi 'Amru, Al-Awza'ie, Ayyub al-Sakhtiyaniy, 'Abdullah bin al-Mubarak, Ishaq bin Rahawaih, Abdul Malik bin Habib daripada mazhab Malik, dan ia juga merupakah salah satu pendapat mazhab al-Syafie. Imam at-Tahawi meriwayatkan pendapat ini daripada Imam al-Syafie sendiri, begitu juga Abu Muhammad bin Hazm meriwayatkan pendapat ini daripada 'Umar al-Khattab, Mu'az bin Jabal, 'Abdul Rahman bin 'Auf, Abu Hurairah dan sahabat-sahabat lain radiallahu 'anhum ajma'in.

Pendapat kedua: Orang yang meninggalkan solat dihukum bunuh tetapi dia tidak kafir. Ini merupakan pendapat Imam Malik dan Imam al-Syafie, dan merupakan satu riwayat daripada Imam Ahmad.

Pendapat ketiga: Sesiapa yang meninggalkan solat sebab malas, maka dia adalah orang fasiq, ini merupakan pendapat mazhab Hanafi.

Al-Imam Ibn Qayyim al-Jauziyyah menukilkan dalam kitabnya (الصلاة وأحكام تاركها) "Solat dan Hukum Meninggalkannya":

Umat Islam tidak berbeza pendapat bahawa meninggalkan solat fardhu dengan sengaja adalah antara dosa besar bahkan dosa besar yang paling besar (selepas syirik). Sesungguhnya dosa kepada Allah itu lebih besar daripada dosa membunuh, merampas harta, berzina, mencuri, minum arak, dan ia adalah jalan kepada hukuman Allah, kemurkaanNya dan penghinaan daripadaNya di dunia dan akhirat.

Solatlah Seperti Aku Solat

Hadis pokok yang mendokong kenapa kita perlu mempelajari solat Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam ialah:

عَنْ أَبِي قِلَابَةَ ، قَالَ : حَدَّثَنَا مَالِكٌ ، أَتَيْنَا إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَحْنُ شَبَبَةٌ مُتَقَارِبُونَ ، فَأَقَمْنَا عِنْدَهُ عِشْرِينَ يَوْمًا وَلَيْلَةً ، وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَحِيمًا رَفِيقًا ، فَلَمَّا ظَنَّ أَنَّا قَدِ اشْتَهَيْنَا أَهْلَنَا أَوْ قَدِ اشْتَقْنَا سَأَلَنَا عَمَّنْ تَرَكْنَا بَعْدَنَا ، فَأَخْبَرْنَاهُ ، قَالَ : " ارْجِعُوا إِلَى

أَهْلِيكُمْ ، فَأَقِيمُوا فِيهِمْ وَعَلِّمُوهُمْ وَمُرُوهُمْ ، وَذَكَرَ أَشْيَاءَ أَحْفَظُهَا أَوْ لَا أَحْفَظُهَا وَصَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي ، فَإِذَا حَضَرَتِ الصَّلَاةُ فَلْيُؤَذِّنْ لَكُمْ أَحَدُكُمْ وَلْيَؤُمَّكُمْ أَكْبَرُكُمْ

Malik bin al-Huwairis radiallahu ‘anhu berkata: Kami datang kepada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam, dan ketika itu kami semua mempunyai umur yang hampir sebaya. Kami tinggal bersama baginda sallallahu ‘alaihi wasallam selama 20 hari dan malam. Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam adalah seorang yang sangat penyayang dan lembut. Apabila baginda melihat kami sudah mula merindui keluarga kami, baginda pun bertanya tentang siapa yang telah kami tinggalkan untuk menjaga keluarga kami, lalu kami pun menceritakannya. Lalu baginda sallallahu ‘alaihi wasallam berkata: Pulanglah kepada keluarga kalian. Dirikanlah solat bersama mereka, ajarkan mereka dan suruhlah mereka melakukannya, dan baginda menyebutkan sesuatu yang aku antara hafaz atau tidak (kemudian baginda sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Solatlah sebagaimana kalian lihat aku solat. Apabila masuknya waktu solat, hendaklah salah seorang daripada kalian melaungkan azan, dan hendaklah yang paling tua mengimami solat kalian.

[Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 598]

Hadis lain yang sering menjadi pokok perbuatan solat ialah hadis ‘orang yang rosak solatnya’

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، أَنَّ رَجُلًا دَخَلَ الْمَسْجِدَ ، وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَالِسٌ فِي نَاحِيَةِ الْمَسْجِدِ فَصَلَّى ، ثُمَّ جَاءَ فَسَلَّمَ عَلَيْهِ ، فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " وَعَلَيْكَ السَّلَامُ ، ارْجِعْ فَصَلِّ فَإِنَّكَ لَمْ تُصَلِّ " ، فَرَجَعَ فَصَلَّى ، ثُمَّ جَاءَ فَسَلَّمَ ، فَقَالَ : " وَعَلَيْكَ السَّلَامُ ، فَارْجِعْ فَصَلِّ ، فَإِنَّكَ لَمْ تُصَلِّ " ، فَقَالَ فِي الثَّانِيَةِ أَوْ فِي الَّتِي بَعْدَهَا : عَلِّمْنِي يَا رَسُولَ اللَّهِ ، فَقَالَ : " إِذَا قُمْتَ إِلَى الصَّلَاةِ فَأَسْبِغِ الْوُضُوءَ ، ثُمَّ اسْتَقْبِلِ الْقِبْلَةَ فَكَبِّرْ ، ثُمَّ اقْرَأْ بِمَا تَيَسَّرَ مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ ، ثُمَّ ارْكَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ رَاكِعًا ، ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَسْتَوِيَ قَائِمًا ، ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا ، ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا ، ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا ، ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا ، ثُمَّ افْعَلْ ذَلِكَ فِي صَلَاتِكَ كُلِّهَا

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan bahawa seorang lelaki masuk ke dalam masjid, dan ketika itu Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam sedang duduk di satu bahagian masjid, dan lelaki itu pun mendirikan solat. Kemudian lelaki itu datang dan memberi salam kepada baginda sallallahu ‘alaihi wasallam. baginda sallallahu ‘alaihi wasallam menjawab: A’laikas Salam. Ulang semula solat. Sesungguhnya engkau belum solat. Lelaki itu pun mengulangi solatnya, kemudian dia datang dan memberi salam kepada baginda sallallahu ‘alaihi wasallam, baginda sallallahu ‘alaihi wasallam menjawab: ‘Alaikassalam, ulang semula solat, sesungguhnya engkau belum solat. Lelaki itu menjawab pada kali yang kedua atau yang seterusnya: Ajarkan aku ya Rasulullah. Lalu baginda sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Apabila kalian hendak solat, hendaklah kalian menyempurnakan wudhu, kemudian menghadap kiblat lalu bertakbir, kemudian hendaklah kalian membaca apa yang mudah untuk kalian daripada al-Quran. Kemudian ruku’lah sehingga kalian ruku’ dalam keadaan tenang, kemudian bangunlah sehingga berdiri tegak. Kemudian sujudlah sehingga kalian sujud dengan tenang, kemudian bangunlah sehingga kalian duduk dengan tenang, kemudian sujudlah sehingga kalian sujud dengan

tenang, kemudian bangunglah sehingga kalian duduk dengan tenang. Kemudian lakukanlah hal ini dalam seluruh solat kami.

[Sahih al-Bukhari, Kitab al-Isti'zan, hadis no: 5809]

Tatacara Solat Sempurna

1. Niat

سَمِعْتُ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَلَى الْمِنْبَرِ ، قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ : " إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى

'Umar radiallahu 'anhu ketika berkhutbah di atas mimbar berkata: Aku mendengar Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya amalan itu dengan niat, dan sesungguhnya setiap orang akan mendapat apa yang dia niatkan.

[Sahih al-Bukhari, Bab Bad'u al-Wahy, hadis no: 1]

> Shaikh at-Thorifi berkata dalam Sifat Solat Nabi: Tempat niat adalah di dalam hati…Tidak disyariatkan untuk menguatkannya, bahkan menguatkan lafaz niat adalah bid'ah. Aku tidak mengetahui seorang pun daripada sahabat, tabi'in dan pengikut mereka, serta imam 4 mazhab yang melafazkan niat kecuali apa yang diriwayatkan daripada Imam al-Syafie.. Walau bagaimanapun, contoh daripada Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam itulah yang disyariatkan. Jikalau perkataan para sahabat dalam hal sebegini pun bukannya wahyu yang manusia beribadah dengannya, maka bagaimana pula dengan perkataan orang-orang selepas mereka di kalangan Tabiian, dan bagaimana pula dengan perkataan orang selepas mereka di kalangan imam 4 mazhab.

2. Menghadap Kiblat

Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda kepada orang yang rosak solatnya:

إِذَا قُمْتَ إِلَى الصَّلَاةِ فَأَسْبِغِ الْوُضُوءَ ، ثُمَّ اسْتَقْبِلِ الْقِبْلَةَ

Apabila engkau hendak mendirikan solat, sempurnakanlah wudhu, menghadaplah ke arab kiblat

3. Berdiri jika mampu

، عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : كَانَتْ بِي بَوَاسِيرُ فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الصَّلَاةِ ، فَقَالَ : " صَلِّ قَائِمًا ، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا ، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ

'Imran bin Husoin radiallahu 'anhu berkata: Aku mengalami penyakit buasir, lalu aku bertanya kepada nabi sallallahu 'alaihi wasallam tentang solat. Baginda sallallahu 'alaihi wasallam menjawab: Solatlah secara berdiri, jika tidak mampu dengan duduk, jika tidak mampu dengan berbaring.

[Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jum'ah, hadis no: 1056]

Hukumnya wajib dalam solat fardhu, dan sunat dalam solat sunat.

> Shaikh at-Thorifi berkata: Berdiri merupakan rukun solat, ia merupakan satu kewajipan dalam solat fardhu, adapun untuk solat sunat, ia adalah sunat. Jika seseorang duduk dengan sengaja (ketika solat sunat), maka tiada apa-apa kerana terdapat dalil daripada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam

4. Melihat tempat sujud atau ke hadapan

Melihat tempat sujud

عَنْ سَالِمِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ ، أَنَّ عَائِشَةَ ، كَانَتْ تَقُولُ : " عَجَبًا لِلْمَرْءِ الْمُسْلِمِ إِذَا دَخَلَ الْكَعْبَةَ كَيْفَ يَرْفَعُ بَصَرَهُ قِبَلَ السَّقْفِ ، يَدَعُ ذَلِكَ إِجْلالا لِلَّهِ وَإِعْظَامًا ، دَخَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْكَعْبَةَ مَا خَلَفَ بَصَرُهُ مَوْضِعَ سُجُودِهِ حَتَّى خَرَجَ مِنْهَا

‘Aisyah radiallahu ‘anhu berkata: Sungguh ajaib seorang Muslim yang apabila dia masuk ke dalam Ka’bah, bagaimana mungkin dia mengangkat pandangannya ke arah bumbung, dia meninggalkan hal itu kerana penghormatan dan membesarkan Allah. Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam masuk ke Ka’bah, dan baginda sallallahu ‘alaihi wasallam tidak mengalihkan pandangannya daripada tempat sujudnya sehinggalah baginda sallallahu ‘alaihi wasallam keluar dari Ka’bah

[Sahih Ibn Khuzaimah, Kitab al-Manasik, hadis no: 2817]

Melihat ke hadapan

عَنْ أَبِي مَعْمَرٍ ، قَالَ : قُلْنَا لِخَبَّابٍ : " أَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ فِي الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ ؟ قَالَ : نَعَمْ ، قُلْنَا : بِمَ كُنْتُمْ تَعْرِفُونَ ذَاكَ ؟ قَالَ : بِاضْطِرَابِ لِحْيَتِهِ

Daripada Abi Ma’mar, kami bertanya kepada Khabbab: Apakah Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wassalam membaca di dalam solat Zuhur dan Asar. Jawabnya: Ya. Kami bertanya lagi: Bagaimana kalian tahu hal tersebut? Khabbab menjawab: (dengan melihat) pergerakan janggutnya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 707]

Khilaf ulama hal ini ada yang menggalakkan melihat ke hadapan, ada yang menggalakkan lihat di tempat sujud dan sebagainya.

> Shaikh at-Thorifi berkata: Imam Abu Hanifah, Syafie, dan Ahmad berpendapat disyariatkan melihat tempat sujud ketika solat. Sebahagian ulama memperincikan lagi, dan mereka mengaitkan hal itu dengan tahap khusyuk seseorang… Dinukilkan daripada at-Tahawi bahawa apabila sedang berdiri, hendaklah dia melihat tempat sujudnya, apabila ruku’ hendaklah dia melihat kedua kakinya, apabila sujud, hendaklah dia melihat hidungnya.. Perincian sebegini tiada dalil padanya.

> Shaikh at-Thorifi merumuskan: Sesungguhnya orang yang solat melihat ke arah yang lebih khusyuk untuknya solat. Seandainya dia lebih khusyuk dengan melihat imam, maka hendaklah

> dia melihat imam, jika dia lebih khusyuk dengan melihat ke hadapan, maka hendaklah dia melihat ke hadapan…

Hanya sahaja yang tidak boleh ialah melihat ke atas dan menoleh ke kiri dan kanan kerana terdapat dalil yang melarang yang akan disentuh dalam bab kesilapan-kesilapan dalam solat.

5. Mengucapkan Takbiratul Ihram

عَنْ عَائِشَةَ ، قَالَتْ : "كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَسْتَفْتِحُ الصَّلَاةَ بِالتَّكْبِيرِ

‘Aisyah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam memulakan solatnya dengan takbir. [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 773]

عَنْ عَلِيٍّ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " مِفْتَاحُ الصَّلَاةِ الطُّهُورُ وَتَحْرِيمُهَا التَّكْبِيرُ وَتَحْلِيلُهَا التَّسْلِيمُ

‘Ali radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Kunci solat adalah bersuci, pengharamannya ialah takbir, dan penghalalannya ialah salam. [Sunan at-Tirmizi, Abwab At-Taharah, hadis no: 3, Imam at-Tirmizi berkata: Hadis ini merupakan hadis yang paling kuat dalam bab ini]

Melafazkan takbir hukumnya wajib manakala mengangkat tangan ketika takbir adalah sunat menurut majoriti ulama.

> Shaikh at-Thorifi berkata: Sebahagian ulama mewajibkan mengangkat tangan ketika ini, mereka ialah Imam al-Awzaie, Al-Humaidi, Ibn Khuzaimah dan dia menukilkanya daripada Al-Hakim. Ini merupakan pendapat yang jauh (daripada kebenaran). Ibn Al-Munzir dan selainnya menukilkan ijma’ tentang sunatnya mengangkat tangan.

Apakah hukum takbir intiqal (takbir perpindahan daripada satu rukun ke satu rukun)?

> Shaikh at-Thorifi berkata: Majoriti ulama berpegang ia adalah sunat, dan ini merupakan pendapat yang benar. Imam Ahmad dalam salah satu riwayatnya menyatakan ia adalah wajib berdasarkan sabda Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam: Solatlah sebagaimana kalian lihat aku solat. Dalam riwayat lain Imam Ahmad berkata: Ia wajib dibaca ketika solat fardhu dan tidak wajib dalam solat sunat. Yang benar hukumnya adalah sunat dalam solat fardhu dan sunat melainkan dalam satu keadaan: Iaitu seorang imam yang mana makmum tidak akan mengetahui pergerakannya melainkan dengan laungan takbir, (maka wajib dia menguatkan suara). Apa-apa yang tidak sempurnan sesuatu kewajipan melainkan dengannya, maka ia wajib jua.

Kedudukan Tangan Ketika Takbir

Tangan Paras Bahu

أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا ، قَالَ : " رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ افْتَتَحَ التَّكْبِيرَ فِي الصَّلَاةِ ، فَرَفَعَ يَدَيْهِ حِينَ يُكَبِّرُ حَتَّى يَجْعَلَهُمَا حَذْوَ مَنْكِبَيْهِ ، وَإِذَا كَبَّرَ لِلرُّكُوعِ فَعَلَ مِثْلَهُ ، وَإِذَا قَالَ سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ فَعَلَ مِثْلَهُ وَقَالَ رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ ، وَلَا يَفْعَلُ ذَلِكَ حِينَ يَسْجُدُ وَلَا حِينَ يَرْفَعُ رَأْسَهُ مِنَ السُّجُودِ

'Abdullah bin 'Umar radiallahu 'anhu berkata: Aku melihat Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam memulakan solat dengan takbir, lalu mengangkat tangannya ketika bertakbir sehingga selari dengan kedua bahunya. Apabila dia bertakbir untuk ruku' dia melakukan hal yang sama, apabila dia menyebut 'sami'allahu liman hamidah, dia melakukan hal yang sama, dan menyebut robbana lakal hamd. Baginda tidak melakukan hal itu ketika hendak sujud dan tidak juga ketika mengangkat kepala daripada sujud. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 699]

Tangan Paras Telinga

عَنْ مَالِكِ بْنِ الْحُوَيْرِثِ " أَنَّهُ رَأَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَرْفَعُ يَدَيْهِ إِذَا رَكَعَ وَإِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرُّكُوعِ حَتَّى يُحَاذِيَ بِهِمَا فُرُوعَ أُذُنَيْهِ

Malik bin al-Huwairits radiallahu 'anhu meriwayatkan bahawa dia melihat Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam mengangkat kedua tangannya apabila hendak ruku' dan apabila bangun daripada ruku' sehingga ke paras selari dengan hujung kedua telinganya. [Sunan an-Nasaie al-Sughra, Kitab at-Tathbiq, hadis no: 1045]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : "كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ فِي الصَّلَاةِ رَفَعَ يَدَيْهِ مَدًّا

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam apabila mendirikan solat, baginda mengangkat kedua tangannya …. [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 641]

> Imam as-Sindi berkata: Tiada pertentangan daripada pelbagai tatacara nabi sallallahu 'alaihi wasallam yang berbeza-beza ini. Ini menunjukkan dibenarkan dilakukan semua tatacara pada waktu yang pelbagai. Semua itu adalah sunnah kecuali jika ada dalil menunjukkan berlakunya nasakh kepada sebahagian dalil. Jika tidak, maka ia kekal sunnah.

Tidak merenggangkan jari dan tidak menggenggam

عَنْ سَعِيدِ بْنِ سَمْعَانَ ، قَالَ : دَخَلَ عَلَيْنَا أَبُو هُرَيْرَةَ مَسْجِدَ بَنِي زُرَيْقٍ ، فَقَالَ : ثَلَاثٌ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعْمَلُ بِهِنَّ تَرَكَهُنَّ النَّاسُ : كَانَ " إِذَا قَامَ إِلَى الصَّلَاةِ قَالَ هَكَذَا وَأَشَارَ أَبُو عَامِرٍ بِيَدِهِ ، وَلَمْ يُفَرِّجْ بَيْنَ أَصَابِعِهِ وَلَمْ يَضُمَّهَا

Sa'id bin Sam'an berkata: Abu Hurairah radiallahu 'anhu masuk menemui kami di masjid Bani Zuraiq, lalu dia berkata: Tiga perkara yang Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam amalkan tetapi manusia meninggalkannya. Apabila baginda mendirikan solat, baginda melakukan begini. -(Perawi iaitu) Abu 'Amir mengisyaratkan dengan tangannya- baginda tidak menjarakkan antara jari jemarinya, dan tidak pula menggenggamnya.

[Al-Mustadrak 'Ala as-Sahihain, Kitab al-Imamah wa Solatil Jama'ah, hadis no: 811, isnadnya sahih]

Bilakah di angkat tangan
Ketika Takbir

فَرَفَعَ يَدَيْهِ حِينَ يُكَبِّرُ

lalu mengangkat tangannya **ketika bertakbir** [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 699]

Sebelum Takbir

عَنْ سَالِمِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ ، أَنَّ ابْنَ عُمَرَ ، قَالَ : " كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا قَامَ لِلصَّلَاةِ ، رَفَعَ يَدَيْهِ حَتَّى تَكُونَا حَذْوَ مَنْكِبَيْهِ ، ثُمَّ كَبَّرَ . . .

'Abdullah bin 'Umar radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam apabila mendirikan solat, baginda sallallahu 'alaihi wasallam mengangkat kedua tangannya sehingga separas kedua bahunya, **kemudian** baginda bertakbir…. [Sahih al-Bukhari, Kitab as-Solat, hadis no: 592]

Selepas Takbir

عَنْ أَبِي قِلَابَةَ ، أَنَّهُ رَأَى مَالِكَ بْنَ الْحُوَيْرِثِ : " إِذَا صَلَّى ، كَبَّرَ ، ثُمَّ رَفَعَ يَدَيْهِ ، وَإِذَا أَرَادَ أَنْ يَرْكَعَ ، رَفَعَ يَدَيْهِ ، وَإِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرُّكُوعِ ، رَفَعَ يَدَيْهِ " ، وَحَدَّثَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، كَانَ يَفْعَلُ هَكَذَا.

Abu Qilabah berkata bahawa dia melihat Malik bin al-Huwairits apabila mendirikan solat, dia akan bertakbir **kemudian** mengangkat kedua tangannya. Apabila mahu ruku' dia mengangkat kedua tangannya, apabila bangun daripada ruku' dia mengangkat kedua tangannya. Dia memberitahu bahawa Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam melakukan sedemikian rupa. [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 593]

6. Meletakkan Tangan Kanan Atas Tangan Kiri

، قَالَ : سَمِعْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ ، يَقُولُ : سَمِعْتُ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ : " إِنَّا مَعْشَرَ الأَنْبِيَاءِ أُمِرْنَا بِتَعْجِيلِ فِطْرِنا ، وَتَأْخِيرِ سُحُورِنا ، وَوَضْعِ أيمَانِنَا عَلَى شمائِلِنا فِي الصَّلاةِ

Ibn 'Abbas radiallahu 'anhu berkata: Aku mendengar Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya kami para nabi disuruh untuk menyegerakan berbuka puasa, melewatkan sahur dan meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri ketika solat. [Imam at-Thabrani dalam al-Mu'jam al-Kabir, Bab at-Ta', hadis no: 11330]

، عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ " أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ بِرَجُلٍ وَهُوَ يُصَلِّي قَدْ وَضَعَ يَدَهُ الْيُسْرَى عَلَى الْيُمْنَى ، فَانْتَزَعَهَا وَوَضَعَ يَدَهُ الْيُمْنَى عَلَى الْيُسْرَى

Jabir bin 'Abdullah radiallahu 'anhu berkata bahawa Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam lalu berhampiran seseorang yang sedang solat dan orang itu meletakkan tangan kirinya di atas tangan kanan. Baginda sallallahu 'alaihi wasallam menarik tangannya dan meletakkan tangan kanannya di atas tangan kirinya. [Imam at-Thabrani dalam al-Mu'jam al-Awsat, Bab al-Mim, hadis no: 8066]

Di manakah kedudukan tangan ketika solat?

Kesemua hadis-hadis yang mengkhususkan di atas dada, pusat dan sebagainya tidak terlepas daripada kritikan para ulama hadis.

Shaikh Bakar Zaid menyebutkan dalam La Jadid Fi Ahkam as-Solat:

Pendapat Pertama , kedua tangan diletakkan pada an-nahr.An-nahr adalah anggota badan antara di atas dada dan di bawah leher.

Pendapat Kedua , kedua tangan diletakkan di atas dada. Ini adalah pendapat Al-Imam Asy-Syafie pada salah satu riwayat darinya, Ibnul Qayyim, Asy-Syaukany, Ishaq bin Rahawaih dan Shaikh al-Albani.

Pendapat Ketiga ,kedua tangan diletakkan di antara dada dan pusat. Ini adalah pendapat mazhab Malik, Asy-Syafie, Ahmad Sa'id bin Jubair dan Daud Az-Zhahiri.

Pendapat Keempat , kedua tangan diletakkan di atas pusat. Pendapat ini merupakan salah satu riwayat daripada Imam Ahmad dan dinukil daripada Ali bin Abi Thalib dan Sa'id bin Jubair.

Pendapat Kelima ,kedua tangan diletakkan di bawah pusat. Ini adalah pendapat Al-Hanafiyah bagi lelaki Asy-Syafie dalam sebuah riwayat, Ahmad, Ats-Tsaury dan Ishaq.

Pendapat Keenam ,kedua tangan bebas diletakkan dimana saja: di atas pusat, di bawahnya, atau di atas dada. Ini pendapat Imam Ahmad, Ibn al-Munzir, Imam Malik, Shaikh Muqbil al-Wadie, dan Shaikh Bakar Zaid

Shaikh at-Thorifi berkata: Baginda meletakkan tangan kanannya di atas tangan kiri. Tiada dalil menunjukkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam melepaskan tangannya…

Apa yang dipegang oleh ulama salaf daripada sahabat dan tabi'in ialah manusia mempunyai pilihan dalam hal ini sama ada mahu meletakkan tangannya atas dada, di atas pusat, di atas perut atau selainnya. Sesungguhnya tiada masalah dalam hal itu. Sesungguhnya al-Ittiba' (mengikut sunnah) dalam hal ini ialah meletakkan tangan kanan atas tangan kiri sahaja. Selebihnya memerlukan kepada dalil daripada Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam.

7. Membaca Doa Iftitah

حَدَّثَنَا أَبُو هُرَيْرَةَ ، قَالَ : " كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْكُتُ بَيْنَ التَّكْبِيرِ وَبَيْنَ الْقِرَاءَةِ إِسْكَاتَةً ، قَالَ : أَحْسِبُهُ ، قَالَ : هُنَيَّةً ، فَقُلْتُ بِأَبِي وَأُمِّي يَا رَسُولَ اللَّهِ إِسْكَاتُكَ بَيْنَ التَّكْبِيرِ وَالْقِرَاءَةِ مَا تَقُولُ ، قَالَ : أَقُولُ اللَّهُمَّ بَاعِدْ بَيْنِي وَبَيْنَ خَطَايَايَ كَمَا بَاعَدْتَ بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ ، اللَّهُمَّ نَقِّنِي مِنَ الْخَطَايَا كَمَا يُنَقَّى الثَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ ، اللَّهُمَّ اغْسِلْ خَطَايَايَ بِالْمَاءِ وَالثَّلْجِ وَالْبَرَدِ. "

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam sering kali mendiamkan diri seketika di antara takbiratul Ihram dan bacaan al-Fatihah. Aku (Abu Hurairah) berkata: Ya Rasulullah, demi ayah dan ibuku, apakah yang engkau baca ketika mendiamkan diri di antara takbir dan al-Fatihah. Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam menjawab: Aku membaca: Ya Allah, jauhilah diriku dari kesalahanku sepertimana Engkau jauhkan antara timur dan barat; Ya Allah, bersihkanlah diriku dari kesalahanku sepertimana pakaian putih dibersihkan dari kotoran; Ya Allah cucikanlah diriku dari kesalahanku dengan air, salji dan kesejukan.

[Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 705]

> Shaikh at-Thorifi berkata: Membaca doa iftitath adalah sunat di sisi majoriti ulama. Ia merupakan pendapat Imam Abu Hanifah, Syafie, Ahmad, dan ia menyanggahi pendapat imam Malik. Imam Malik berpendapat tidak disyariatkan membaca doa iftitah, bahkan sebahagian ulama mazhab Malik menukilkan daripada beliau bahawa itu adalah bid’ah. Boleh jadi dalil itu tidak sampai kepadanya, apabila telah jelas dalilnya, maka tiada lagi hujah untuk sesiapa pun selepas itu.

Lafaz-lafaz doa iftitah

1-

اللَّهُمَّ بَاعِدْ بَيْنِي وَبَيْنَ خَطَايَايَ كَمَا بَاعَدْتَ بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ ، اللَّهُمَّ نَقِّنِي مِنَ الْخَطَايَا كَمَا يُنَقَّى الثَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ ، اللَّهُمَّ اغْسِلْ خَطَايَايَ بِالْمَاءِ وَالثَّلْجِ وَالْبَرَدِ

Ya Allah, jauhilah diriku dari kesalahanku sepertimana Engkau jauhkan antara timur dan barat; Ya Allah, bersihkanlah diriku dari kesalahanku sepertimana pakaian putih dibersihkan dari kotoran; Ya Allah cucikanlah diriku dari kesalahanku dengan air, salji dan kesejukan. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 705]

2-

“وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضَ حَنِيفًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ، إِنَّ صَلَاتِي ، وَنُسُكِي ، وَمَحْيَايَ ، وَمَمَاتِي ، لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ ، اللَّهُمَّ أَنْتَ الْمَلِكُ ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ ،

أَنْتَ رَبِّي وَأَنَا عَبْدُكَ ، ظَلَمْتُ نَفْسِي ، وَاعْتَرَفْتُ بِذَنْبِي ، فَاغْفِرْ لِي ذُنُوبِي جَمِيعًا ، إِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ ، وَاهْدِنِي لِأَحْسَنِ الأَخْلَاقِ ، لَا يَهْدِي لِأَحْسَنِهَا إِلَّا أَنْتَ ، وَاصْرِفْ عَنِّي سَيِّئَهَا ، لَا يَصْرِفُ عَنِّي سَيِّئَهَا إِلَّا أَنْتَ ، لَبَّيْكَ وَسَعْدَيْكَ ، وَالْخَيْرُ كُلُّهُ فِي يَدَيْكَ ، وَالشَّرُّ لَيْسَ إِلَيْكَ ، أَنَا بِكَ ، وَإِلَيْكَ تَبَارَكْتَ وَتَعَالَيْتَ ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ

Aku menghadapkan wajah ku dengan ikhlas (di dalam Islam) kepada yang telah menciptakan langit dan bumi, dan tidaklah aku di kalangan orang-orang Musyrikin. Sesungguhnya solatku, korbanku, kehidupanku, dan kematianku adalah untuk Allah. Tiada sekutu bagiNya, dan dengan itulah aku diperintahkan, dan aku daripada kalangan kaum Muslimin. Ya Allah, Engkauhlah Raja, Tiada yang berhak disembah melainkan Engkau. Engkau adalah Tuhanku, dan aku merupakan hambaMu. Aku telah menzalimi diriku sendiri, dan aku mengaku tentang dosaku. Maka ampunkanlah dosa-dosa ku kesemuanya. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa-dosa melainkan Engkau. Tunjukilah aku ke arah akhlak yang terbaik. Tiada siapa yang dapat memberi petunjuk kepada ku kea rah akhlak yang terbaik melainkan Engkau. Selamatkan diriku dari akhlak yang terburuk. Tiada siapa yang dapat menyelamatkan aku daripada akhlak yang terburuk kecuali Engkau. Aku di sini dan aku berbahagia untuk berkhidmat kepadaMu. Semua kebaikan di tanganMu, kejahatan pula bukan daripadaNya. Aku bersama Engkau, aku bersamaMu dan kepadaMu wahai yang penuh barakah dan Maha Tinggi. Aku memohon ampun kepadaMu dan aku bertaubat kepadamu. [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin, hadis no: 1296]

3-

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ ، وَتَبَارَكَ اسْمُكَ ، وَتَعَالَى جَدُّكَ ، وَلَا إِلَهَ غَيْرُكَ

Maha Suci Engkau Ya Allah, dan segala puji untuk Mu, namaMu yang penuh barakah, kekuasaanMu yang Maha Tinggi, dan Tiada yang berhak diibadahi selain Engkau [Musnad Ahmad, Musnad Abi Sa'id al-Khudri, hadis no: 11444]

4-

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا ، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا

Allah benar-benar Maha Besar, Segala pujian yang melimpah ruah untukNya, Maha Suci Allah pada waktu pagi dan petang [Sahih Muslim, Kitab al-Masajid, hadis no: 948]

5-

اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ قَيِّمُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ ، وَلَكَ الْحَمْدُ لَكَ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ، وَمَنْ فِيهِنَّ وَلَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ، وَلَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ الْحَقُّ ، وَوَعْدُكَ الْحَقُّ ، وَلِقَاؤُكَ حَقٌّ ، وَقَوْلُكَ حَقٌّ ،

وَالْجَنَّةُ حَقٌّ ، وَالنَّارُ حَقٌّ ، وَالنَّبِيُّونَ حَقٌّ , وَمُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَقٌّ , وَالسَّاعَةُ حَقٌّ ، اللَّهُمَّ لَكَ أَسْلَمْتُ وَبِكَ آمَنْتُ وَعَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْكَ أَنَبْتُ وَبِكَ خَاصَمْتُ وَإِلَيْكَ حَاكَمْتُ ، فَاغْفِرْ لِي مَا قَدَّمْتُ وَمَا أَخَّرْتُ وَمَا أَسْرَرْتُ وَمَا أَعْلَنْتُ ، أَنْتَ الْمُقَدِّمُ وَأَنْتَ الْمُؤَخِّرُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ ، أَوْ لَا إِلَهَ غَيْرُكَ

Ya Allah, untukMu segala pujian. Engkaulah yang membangunkan langit dan bumi dan apa yang ada padanya. UntukMu segala pujian, untukMu pemerintahan langin dan bumi dan apa yang ada padanya. UntukMu segala pujian, Engkaulah cahaya langit dan bumi. UntukMu segala pujian, Engkau adalah realiti, janjiMu adalah realiti, pertemuan denganMu adalah realiti, syurga adalah realiti, neraka adalah realiti, nabi-nabi adalah realiti, Muhammad Sallallahu ‘alaihi wa sallam adalah realiti, hari kiamat adalah realiti. Ya Allah, kepada Engkau aku menyerah diri, dengan Engkau aku beriman, ke atas Engkau aku bertawakkal, kepada Engkau aku bertaubat, dengan Engkau aku berjuang, kepada Engkau aku berhakim, maka ampunilah aku apa-apa yang telah aku lakukan dan akan aku lakukan, apa-apa yang aku sembunyikan dan apa-apa yang aku zahirkan. Engkaulah Yang Pertama dan Yang Terakhir, tiada yang berhak diibadahi selain Engkau [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jum’ah, hadis no: 159]

6-

اللَّهُمَّ رَبَّ جَبْرَائِيلَ ، وَمِيكَائِيلَ ، وَإِسْرَافِيلَ ، فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ ، عَالِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ ، أَنْتَ تَحْكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ، اهْدِنِي لِمَا اخْتُلِفَ فِيهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِكَ ، إِنَّكَ تَهْدِي مَنْ تَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Ya Allah, Tuhan Jibrail, Mikail, dan Israfil. Yang Menciptakan langit dan bumi, Yang Maha Mengetahui yang ghaib mahupun yang kelihatan. Engkaulah yang Menghakimi hamba-hambaMu di dalam apa yang mereka perselisihkan. Tunjukkilah aku dengan izinmu kepada kebenaran di dalam apa yang diperselisihkan. Sesungguhnya Engkau memberi petunjuk kea rah Sirat al-Mustaqim kepada sesiapa yang Engkau Kehendaki. [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin, hadis no: 1295]

7-

Bertakbir sepuluh kali, tasbih sepuluh kali, tahlil sepuluh kali, istighfar sepuluh kali kemudian membaca sebanyak sepuluh kali:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَاهْدِنِي وَارْزُقْنِي

Ya Allah, ampuni aku, berikan aku petunjuk, dan berikan aku rezeki.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الضِّيقِ يَوْمَ الْحِسَابِ

Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung denganMu daripada kesempitan di hari kiamat [Musnad Ahmad, Hadis al-Sayyidah ‘Aisyah, hadis no: 24539]

8. Membaca Ta'awuz

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ ، قَالَ : " كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا قَامَ مِنَ اللَّيْلِ كَبَّرَ ، ثُمَّ يَقُولُ : سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ وَتَبَارَكَ اسْمُكَ وَتَعَالَى جَدُّكَ وَلَا إِلَهَ غَيْرَكَ ، ثُمَّ يَقُولُ : لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، ثَلَاثًا ، ثُمَّ يَقُولُ : اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا ، ثَلَاثًا ، أَعُوذُ بِاللَّهِ السَّمِيعِ الْعَلِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ مِنْ هَمْزِهِ وَنَفْخِهِ وَنَفْثِهِ ، ثُمَّ يَقْرَأُ

Abu Sa'id al-Khudri Radiallahu 'anhu berkata: Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam ketika melakukan Qiamullail, baginda mengangkat takbir kemudian membaca (doa istiftah)……kemudian baginda membaca: Aku berlindung kepada Allah Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui dari gangguan syaitan yang direjam, daripada fitnahnya, semburannya dan ludahannya [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 657]

Allah berfirman:

فَإِذَا قَرَأْتَ الْقُرْآنَ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيم

Apabila kalian membaca al-Quran, pohonlah perlindungan Allah daripada syaitan yang direjam [an-Nahl : 98]

> Shaikh at-Thorifi berkata: Imam al-Syafie, Abu Hanifah dan kebanyakan Qurra' seperti Abu 'Amru, 'Ashim, Ibn Kathir dan selain mereka memilih lafaz istia'azah: أَعُوذُ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ berdasarkan firman Allah dalam surah an-Nahl : 98. Manakala Imam Ahmad, Al-A'masy, Al-Hasan bin Soleh, Nafi', Ibn 'Amir, Al-Kasaie memilih lafaz istia'azah أَعُوذُ بِاللَّهِ السَّمِيعِ الْعَلِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيم .
>
> Setiap hal ini wujud dalam atsar, dan hal ini adalah luas.

9. Membaca Al-Fatihah

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ

'Ubadah bin al-Somit radiallahu 'anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tiada solat bagi sesiapa yang tidak membaca surah al-Fatihah [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 717]

سَمِعْتُ أَبَا هُرَيْرَةَ ، يَقُولُ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَنْ صَلَّى صَلَاةً لَمْ يَقْرَأْ فِيهَا بِأُمِّ الْقُرْآنِ ، فَهِيَ خِدَاجٌ ، فَهِيَ خِدَاجٌ ، فَهِيَ خِدَاجٌ ، غَيْرُ تَمَامٍ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang solat dengan solat yang dia tidak membaca surah al-Fatihah di dalamnya, maka solat itu gugur, gugur, gugur, tidak sempurna. [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 699]

Hukum Bismillah

Shaikh at-Thorifi berkata: Sebahagian ulama berpendapat wajib membaca bismillah. Rumusan daripada masalah ini ialah:

- Sesiapa yang membaca dengan riwayat Qurra yang menganggap bismillah sebahagian daripada surah al-Fatihah, maka tidak sah solatnya melainkan dengan membaca bismillah. Ini seperti riwayat ‘Ashim bin Abi Najwad, Hamzah, Al-Kasaie, Abdullah bin Kathir dan selain mereka daripada sahabat dan tabiin. Ini merupakan pendapat Imam al-Syafie dan selainnya.

- Sesiapa yang membaca dengan riwayat Qurra yang tidak mengira ia sebahagian daripada surah al-Fatihah, maka dia boleh memilih sama ada mahu membaca bismillah atau tidak seperti Ibn ‘Umar, Abi ‘Amru, Ya’qub, dan sebahagian riwayat daripada Nafi’. Imam Malik berpendapat tidak perlu membaca bismillah sebelum al-Fatihah.

Paling kurang, ia merupakan perkara sunat. Ia dibaca sebelum al-Fatihah di sisi ramai para sahabat dan generasi selepasnya. Walaupun majoriti mereka tidak membacanya dengan kuat, tidaklah patut seseorang itu berterusan meninggalkan daripada membacanya.

Dibaca dengan kuat atau perlahan

عَنْ أَنَسٍ ، قَالَ : " صَلَّيْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبِي بَكْرٍ ، وَعُمَرَ ، وَعُثْمَانَ ، فَلَمْ أَسْمَعْ أَحَدًا مِنْهُمْ يَقْرَأُ : بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ سورة الفاتحة آية 1

Anas bin Malik radiallahu ‘anhu berkata: Aku solat bersama Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam, Abu Bakr, ‘Umar, Uthman. Aku tidak mendengar seorang pun daripada mereka membaca “bismillah…” [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 610]

عَنْ أَنَسٍ قال : " صَلَّيْتُ خَلْفَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبِي بَكْرٍ ، وَعُمَرَ ، وَعُثْمَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ فَلَمْ أَسْمَعْ أَحَدًا مِنْهُمْ يَجْهَرُ بِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ سورة الفاتحة آية 1"

Anas bin Malik radiallahu ‘anhu berkata: Aku solat bersama Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam, Abu Bakr, ‘Umar, Uthman. Aku tidak mendengar seorang pun daripada mereka menguatkan bacaan “bismillah…” [Sunan an-Nasaie as-Sughra, Kitab al-Iftitah, hadis no: 897]

عَنِ ابْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُغَفَّلٍ يَزِيدَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ ، قَالَ : سَمِعَنِي أَبِي ، وَأَنَا أَقُولُ : بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ سورة الفاتحة آية 1 ، فَقَالَ : أَيْ بُنَيَّ ، إِيَّاكَ قَالَ : " وَلَمْ أَرَ أَحَدًا مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ أَبْغَضَ إِلَيْهِ حَدَثًا فِي الْإِسْلَامِ مِنْهُ فَإِنِّي قَدْ صَلَّيْتُ

مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَعَ أَبِي بَكْرٍ ، وَعُمَرَ ، وَمَعَ عُثْمَانَ ، فَلَمْ أَسْمَعْ أَحَدًا مِنْهُمْ يَقُولُهَا ، فَلَا تَقُلْهَا ، إِذَا أَنْتَ قَرَأْتَ ، فَقُلْ : الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Yazid bin ‘Abdullah berkata: Ayah ku mendengar aku membaca “Bismillah…” dalam surah al-Fatihah. Beliau terus berkata: Wahai anak ku, berhati-hatilah engkau. Aku tidak pernah melihat seorang pun yang membenci perkara-perkara baru melebihi kebencian para sahabat nabi sallallahu ‘alaihi wasallam. Sesungguhnya aku solat bersama Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam, Abu Bakar, Umar dan Uthman, aku tidak pernah mendengar mereka membacanya. Jadi, janganlah engkau membacanya. Jika engkau membaca, sebutlah: Alhamdulillahi rabbil ‘alamin. [Musnad Ahmad, Hadis Abdullah bin Mughfal, hadis no: 16435]

أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ ، قَالَ : " صَلَّى مُعَاوِيَةُ بِالْمَدِينَةِ صَلاةً فَجَهَرَ فِيهَا بِالْقِرَاءَةِ فَقَرَأَ فِيهَا (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) لأُمِّ الْقُرْآنِ

Anas bin Malik radiallahu ‘anhu berkata: Muawiyah radiallahu ‘anhu solat di Madinah, lalu beliau menguatkan bacaannya. Beliau membaca “Bismillah.. untuk surah al-Fatihah [al-Sunan al-Saghir lil Baihaqi, Kitab as-Solat, hadis no: 181] *(dinilai dhaif kerana bercanggah dengan riwayat-riwayat Anas yang lain)*

> Shaikh at-Thorifi berkata: Tidak ada dalil menguatkan bacaan bismillah daripada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam. Setiap riwayat yang menyatakan dikuatkan bacaannya adalah dhaif….
>
> Shaikh al-Albani berkata: (Membaca dengan perlahan) Ia merupakan Mazhab Abu Hanifah dan pengikut-pengikutnya. Ia juga merupakan pendapat kebanyakan Ahlul Hadis. Yang menyanggahi pendapat ini ialah Imam al-Syafie dan pengikut-pengikutnya dan sebahagian daripada sahabat, tabiin. Mereka berpendapat disunatkan untuk menguatkannya.

Membaca ayat satu persatu

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ أَنَّهَا سُئِلَتْ عَنْ قِرَاءَةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَتْ : كَانَ : يُقَطِّعُ قِرَاءَتَهُ آيَةً آيَةً بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ سورة الفاتحة آية 1 , الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ سورة الفاتحة آية 2 ، الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ سورة الفاتحة آية 1 ، مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ سورة الفاتحة آية 4

Ummu Salamah radiallahu ‘anhu ditanya tentang bacaan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam, beliau menjawab: Baginda memberhentikan bacaannya ayat demi ayat…. [Musnad Ahmad, Musnad an-Nisa’, hadis no: 25983]

Dialog dengan Allah

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " مَنْ صَلَّى صَلَاةً ، لَمْ يَقْرَأْ فِيهَا بِأُمِّ الْقُرْآنِ ، فَهِيَ خِدَاجٌ ، ثَلَاثًا غَيْرُ تَمَامٍ ،

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang mendirikan solat, sedangkan dia tidak membaca Ummul Qur’an (al-Fatihah), maka dia telah mengalami keguguran.

فَقِيلَ لِأَبِي هُرَيْرَةَ : إِنَّا نَكُونُ وَرَاءَ الإِمَامِ ، فَقَالَ : اقْرَأْ بِهَا فِي نَفْسِكَ ، فَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ : قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : قَسَمْتُ الصَّلَاةَ بَيْنِي وَبَيْنَ عَبْدِي نِصْفَيْنِ ، وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ ،

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu disoal: (Tetapi) kami solat di belakang imam? Abu Hurairah radiallahu ‘anhu menjawab: Bacalah (surah al-Fatihah) sendiri-sendiri. Sesungguhnya aku pernah mendengar Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Allah s.w.t berfirman: Aku telah membahagikan as-Solah (nama lain surah al-Fatihah) kepada dua bahagian antara aku dan hamba Ku. Untuk hamba Ku apa yang dia mohon.

فَإِذَا قَالَ الْعَبْدُ : الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ سورة الفاتحة آية 2 ، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : حَمِدَنِي عَبْدِي ،

Apabila seorang insan membaca: Segala puji bagi Allah, Tuhan seluruh alam. Allah s.w.t menjawab: Hamba Ku telah memuji Ku.

وَإِذَا قَالَ : الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ سورة الفاتحة آية 3 ، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : أَثْنَى عَلَيَّ عَبْدِي ،

Apabila dia membaca: Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Allah s.w.t menjawab: Hamba Ku telah memuliakan Ku.

وَإِذَا قَالَ : مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ سورة الفاتحة آية 4 ، قَالَ : مَجَّدَنِي عَبْدِي ، وَقَالَ : مَرَّةً فَوَّضَ إِلَيَّ عَبْدِي ،

Apabila dia membaca:Yang Menguasai hari pembalasan. Hamba Ku telah mengagungkan Ku. Hamba Ku telah menyerahkan segala urusan kepada Ku.

فَإِذَا قَالَ : إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ سورة الفاتحة آية 5 ، قَالَ : هَذَا بَيْنِي وَبَيْنَ عَبْدِي ، وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ ،

Apabila dia membaca: Hanya Engkau kami sembah, dan hanya kepada Engkau lah kami pohoh pertolongan. Allah s.w.t menjawab: Inilah dia antara Ku dan hamba Ku. Untuk hamba Ku apa yang dia minta.

فَإِذَا قَالَ : اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ { 6 } صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلا الضَّالِّينَ { 7 } سورة الفاتحة آية 6-7 ، قَالَ : هَذَا لِعَبْدِي وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ"

Apabila dia membaca: Tunjukilah kami jalan yang lurus. Yang mereka yang Engkau beri nikmat, bukan jalan mereka yang Engkau Murkai, dan bukan pula mereka yang sesat. Lalu Allah s.w.t menjawab: Inilah

antara Ku dan hamba Ku. Buat hambaku apa yang dia minta.
[Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 603]

Wajibkah al-Fatihah untuk makmum?

Pendapat pertama: Wajib

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ ، قَالَ : صَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الصُّبْحَ ، فَثَقُلَتْ عَلَيْهِ الْقِرَاءَةُ ، فَلَمَّا انْصَرَفَ ، قَالَ : " إِنِّي أَرَاكُمْ تَقْرَءُونَ وَرَاءَ إِمَامِكُمْ ، قَالَ : " قُلْنَا : يَا رَسُولَ اللَّهِ إِي وَاللَّهِ ، قَالَ : " فَلَا تَفْعَلُوا إِلَّا بِأُمِّ الْقُرْآنِ فَإِنَّهُ لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِهَا

'Ubadah bin al-Somit r.a berkata: Rasulullah s.a.w mendirikan solat Subuh, baginda mengalami kesukaran untuk membaca. Apabila selesai solat baginda bertanya: Sesungguhnya aku melihat kalian membaca di belakang imam kalian? Para sahabat menjawab: Benar ya Rasulullah. Baginda s.a.w berkata: Jangan kalian lakukannya kecuali pada Ummul Quran, sesungguhnya tiada solat kepada sesiapa yang tidak membacanya. [Sunan at-Tirmizi, Kitab as-Solat, hadis no: 286]

> Kata Imam at-Tirmizi: Hadis ini diamalkan sebagai hujah membaca di belakang imam oleh majoriti ulama di kalangan sahabat nabi s.a.w dan tabiin. Ini merupakan pendapat Imam Malik bin Anas, Ibn al-Mubarak, al-Syafie, Ahmad, dan Ishak rahimahumullah.

Kedua: Makmum tidak perlu membaca al-Fatihah dalam solat yang dibaca kuat

عَنْ جَابِرٍ , قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَنْ كَانَ لَهُ إِمَامٌ فَقِرَاءَةُ الإِمَامِ لَهُ قِرَاءَةٌ " . لَمْ يُسْنِدْهُ عَنْ مُوسَى بْنِ أَبِي عَائِشَةَ , غَيْرُ أَبِي حَنِيفَةَ , وَالْحُسَيْنُ بْنُ عُمَارَةَ , وَهُمَا ضَعِيفَانِ.

Jabir r.a berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Sesiapa yang solat mengikut imam, maka bacaan imam adalah bacaan untuknya. [Sunan ad-Daraquthni, Kitab as-Solat, hadis no: 1072]

عَنْ مُجَاهِدٍ ، قَالَ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " يَقْرَأُ فِي الصَّلاةِ ، فَسَمِعَ قِرَاءَةَ فَتًى مِنَ الأَنْصَارِ ، فَنَزَلَتْ : وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْءَانُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا سورة الأعراف آية 204 " ، وَرُوِّينَا مِنْ وَجْهٍ آخَرَ ، عَنْ مُجَاهِدٍ ، أَنَّهُ قَالَ فِي الْخُطْبَةِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ ، وَمِنْ وَجْهٍ آخَرَ فِي الصَّلاةِ وَالْخُطْبَةِ.

Mujahid meriwayatkan: Rasulullah s.a.w baginda sedang membaca di dalam solat, lalu terdengar bacaan seorang anak muda daripada golongan Ansar. Lalu turunlah ayat: Apabila dibacakan al-Quran, dengarlah dan diamlah. [Surah al-A'raf : 204] [Al-Sunan Al-Kubra Lil Baihaqi, Kitab al-Haid, hadis no: 2650]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ انْصَرَفَ مِنْ صَلَاةٍ جَهَرَ فِيهَا بِالْقِرَاءَةِ فَقَالَ : " هَلْ قَرَأَ مَعِي أَحَدٌ مِنْكُمْ آنِفًا " قَالَ رَجُلٌ : نَعَمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ : " إِنِّي أَقُولُ مَا لِي أُنَازَعُ الْقُرْآنَ " قَالَ : فَانْتَهَى النَّاسُ عَنِ الْقِرَاءَةِ فِيمَا جَهَرَ فِيهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْقِرَاءَةِ مِنَ الصَّلَاةِ حِينَ سَمِعُوا ذَلِكَ

Abu Hurairah r.a meriwayatkan Rasulullah s.a.w bersabda selepas selesai mendirikan solat yang bacaannya dibaca kuat: Adakah ada daripada kalian yang membaca bersama dengan ku sebentar tadi? Berkata salah seorang jemaah: Benar ya Rasulullah. Rasulullah s.a.w pun bersabda: Sesungguhnya aku berkata kepada diri ku apa yang telah mengganggu bacaan al-Quran ku. Semenjak para sahabat mendengar hal tersebut, mereka terus berhenti daripada membaca dalam solat yang yang dibaca kuat oleh Rasulullah s.a.w [Sunan an-Nasaie as-Sughra, Kitab al-Iftitah, hadis no: 909]

> Shaikh al-Albani menyebutkan: Imam al-Khattabi berkata dalam Ma'alim as-Sunan: Hadis ini menunjukkan bacaan al-Fatihah adalah wajib ke atas sesiapa yang solat di belakang imam, tidak kira sama ada imam menguatkan atau memperlahankan bacaan. Ulama berbeza pendapat dalam hal ini: Diriwayatkan daripada sekelompok sahabat bahawa mereka mewajibkan membaca al-Fatihah di belakang imam, dan diriwayatkan pula bahawa sebahagian yang lain tidak membacanya. Ulama feqah terbahagi menjadi tiga pendapat: (1) Imam Makhul, al-Awzaie, Al-Syafie dan Abu Tsaur berpendapat mesti membaca al-Fatihah di belakang imam tidak kira imam itu menguatkan bacaan atau memperlahankannya (2) Imam az-Zuhri, Malik, Ibn al-Mubarak, Ahmad bin Hanbal dan Ishaq berpendapat perlu membaca apabila imam membaca dengan perlahan, dan tidak membaca apabila imam menguatkan bacaan (3) Imam Sufyan at-Tsauri, dan Ashabul Ra'yi berpendapat tidak perlu seseorang membaca di belakang imam, tidak kira imam membaca dengan kuat atau perlahan.

Melafazkan Amin Selepas al-Fatihah

عَنْ وَائِلِ بْنِ حُجْرٍ ، قَالَ : سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " قَرَأَ : غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلا الضَّالِّينَ سورة الفاتحة آية 7 فَقَالَ : آمِينَ وَمَدَّ بِهَا صَوْتَهُ

Wail bin Hujr r.a berkata: Aku mendengar Nabi s.a.w membaca ayat terakhir surah al-Fatihah lalu baginda menyebut: Aamin, dan baginda memanjangkan suaranya. [Sunan at-Tirmizi, Kitab as-Solat, hadis no: 231, hadis hasan]

عَنْ وَائِلِ بْنِ حُجْرٍ ، أَنَّهُ صَلَّى خَلْفَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " فَجَهَرَ بِآمِينَ ، وَسَلَّمَ عَنْ يَمِينِهِ وَعَنْ شِمَالِهِ حَتَّى رَأَيْتُ بَيَاضَ خَدِّهِ

Wail bin Hujr r.a meriwayatkan beliau solat di belakang Rasulullah s.a.w lalu baginda menguatkan 'Amin', memberi salam ke kanan dan kirinya sehingga terlihat putih pipinya. [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 799]

عن أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " إِذَا أَمَّنَ الْإِمَامُ فَأَمِّنُوا ، فَإِنَّهُ مَنْ وَافَقَ تَأْمِينُهُ تَأْمِينَ الْمَلَائِكَةِ غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Abu Hurairah r.a meriwayatkan Nabi s.a.w bersabda: Apabila imam mengucapkan amin, hendaklah kalian mengaminkan jua. Sesiapa yang aminnya serentak dengan amin malaikat, maka diampuni dosanya yang lalu. [Sahih al-Bukhari, Kitab as-Solat, hadis no: 623]

> Shaikh at-Thorifi berkata: Apabila imam melafazkan amin, maka makmum di belakang turut menyebut amin. Imam hendaklah melafazkan amin dan ini merupakan pendapat yang sahih daripada majoriti ulama, dan ia menyalahi pendapat Imam Malik dan pengikut Abu Hanifah….
>
> Adapun membaca amin dengan kuat untuk imam, maka dalilnya jelas tanpa keraguan. Adapun untuk makmum, tidak terdapat sebarang dalil yang jelas daripada Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam. Yang paling kuat pun dalam bab ini ialah riwayat daripada Ibn az-Zubair dan Abu Hurairah yang diriwayatkan oleh AbdulRazzak dalam al-Musannaf, dan Ibn Hazm dalam al-Muhalla daripada hadis Atho' bahawa dia ditanya: Adakah Ibn az-Zubair mengaminkan dengan kuat untuk surah al-Fatihah? Beliau menjawab: Ya, dan makmum di belakang turut melafazkan amin. Sesungguhnya masjid bising dengan suara amin itu.

10. Membaca Surah

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي قَتَادَةَ ، عَنْ أَبِيهِ ، " أَنّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقْرَأُ فِي الظُّهْرِ فِي الْأُولَيَيْنِ بِأُمِّ الْكِتَابِ وَسُورَتَيْنِ ، وَفِي الرَّكْعَتَيْنِ الْأُخْرَيَيْنِ بِأُمِّ الْكِتَابِ وَيُسْمِعُنَا الْآيَةَ وَيُطَوِّلُ فِي الرَّكْعَةِ الْأُولَى مَا لَا يُطَوِّلُ فِي الرَّكْعَةِ الثَّانِيَةِ ، وَهَكَذَا فِي الْعَصْرِ ، وَهَكَذَا فِي الصُّبْحِ

Abu Qatadah r.a meriwayatkan Nabi s.a.w ketika solat Zuhur, pada dua rakaat yang awal, baginda membaca al-Fatihah dan dua surah, dan baginda membaca al-Fatihah (sahaja) pada dua rakaat terakhir. Baginda memperdengarkan bacaannya kepada kami, baginda memanjangkan bacaan pada rakaat pertama, dan tidak memanjangkannya pada rakaat kedua. Beginilah yang baginda lakukan dalam solat Asar dan Subuh

[Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 737]

> Imam Membaca al-Fatihah dan surah secara perlahan dalam solat Zuhur dan Asar, sebaliknya secara kuat dalam solat Subuh, Maghrib dan Isya'. Ini merupakan Ijma' ulama sebagaimana yang dinukilkan oleh Imam an-Nawawi dalam al-Majmu', Ibn Hazm dalam Maratib al-Ijma,

Dalil perlahan:

عَنْ أَبِي مَعْمَرٍ ، قَالَ : قُلْنَا لِخَبَّابٍ : " أَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ فِي الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ ؟ قَالَ : نَعَمْ ، قُلْنَا : بِمَ كُنْتُمْ تَعْرِفُونَ ذَاكَ ؟ قَالَ : بِاضْطِرَابِ لِحْيَتِهِ

Daripada Abi Ma'mar, kami bertanya kepada Khabbab: Apakah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wassalam membaca di dalam solat Zuhur dan Asar. Jawabnya: Ya. Kami bertanya lagi: Bagaimana kalian tahu hal tersebut? Khabbab menjawab: (dengan melihat) pergerakan janggutnya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 707]

11. Ruku'

Mengangkat tangan untuk ruku'

عَنْ أَبِي قِلَابَةَ ، " أَنَّهُ رَأَى مَالِكَ بْنَ الْحُوَيْرِثِ إِذَا صَلَّى كَبَّرَ وَرَفَعَ يَدَيْهِ ، وَإِذَا أَرَادَ أَنْ يَرْكَعَ رَفَعَ يَدَيْهِ ، وَإِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرُّكُوعِ رَفَعَ يَدَيْهِ ، وَحَدَّثَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَنَعَ هَكَذَا

Abi Qilabah melihat Malik bin al-Huwairith sedang solat, ketika bertakbir dia mengangkat tangannya. Apabila ingin ruku' dia mengangkat tangannya, apabila mengangkat kepala daripada ruku', dia mengangkat tangannya. Beliau menyatakan bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam melakukan seperti itu. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 698]

Meluruskan badan

عَنْ رَاشِدٍ ، قَالَ : سَمِعْتُ وَابِصَةَ بْنَ مَعْبَدٍ ، يَقُولُ : " رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي ، فَكَانَ إِذَا رَكَعَ سَوَّى ظَهْرَهُ حَتَّى لَوْ صُبَّ عَلَيْهِ الْمَاءُ لَاسْتَقَرَّ

Wabisah bin Ma'bad r.a berkata, aku melihat Rasulullulah Sallallahu 'alaihi wasallam apabila ruku', baginda meluruskan belakangnya sehinggakan jika air dituangkan di atas belakangnya, ia tidak akan mengalir ke mana-mana [Sunan Ibn Majah, Kitab Iqamah as-Solat, hadis no: 862]

Menggenggam lutut, membuka jari jemari dan menjarakkan lengan daripada badan

فَقَالَ أَبُو حُمَيْدٍ : أَنَا أَعْلَمُكُمْ بِصَلَاةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " رَكَعَ فَوَضَعَ يَدَيْهِ عَلَى رُكْبَتَيْهِ كَأَنَّهُ قَابِضٌ عَلَيْهِمَا ، وَوَتَّرَ يَدَيْهِ فَنَحَّاهُمَا عَنْ جَنْبَيْهِ

Abu Humaid berkata: Aku mahu mengajar kalian cara solat Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam, sesungguhnya Rasulullah s.a.w ruku' lalu meletakkan kedua tangannya pada kedua lututnya seolah-olah baginda menggenggam keduanya, beliau akan merenggangkan tangannya dan menjauhkan ia daripada sisi tubuhnya [Sunan at-Tirmizi, Kitab as-Solat, hadis no: 241, hasan sahih]

وَهُوَ الَّذِي اخْتَارَهُ أَهْلُ الْعِلْمِ أَنْ يُجَافِيَ الرَّجُلُ يَدَيْهِ عَنْ جَنْبَيْهِ فِي الرُّكُوعِ وَالسُّجُودِ

Meluruskan kepala dengan badan
Abu Humaid menceritakan tentang solat Rasulullah s.a.w:

ثُمَّ يَرْكَعُ وَيَضَعُ رَاحَتَيْهِ عَلَى رُكْبَتَيْهِ ، ثُمَّ يَعْتَدِلُ فَلَا يَصُبُّ رَأْسَهُ وَلَا يُقْنِعُ

Kemudian Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam ruku' dengan meletakkan kedua tangannya di atas lututnya, kemudian meluruskan kepalanya, baginda saw tidak mendongak kepalanya dan tidak jua menunduk [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 626]

Tomakninah
Dalam hadis orang yang rosak solatnya:

ثُمَّ ارْكَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ رَاكِعًا

Kemudian ruku'lah sehingga engkau tenang ketika ruku'

Abdul Rahman bin Abza r.a menceritakan tentang solat Rasulullah s.a.w:

ثُمَّ رَكَعَ ، فَوَضَعَ يَدَيْهِ عَلَى رُكْبَتَيْهِ حَتَّى أَخَذَ كُلُّ عُضْوٍ مَأْخَذَهُ

Kemudian baginda s.a.w ruku', lalu meletakkan kedua tangannya pada lututnya, sehingga semua anggota sudah mengambil tempatnya [Musnad Ahmad, Hadis Abdul Rahman bin Abza, hadis no: 15070, Shaikh al-Arnaouth berkata: Isnadnya sahih]

Bacaan Ketika Ruku'

1-

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيْمِ

Maha Suci Tuhanku Yang Maha Agung [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin, hadis no: 1297]

2-

سُبُّوحٌ قُدُّوسٌ ، رَبُّ الْمَلَائِكَةِ وَالرُّوحِ

Maha Suci, Tuhan kepada malaikat dan Jibril [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 757] dan sujud

3-

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا وَبِحَمْدِكَ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي

Maha suci Engkau. Ya Allah Tuhan kami, dan segala pujian untuk Mu. Ya Allah, ampuni kami. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 755] dan sujud

4-

اللَّهُمَّ لَكَ رَكَعْتُ ، وَبِكَ آمَنْتُ ، وَلَكَ أَسْلَمْتُ ، خَشَعَ لَكَ سَمْعِي ، وَبَصَرِي ، وَمُخِّي ، وَعَظْمِي ، وَعَصَبِي

Ya Allah, kepada Mu aku sujud, dengan Mu aku beriman, kepada Mu aku menyerah, pendengaran ku, pandangan ku, akan fikiran ku, tulang ku, dan kekuatanku semuanya tunduk kepada Mu. [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin, hadis no: 1296]

5-

سُبْحَانَ ذِي الْجَبَرُوتِ وَالْمَلَكُوتِ وَالْكِبْرِيَاءِ وَالْعَظَمَةِ

Maha Suci Tuhan yang memiliki kekuasaan, pemerintahan, kebesaran dan kemuliaan [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 740] dan sujud

Dilarang membaca al-Quran ketika ruku'

أَلاَ وَإِنِّي نُهِيْتُ أَنْ أَقْرَأَ الْقُرْآنَ رَاكِعًا أَوْ سَاجِداً، فَأَمَّا الرُّكُوْعُ فَعَظِّمُوا فِيْهِ الرَّبَّ عَزَّ وَجَلَّ، وَأَمَّا السُّجُوْدُ فَاجْتَهِدُوا فِي الدُّعَاءِ فَقَمِنَ أَنْ يُسْتَجَابَ لَكُمْ

"Sesungguhnya aku dilarang dari membaca al-Quran ketika rukuk dan sujud. Adapun rukuk maka besarkanlah Tuhanmu, adapun sujud maka bersungguh-sungguhlah berdoa, nescaya akan diperkenankan [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 479]

I'tidal

Bacaan I'tidal

Abu Hurairah radiallahu 'anhu menyatakan ketika nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bangun daripada ruku' baginda membaca:

•سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ

Allah mendengar orang yang memujinya.

Kemudian, sebelum turun sujud, baginda membaca:

رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ

Tuhan kami, segala pujian untuk-Mu. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 764]

Rafi' az-Zaraqi radiallahu 'anhu berkata: Suatu hari, kami solat bersama nabi Sallallahu 'alaihi wasallam. Apabila baginda mengangkat kepalanya dari ruku', baginda membaca 'Sami'allahu Liman Hamidah. Seorang lelaki di belakangnya membaca:

رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ

Tuhan kami, untuk-Mu segala puji, pujian yang banyak, lagi baik, lagi diberkati. Selesai solat, Nabi bertanya: Siapa yang membaca kalimah tadi: Lelaki itu menjawab: Saya. Nabi Sallallalahu 'alaihi wasallam bersabda: Aku melihat lebih kurang tiga puluh malaikat berlumba-lumba untuk menjadi yang pertama mencatatnya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 760]

Mengangkat tangan sewaktu i'tidal

'Abdullah bin 'Umar Radiallahu 'anhuma menyatakan nabi Sallallahu 'alaihi wasallam ketika solat...

ثُمَّ إِذَا أَرَادَ أَنْ يَرْفَعَ صُلْبَهُ رَفَعَهُمَا حَتَّى تَكُونَ حَذْوَ مَنْكِبَيْهِ

Kemudian apabila baginda mahu mengangkat tulang sulbinya (bangun daripada ruku'), baginda mengangkat kedua tangannya selari dengan bahu [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 619]

Tomakninah

Abu Hurairah radiallahu 'anhu menyatakan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

لاَ يَنْظُرُ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ إِلَى صَلاَةِ عَبْدٍ لاَ يُقِيْمُ صُلْبَهُ بَيْنَ رُكُوْعِهَا وَسُجُوْدِهَا

"Allah tidak memandang solat hamba yang tidak berdiri dengan tegak di antara rukuk dan sujud." [Musnad Ahmad, Musnad Abi Hurairah, hadis no: 10574]

Sujud

Turun untuk sujud sambil mengucapkan takbir

إِذَا أَرَادَ أَنْ يَسْجُدَ كَبَّرَ ، ثُمَّ يَسْجُدُ ، وَإِذَا قَامَ مِنَ الْقَعْدَةِ كَبَّرَ ، ثُمَّ قَامَ

Abu Hurairah Radiallahu 'anhu menceritakan bahawa Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam ketika hendak sujud, baginda bertakbir, kemudian sujud, dan apabila hendak bangun daripada duduk, baginda bertakbir, kemudian bangun [Musnad Abi Ya'la, Musnad Abi Hurairah, Hadis no: 5982]

Sujud di atas tujuh anggota

أُمِرْتُ أَنْ أَسْجُدَ عَلَى سَبْعِ أَعْظَمٍ: عَلَى الْجَبْهَةِ وَأَشَارَ بِيَدِهِ عَلَى أَنْفِهِ وَالْيَدَيْنِ وَالرُّكْبَتَيْنِ وَأَطْرَافُ الْقَدَمَيْنِ وَلاَ نَكْفُتُ الثِّيَابَ والشَّعْرَ

"Aku diperintahkan untuk sujud di atas tujuh anggota: dahi termasuk hidung, kedua-dua tapak tangan, kedua-dua lutut, dan jari-jemari kaki, dan ditegah dari menyelak pakaian dan rambut." [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 774]

Meletakkan wajah di antara kedua telapak tangan
Wail bin Hujr Radiallahu ‘anhu menceritakan, aku solat bersama Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam…

ثُمَّ سَجَدَ وَوَضَعَ وَجْهَهُ بَيْنَ كَفَّيْهِ

Kemudian apabila baginda sujud, baginda meletakkan wajahnya di antara kedua tapak tangannya. [Sunan Abu Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 620]

Meletakkan tangan selari dengan telinga

ثُمَّ سَجَدَ فَجَعَلَ كَفَّيْهِ بِحِذَاءِ أُذُنَيْهِ

Wail bin Hujr Radiallahu ‘anhu menceritakan tentang sifat solat nabi:…. Kemudian baginda sujud dan meletakkan kedua tapak tangannya selari dengan kedua telinganya. [Sunan an-Nasaie as-Sughra, Kitab al-Iftitah, hadis no: 879]

Merapatkan jari jemari
Wail bin Hujr radiallahu ‘anhu berkata Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam….

إِذَا رَكَعَ فَرَّجَ أَصَابِعَهُ ، وَإِذَا سَجَدَ ضَمَّ أَصَابِعَهُ

apabila baginda ruku’, baginda menjarakkan antara jari-jemarinya, dan apabila sujud, baginda merapatkan jari jemarinya. [al-Baihaqi dalam as-Sunan al-Kubra, Kitab al-Haidi, hadis no: 2471]

Lengan Direnggangkan

كَانَ إِذَا سَجَدَ جَافَى بَيْنَ يَدَيْهِ حَتَّى لَوْ أَنَّ بَهْمَةً أَرَادَتْ أَنْ تَمُرَّ تَحْتَ يَدَيْهِ مَرَّتْ

Maimunah Radiallahu ‘anha menceritakan bahawa Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam apabila sujud, baginda mengangkat kedua tangannya sehingga jika ada anak kambing mahu lalu di bawah tangannya, maka ia mampu untuk lalu. [Sunan Abu Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 764]

Tidak meletakkan lengan di atas lantai

اعْتَدِلُوا فِي السُّجُودِ ، وَلَا يَبْسُطْ أَحَدُكُمْ ذِرَاعَيْهِ انْبِسَاطَ الْكَلْبِ

Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sempurnakanlah sujud, janganlah membentangkan lengan sebagaimana anjing membentangkan (kakinya) [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 783]

Meregangkan Tangan

إِذَا سَجَدَ ، خَوَّى بِيَدَيْهِ ، يَعْنِي جَنَّحَ ، حَتَّى يُرَى وَضَحُ إِبْطَيْهِ مِنْ وَرَائِهِ

Maimunah Radiallahu ‘anha, isteri nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam menceritakan baginda ketika sujud, akan meregangkan tangannya, iaitu ketiaknya, sehingga dapat dilihat putih ketiaknya dari belakang [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 771]

Jari-jemari kaki dihadapkan ke arah kiblat

فَإِذَا سَجَدَ وَضَعَ يَدَيْهِ غَيْرَ مُفْتَرِشٍ وَلَا قَابِضِهِمَا وَاسْتَقْبَلَ بِأَطْرَافِ أَصَابِعِ رِجْلَيْهِ الْقِبْلَةَ

Abu Humaid as-Sa’idi Radiallahu ‘anhu berkata, Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam apabila sujud, baginda tidak membentangkan tangannya di atas lantai, dan tidak pula menggenggamnya. Baginda mengarahkan hujung jari-jemari kedua kakinya ke arah kiblat. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 789]

Merapatkan kedua tumit

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ فَقَدْتُ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم لَيْلَةً مِنَ الْفِرَاشِ فَالْتَمَسْتُهُ فَوَقَعَتْ يَدِي عَلَى بَطْنِ قَدَمَيْهِ وَهُوَ فِي الْمَسْجِدِ وَهُمَا مَنْصُوبَتَانِ وَهُوَ يَقُولُ " اللَّهُمَّ أَعُوذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ وَبِمُعَافَاتِكَ مِنْ عُقُوبَتِكَ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْكَ لاَ أُحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَى نَفْسِكَ " .

'Aisyah radiallahu 'anha berkata: Pada satu malam, aku mendapati Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam tiada di tempat tidur. Aku mencarinya, lalu tangan ku tersentuh dua kakinya, ketika itu baginda sallallahu 'alaihi wasallam sedang sujud, kedua-dua kakinya ditegakkan.... [Sahih Muslim,Kitab as-Solat, hadis no : 486]

قَالَتْ عَائِشَةُ زَوْجِ النَّبِيِّ : فَقَدْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَانَ مَعِي عَلَى فِرَاشِي ، فَوَجَدْتُهُ سَاجِدًا رَاصًّا عَقِبَيْهِ ، مُسْتَقْبِلا بِأَطْرَافِ أَصَابِعِهِ الْقِبْلَةَ ، فَسَمِعْتُهُ ، يَقُولُ : " أَعُوذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ ، وَبِعَفْوِكَ مِنْ عُقُوبَتِكَ ، وَبِكَ مِنْكَ ، أُثْنِي عَلَيْكَ لا أَبْلُغُ كُلَّ مَا فِيكَ. "

Aisyah radiallahu 'anha berkata: Aku kehilangan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam sedangkan baginda bersama aku di atas katil. Lalu aku mendapati baginda sedang sujud dengan keadaan tumitnya dirapatkan, dan jari jemarinya menghadap qiblat..... [Sahih Ibn Khuzaimah, Kitab as-Solat, hadis no: 637]

> Shaikh Saleh al-Uthaimin berkata:
>
> Yang ditunjukkan oleh sunnah ialah kedua kaki hendaklah dirapatkan, yaitu dengan merapatkan antara satu kaki kepada yang lain. Sebagaimana dalam Sahih Muslim daripada hadis Aisyah radiallahu 'anha ketika beliau kehilangan nabi sallallahu 'alaihi wasallam, lalu tangannya menyentuh kedua kaki baginda, dan kedua kaki itu sedang ditegakkan ketika sujud. Satu tangan tidak akan mampu menyentuh kedua kaki melainkan apabila keduanya dalam keadaan rapat. Diriwayatkan dalam Sahih Ibn Khuzaimah (sebagaimana dalam hadis ke 2). Oleh sebab itu, sunnah untuk kedua kaki dirapatkan, berbeza dengan lutut dan tangan (yang perlu dijarakkan) [Al-Syarh Al-Mumti']

Tomakninah

Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam berkata kepada orang buruk solatnya…

ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا

” Kemudian sujudlah, sehingga engkau tenang dalam melakukan sujud.”

Bacaan Sujud:

1-

سُبْحَانَ رَبِّيَ ٱلأَعْلَى

Maha Suci Tuhanku Yang Maha Tinggi [Sunan an-Nasaie as-Sughra, Kitab at-Tathbiq, hadis no: 1132]

2-

سُبُّوحٌ قُدُّوسٌ ، رَبُّ الْمَلاَئِكَةِ وَالرُّوحِ

Maha Suci, Tuhan kepada malaikat dan Jibril [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 757]

3-

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا وَبِحَمْدِكَ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي

Maha suci Engkau. Ya Allah Tuhan kami, dan segala pujian untuk Mu. Ya Allah, ampuni kami. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 755]

4-

سُبْحَانَ ذِي الْجَبَرُوتِ وَالْمَلَكُوتِ وَالْكِبْرِيَاءِ وَالْعَظَمَةِ

Maha Suci Tuhan yang memiliki kekuasaan, pemerintahan, kebesaran dan kemuliaan [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 740]

5-

اللَّهُمَّ لَكَ سَجَدْتُ وَبِكَ آمَنْتُ وَلَكَ أَسْلَمْتُ , أَنْتَ رَبِّي سَجَدَ وَجْهِي لِلَّذِي خَلْقَهُ وَصَوَّرَهُ وَشَقَّ سَمْعَهُ وَبَصَرَهُ , تَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ

Ya Allah, kepada Mu aku sujud, dengan Mu aku beriman, kepada Mu aku menyerah, Engkaulah Tuhan ku, wajahku sujud kepada yang Menciptanya, yang membentuknya, yang membelah pendengaran dan

penglihatannya. Allah yang penuh keberkatan, sebaik-baik pencipta. [Sunan ad-Daraquthni, Kitab as-Solat, hadis no: 1123]

6-

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذَنْبِي كُلَّهُ ، دِقَّهُ ، وَجِلَّهُ ، وَأَوَّلَهُ ، وَآخِرَهُ ، وَعَلَانِيَتَهُ ، وَسِرَّهُ

Ya Allah, ampuni dosa ku kesemuanya. (Dosa yang) kecil, besar, yang awal, yang akhir, yang dibuat secara terbuka dan dibuat secara sembunyi [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 750]

Dilarang membaca al-Quran dan dianjurkan membanyakkan doa

أَقْرَبُ مَا يَكُونُ الْعَبْدُ مِنْ رَبِّهِ وَهُوَ سَاجِدٌ فَأَكْثِرُوا الدُّعَاءَ

Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda: "Seorang hamba paling dekat dengan Tuhan-Nya tatkala dia sedang sujud, maka perbanyakkanlah doa ketika sujud." [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 749]

Duduk Antara Dua Sujud

Kemudian bangkit dari sujud sambil mengucapkan takbir

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu menceritakan…

ثُمَّ يُكَبِّرُ حِينَ يَرْفَعُ رَأْسَهُ مِنَ السُّجُودِ

Kemudian nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bertakbir ketika mengangkat kepalanya daripada sujud. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 765]

Tokmaninah

Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam berkata kepada orang yang buruk solatnya….

ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا

Kemudia bangunlah daripada ruku’ lalu duduk dalam keadaan tenang

Duduk iftirasy – duduk di atas tapak kaki kiri sambil menegakkan tapak kaki kanan

Wail bin Hujr radiallahu ‘anhu menyatakan, aku melihat nabi sallallahu ‘alaihi wasallam:

حِينَ جَلَسَ فِي الصَّلاةِ افْتَرَشَ رِجْلَهُ الْيُسْرَى ، وَنَصَبَ رِجْلَهُ الْيُمْنَى"

Ketika duduk dalam solat, baginda membentangkan kaki kirinya dan menegakkan kaki kanannya [Sahih Ibn Khuzaimah, Kitab as-Solat, hadis no: 674]

Menghadapkan Jari Jemari Ke Arah Kiblat

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ وَهُوَ ابْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ ، عَنْ أَبِيهِ ، قال : " مِنْ سُنَّةِ الصَّلَاةِ " أَنْ تَنْصِبَ الْقَدَمَ الْيُمْنَى وَاسْتِقْبَالُهُ بِأَصَابِعِهَا الْقِبْلَةَ وَالْجُلُوسُ عَلَى الْيُسْرَى

'Abdullah bin 'Umar radiallahu 'anhuma berakat: Di antara sunnah ketika solat ialah menegakkan kaki kanan, dan menghadapkan jari-jemarinya ke arah kiblat, dan duduk di atas kaki kiri [Sunan an-Nasaie as-Sughra, Kitab at-Tathbiq, hadis no: 1145]

Meletakkan tangan di atas paha

Wail bin Hujr radiallahu 'anhu menceritakan, aku melihat nabi sallallahu 'alaihi wasallam solat..:

وَوَضَعَ يَدَهُ الْيُمْنَى عَلَى فَخِذِهِ الْيُمْنَى ، وَوَضَعَ يَدَهُ الْيُسْرَى عَلَى فَخِذِهِ الْيُسْرَى

Baginda meletakkan tangan kanannya di atas paha kanannya dan meletakkan tangan kirinya atas paha kirinya [Musnad Ahmad, Hadis Wail bin Hujr, hadis no: 18489]

Duduk Di Atas Tumit

أَخْبَرَنِي أَبُو الزُّبَيْرِ ، أَنَّهُ سَمِعَ طَاوُسًا ، يَقُولُ : قُلْنَا لِابْنِ عَبَّاسٍ : فِي الإِقْعَاءِ عَلَى الْقَدَمَيْنِ ، فَقَالَ : هِيَ السُّنَّةُ ، فَقُلْنَا لَهُ : إِنَّا لَنَرَاهُ جَفَاءً بِالرَّجُلِ ، فَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ : " بَلْ هِيَ سُنَّةُ نَبِيِّكَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Thowus berkata kepada Ibn 'Abbas radiallahu 'anhuma tentang duduk al-Iq'a' di atas kedua kaki, beliau menjawab: Ia adalah sunnah. Kami berkata: Kami melihat ia sesuatu yang sukar untuk kaki. Ibn 'Abbas menjawab: Bahkan ia adalah sunnah Nabi kalian sallallahu 'alaihi wasallam [Sahih Muslim, Kitab al-Masajid, hadis no: 840]

عَنِ ابْنِ إِسْحَاقَ ، قَالَ : حَدَّثَنِي عَنِ انْتِصَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى عَقِبَيْهِ ، وَصُدُورِ قَدَمَيْهِ بَيْنَ السَّجْدَتَيْنِ

Ibn Ishak berkata: Diceritakan kepada aku tentang Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam duduk di atas kedua tumitnya, dan kedua kakinya ketika di antara dua sujud [Al-Sunan Al-Kubra Lil Baihaqi, Kitab al-Haidi, hadis no: 2510]

Bacaan Duduk Antara Dua Sujud

1-

رَبِّ اغْفِرْ لِي ، وَارْحَمْنِي ، وَاجْبُرْنِي ، وَارْفَعْنِي ، وَارْزُقْنِي ، وَاهْدِنِي"

"Ya Allah ampunilah aku, rahmatilah aku, perbaikilah kekuranganku, angkatlah darjatku, berilah rezeki kepadaku dan berilah petunjuk kepadaku." [Musnad Ahmad: 3382]

2-

رَبِّ اغْفِرْلِي رَبِّ اغْفِرْلِي

"Tuhan, ampunilah aku, Tuhan, ampunilah aku." [Sunan an-Nasaie as-Sughra, Kitab atTathbiq, hadis no: 1132]

Bangun Daripada Sujud

Lakukan Sujud Kedua

Duduk Istirehat

عَنْ أَبِي قِلَابَةَ ، قَالَ : " جَاءَنَا مَالِكُ بْنُ الْحُوَيْرِثِ فَصَلَّى بِنَا فِي مَسْجِدِنَا هَذَا ، فَقَالَ : إِنِّي لَأُصَلِّي بِكُمْ وَمَا أُرِيدُ الصَّلَاةَ ، وَلَكِنْ أُرِيدُ أَنْ أُرِيَكُمْ كَيْفَ رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي ، قَالَ أَيُّوبُ : فَقُلْتُ لِأَبِي قِلَابَةَ : وَكَيْفَ كَانَتْ صَلَاتُهُ ؟ قَالَ : مِثْلَ صَلَاةِ شَيْخِنَا هَذَا يَعْنِي عَمْرَو بْنَ سَلِمَةَ ، قَالَ أَيُّوبُ : وَكَانَ ذَلِكَ الشَّيْخُ يُتِمُّ التَّكْبِيرَ ، وَإِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ عَنِ السَّجْدَةِ الثَّانِيَةِ جَلَسَ وَاعْتَمَدَ عَلَى الْأَرْضِ ثُمَّ قَامَ

Daripada Abi Qilabah Abdullah Bin Zaid al-Jarmi al-Basri, beliau berkata: Malik bin al-Huwairisi telah datang kepada kami di masjid kami. Beliau berkata: Sesungguhnya aku akan solat bersama kalian, dan sebenarnya aku bukan mahu bersolat. Aku akan bersolat dengan cara Rasulullah SAW bersolat yang pernah aku lihat. (Perawi berkata) Aku bertanya kepada Abi Qilabah: Bagaimana beliau (Malik bin al-Huwairisi) melakukan solat? Jawab Abi Qilabah: Seperti solat sheikh kami ini iaitu ‘Amru bin Salamah. Apabila dia bangun daripada sujud kedua, beliau akan duduk dan bertongkat ke atas tanah kemudian bangun [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 785]

Berdiri untuk melakukan rakaat kedua atau rakaat berikutnya

Tasyahud Awal dan Akhir

Duduk Seperti Antara Dua Sujud Ketika Tasyahud Awal

عَنْ وَائِلِ بْنِ حُجْرٍ ، قال :......... وَإِذَا جَلَسَ فِي الرَّكْعَتَيْنِ أَضْجَعَ الْيُسْرَى وَنَصَبَ الْيُمْنَى وَوَضَعَ يَدَهُ الْيُمْنَى عَلَى فَخِذِهِ الْيُمْنَى وَنَصَبَ أُصْبُعَهُ لِلدُّعَاءِ وَوَضَعَ يَدَهُ الْيُسْرَى عَلَى فَخِذِهِ الْيُسْرَى

Wail bin Hujr radiallahu ‘anhu berkata: Apabila baginda sallallahu ‘alaihi wasallam duduk di rakaat kedua, baginda membentangkan kaki kirinya, dan menegakkan kaki kanannya. Baginda meletakkan tangan kanannya di atas peha kanannya dan mengangkat jarinya untuk berdoa, dan meletakkan tangan kirinya di atas paha kirinya [Sunan an-Nasaie as-Sughra, Kitab at-Tathbiq, hadis no: 1146]

Duduk Tawarruq Ketika Tasyahud Akhir

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَمْرِو بْنِ عَطَاءٍ، أَنَّهُ كَانَ جَالِسًا مَعَ نَفَرٍ مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم بِهَذَا الْحَدِيثِ وَلَمْ يَذْكُرْ أَبَا قَتَادَةَ قَالَ فَإِذَا جَلَسَ فِي الرَّكْعَتَيْنِ جَلَسَ عَلَى رِجْلِهِ الْيُسْرَى فَإِذَا جَلَسَ فِي الرَّكْعَةِ الأَخِيرَةِ قَدَّمَ رِجْلَهُ الْيُسْرَى وَجَلَسَ عَلَى مَقْعَدَتِهِ

Muhammad bin ‘Amr bin ‘Atho’ duduk bersama para sahabat Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam beliau berkata: Apabila baginda sallallahu ‘alaihi wasallam duduk dalam rakaat kedua, baginda duduk di atas kaki kirinya, dan apabila baginda duduk dalam rakaat terakhir, baginda membentangkan kaki kirinya, dan duduk di atas lantai [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 964]

> Shaikh al-Albani berkata: Apabila seseorang duduk pada rakaat kedua, dia duduk di atas kaki kirinya, dan apabila seseorang duduk di rakaat akhir, dia membentangkan kaki kirinya dan duduk di atas lantai. Ketahilah bahawa ulama berbeza pendapat tentang cara duduk untuk kedua-dua tasyahud. Sebahagian mereka berkata: Duduk iftirasy (iaitu seperti duduk antara dua sujud) pada kedua-dua tasyahud. Ini merupakan mazhab Abu Hanifah dan pengikutnya. Sebahagian mereka berkata duduk secara tawarruk (meletakkan kaki kiri bawah kaki kanan dan punggung di atas lantai) dan ini adalah pendapat Imam Malik dan pengikutnya. Sebahagian mereka berkata: Duduk tawarruk pada tasyahud akhir, dan iftirasy pada duduk yang lain. Ini merupakan mazhab Imam al-Syafie dan pengikutnya. Sebahagian mereka berkata: Hendaklah duduk tawarruk pada tasyahud akhir dalam solat yang ada dua tasyahud (seperti solat 3 dan 4 rakaat), untuk membezakan antara duduk dua tasyahud itu. Ini adalah mazhab Imam Ahmad.

Memberi isyarat dengan jari telunjuk kanan

‘Abdullah bin ‘Umar radiallahu ‘anhu menceritakan bahawa nabi sallallahu ‘alaihi wasallam:

كَانَ إِذَا جَلَسَ فِي الصَّلَاةِ ، وَضَعَ كَفَّهُ الْيُمْنَى عَلَى فَخِذِهِ الْيُمْنَى ، وَقَبَضَ أَصَابِعَهُ كُلَّهَا ، وَأَشَارَ بِإِصْبَعِهِ الَّتِي تَلِي الإِبْهَامَ ، وَوَضَعَ كَفَّهُ الْيُسْرَى عَلَى فَخِذِهِ الْيُسْرَى"

Apabila baginda duduk di dalam solat, baginda meletakkan telapak tangan kanannya di atas paha kanannya, kemudian menggenggam kesemua jari-jemarinya, dan mengisyaratkan dengan jari telunjuknya, dan meletakkan pula telapak tangan kirinya di atas paha kirinya [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 918]

Membaca tasyahhud awal

حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ سَخْبَرَةَ أَبُو مَعْمَرٍ ، قَالَ : سَمِعْتُ ابْنَ مَسْعُودٍ ، يَقُولُ : " عَلَّمَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَفِّي بَيْنَ كَفَّيْهِ التَّشَهُّدَ ، كَمَا يُعَلِّمُنِي السُّورَةَ مِنَ الْقُرْآنِ

‘Abdullah bin Mas’ud radiallahu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam mengajarkan aku tasyahhud sambil baginda memegang tangan ku, sebagaimana baginda mengajarkan aku surah daripada al-Quran.. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Isti’zan, hadis no: 5821]

Bacaan tasyahhud

1-

التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ وَالصَّلَوَاتُ وَالطَّيِّبَاتُ السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

Segala penghormatan hanya milik Allah, juga segala pujian dan kebaikan. Semoga kesejahteraan terlimpahkan kepada engkau wahai Nabi, begitu juga rahmat dan berkat-Nya. Semoga kesejahteraan diberikan kepada kami dan kepada hamba-hamba Allah yang soleh. Aku bersaksi tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu hamba dan rasul Nya.

[Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jumu'ah, hadis no: 1133]

2-

التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ ، الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ ، السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ ، السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

Segala penghormatan, keberkatan, pujian dan kebaikan adalah milik Allah. Kesejahteraan ke atas engkau wahai Nabi, begitu juga rahmat Allah dan keberkatanNya. Kesejahteraan ke atas kami dan ke atas hamba-hamba Allah yang soleh. Aku bersaksi bahawa tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah, dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu utusan Allah.

[Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 615]

3-

التَّحِيَّاتُ الطَّيِّبَاتُ الصَّلَوَاتُ لِلَّهِ ، السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ ، السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

Penghormatan, kebaikan dan pujian adalah milik Allah. Kesejahteraan ke atas engkau wahai Nabi, begitu juga rahmat Allah dan keberkatannya. Kesejahteraan ke atas kami dan hamba-hamba Allah yang soleh. Aku bersaksi bahawa tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah, dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu hamba dan rasul Nya.

[Sunan Ibn Majah, Kitab Iqomatis Solat, hadis no: 891]

4-

التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ الزَّاكِيَاتُ لِلَّهِ الطَّيِّبَاتُ الصَّلَوَاتُ لِلَّهِ ، السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ ، السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

Penghormatan adalah milik Allah, kesucian adalah milik Allah, kebaikan dan pujian itu milik Allah. Kesejahteraan ke atas engkau wahai nabi, begitu juga rahmat Allah dan keberkatanNya. Kesejahteraan

ke atas kami dan hamba-hamba Allah yang soleh. Aku bersaksi bahawa tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah, dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu hamba dan utusanNya.

[Al-Muwatta', Kitab as-Solat, hadis no: 201]

Membaca selawat

عَنْ فَضَالَةَ بْنِ عُبَيْدٍ ، قَالَ : بَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَاعِدًا إِذْ دَخَلَ رَجُلٌ فَصَلَّى ، فَقَالَ : اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " عَجِلْتَ أَيُّهَا الْمُصَلِّي ، إِذَا صَلَّيْتَ فَقَعَدْتَ فَاحْمَدِ اللَّهَ بِمَا هُوَ أَهْلُهُ ، وَصَلِّ عَلَيَّ ثُمَّ ادْعُهُ " ، قَالَ : ثُمَّ صَلَّى رَجُلٌ آخَرُ بَعْدَ ذَلِكَ ، فَحَمِدَ اللَّهَ وَصَلَّى عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " أَيُّهَا الْمُصَلِّي ادْعُ تُجَبْ

Fudhaliah bin 'Ubaid radiallahu 'anhu berkata: Ketika Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam sedang duduk, masuk seorang lelaki mendirikan solat, lalu dia berdoa: Ya Allah ampuni dan rahmati aku. Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Engkau tergesa-gesa wahai orang yang solat. Apabila engkau solat dan duduk, hendaklah engkau memuji Allah dengan apa yang layak untuknya, berselawat ke atas ku kemudian berdoalah kepadanya. Kemudian seorang lelaki yang lain mendirikan solat selepas itu, dia memuji Allah dan berselawat ke atas nabi sallallahu 'alaihi wasallam, maka Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Wahai orang yang solat, berdoalah, nescaya Allah akan menjawab doa itu [Sunan at-Tirmizi, Kitab ad-Da'awat, hadis no: 3423, hasan]

حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عِيسَى سَمِعَ عَبْدَ الرَّحْمَنِ بْنَ أَبِي لَيْلَى ، قَالَ : لَقِيَنِي كَعْبُ بْنُ عُجْرَةَ ، فَقَالَ : أَلَا أُهْدِي لَكَ هَدِيَّةً سَمِعْتُهَا مِنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقُلْتُ : بَلَى فَأَهْدِهَا لِي ، فَقَالَ : سَأَلْنَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقُلْنَا : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، كَيْفَ الصَّلَاةُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الْبَيْتِ فَإِنَّ اللَّهَ قَدْ عَلَّمَنَا كَيْفَ نُسَلِّمُ عَلَيْكُمْ ، قَالَ : قُولُوا : " اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ ، اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

Ka'ab bin 'Ujrah radiallahu 'anhu berkata: Kami bertanya kepada Nabi sallallahu 'alaihi wasallam: Wahai Rasulullah, bagaimana kami mahu berselawat ke atas kamu sekeluarga. Sesungguhnya Allah telah mengajarkan kami bagaimana untuk memberi salam kepadamu. Maka nabi menjawab: "Ya Allah berikanlah rahmat kepada Muhammad dan keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah memberikan rahmat kepada Ibrahim dan keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Agung. Ya Allah, berikanlah berkat kepada Muhammad dan keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah memberi berkat kepada Ibrahim dan keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Agung." [Sahih al-Bukhari, Kitab Ahadis al-Anbiya', hadis no: 3143]

Bacaan-bacaan selawat

1)

" اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ ، اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

Ya Allah, Engkau berikan selawat kepada Nabi Muhammad sallallahu ‘alaihi wasallam, dan kepada keluarga Nabi Muhammad sallallahu ‘alaihi wasallam, sebagaimana Engkau telah berselawat kepada Nabi Ibrahim ‘alihissalam dan keluarga Nabi Ibrahim ‘alaihissalam. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji. Ya Allah, berkatilah Nabi Muhammad sallallahu ‘alaihi wasallam dan keluarga Nabi Muhammad sallallahu ‘alaihi wasallam sebagaimana Engkau telah memberkati Nabi Ibrahim ‘alaihissalam dan keluarga Ibrahim ‘alaihissalam. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji.

[Sahih al-Bukhari, Kitab Ahadis al-Anbiya’, hadis no: 3142]

2)

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ

Ya Allah, sampaikanlah selawat kepada Nabi Muhammad sallallahu ‘alaihi wasallam yang merupakan hamba dan utusan Mu, sebagaimana Engkau telah berselawat kepada keluarga Nabi Ibrahim ‘alaihissalam. Engkau berkatilah Nabi Muhammad sallallahu ‘alaihi wasallam dan keluarga Nabi Muhammad sallallahu ‘alaihi wasallam, sebagaimana Engkau telah memberkati Nabi Ibrahim ‘alaihissalam.

[Sahih al-Bukhari, Kitab Tafsir al-Quran, hadis no: 4449]

3)

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

Ya Allah, sampaikanlah selawat kepada Nabi Muhammad sallallahu ‘alaihiw asallam, isteri-isterinya, dan zuriatnya sebagaimana Engkau telah berselawat kepada Nabi Ibrahim ‘alaihissalam. Berkatilah Nabi Muhammad sallallahu ‘alaihi wasallam, isteri-isterinya, dan anak-anaknya sebagaimana Engkau telah memberkati keluarga Nabi Ibrahim ‘alaihissalam. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji.

[Sahih al-Bukhari, Kitab Ahadis al-Anbiya’, hadis no: 3141]

4)

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ ، وَآلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ ، وَآلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

Ya Allah, sampaikanlah selawat kepada Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wasallam dan keluarga Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wasallam, sebagaimana Engkau telah berselawat kepada Nabi Ibrahim 'alaihissalam. Engkau berkatilah Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wasallam dan keluarga Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wasallam, sebagaimana Engkau telah memberkati keluarga Nabi Ibrahim 'alaihissalam. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji.

[Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 832, Shaikh al-Albani mensahihkannya dalam Sahih Abi Daud]

5)

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ ، فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ ،

Ya Allah, sampaikanlah selawat kepada Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wasallam dan keluarga Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wasallam, sebagaimana Engkau telah menyampaikan selawat kepada keluarga Nabi Ibrahim 'alaihissalam. Engkau berkatilah Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wasallam sebagaimana Engkau telah memberkati keluarga Nabi Ibrahim 'alaihissalam. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji di seluruh alam ini.

[Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 618]

Dan banyak lagi selawat-selawat yang ada.

Membaca Doa Sebelum Salam

Membaca doa perlindungan daripada 4 perkara:

حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ أَبِي عَائِشَةَ ، أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ ، يَقُولُ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِذَا فَرَغَ أَحَدُكُمْ مِنَ التَّشَهُّدِ الآخِرِ ، فَلْيَتَعَوَّذْ بِاللَّهِ مِنْ أَرْبَعٍ ، مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ ، وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ ، وَمِنَ شَرِّ الْمَسِيحِ الدَّجَّالِ"

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Apabila salah seorang kalian selesai daripada tahiyat akhir, hendaklah dia memohon perlindungan kepada Allah daripada empat perkara iaitu daripada azab neraka, daripada azab kubur, daripada fitnah kehidupan dan kematian, dan daripada kejahatan dajjal [Sahih Muslim, Kitab al-Masajid, hadis no: 931]

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ ، قَالَ : "كُنَّا نَقُولُ فِي الصَّلَاةِ خَلْفَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : السَّلَامُ عَلَى اللَّهِ ، السَّلَامُ عَلَى فُلَانٍ ، فَقَالَ لَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ : إِنَّ اللَّهَ هُوَ السَّلَامُ ، فَإِذَا قَعَدَ أَحَدُكُمْ فِي الصَّلَاةِ ، فَلْيَقُلِ : التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ ، وَالصَّلَوَاتُ ،

وَالطَّيِّبَاتُ ، السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ ، السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ ، فَإِذَا قَالَهَا ، أَصَابَتْ كُلَّ عَبْدٍ لِلَّهِ صَالِحٍ فِي السَّمَاءِ وَالأَرْضِ ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، ثُمَّ يَتَخَيَّرُ مِنَ الْمَسْأَلَةِ مَا شَاءَ"

‘Abdullah bin Mas’ud radiallahu ‘anhu berkata: Ketika kami solat di belakang Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam, kami membaca: Assalamu ‘AlaLlah, Assaalamu ‘Ala Fulan. Lalu Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam berkata kepada kami pada suatu hari: Sesungguhnya Allah itu as-Salam. Apabila salah seorang daripada kalian duduk di dalam solat, hendaklah dia membaca … (bacaan tasyahud) kemudian dia boleh memilih mana-mana doa yang dia mahu [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 614]

> Shaikh al-Albani berkata: Yang lebih afdhal ialah membaca doa-doa yang wujud dalam hadis, akan tetapi tiada masalah jika seseorang yang berdoa itu berdoa dengan apa yang dia kehendaki.

Doa-doa Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam

1-

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَّالِ ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَفِتْنَةِ الْمَمَاتِ ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْمَأْثَمِ وَالْمَغْرَمِ

Ya Allah aku berlindung dengan Mu daripada azab kubur, aku berlindung dengan Mu daripada ujian dajjal, aku berlindung dengan Mu daripada ujian kehidupan dan kematian. Ya Allah sesungguhnya aku berlindung dengan mu daripada dosa dan hutang

[Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 792]

2-

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ ، وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ ، وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَّالِ

Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu daripada seksa neraka jahannam, seksa kubur, fitnah kehidupan dan fitnah setelah mati, serta daripada kejahatan fitnah al-Masih al-Dajjal. [Sahih Muslim, Kitab al-Masajid, hadis no: 929]

2-

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا عَمِلْتُ , وَمِنْ شَرِّ مَا لَمْ أَعْمَلْ

Ya Allah, aku berlindung dengan Mu daripada kejahatan yang telah aku lakukan dan daripada kejahatan yang belum aku lakukan.

[Sunan an-Nasaie as-Sughra, Kitab al-Sahw, hadis no: 1291]

3-

اللَّهُمَّ حَاسِبْنِي حِسَابًا يَسِيرًا

Ya Allah, hisablah aku dengan hisab yang mudah

[Musnad Ahmad, hadis no: 23661]

4-

اللَّهُمَّ بِعِلْمِكَ الْغَيْبَ وَقُدْرَتِكَ عَلَى الْخَلْقِ أَحْيِنِي مَا عَلِمْتَ الْحَيَاةَ خَيْرًا لِي , وَتَوَفَّنِي إِذَا عَلِمْتَ الْوَفَاةَ خَيْرًا لِي , اللَّهُمَّ وَأَسْأَلُكَ خَشْيَتَكَ فِي الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ , وَأَسْأَلُكَ كَلِمَةَ الْحَقِّ فِي الرِّضَا وَالْغَضَبِ , وَأَسْأَلُكَ الْقَصْدَ فِي الْفَقْرِ وَالْغِنَى , وَأَسْأَلُكَ نَعِيمًا لَا يَنْفَدُ , وَأَسْأَلُكَ قُرَّةَ عَيْنٍ لَا تَنْقَطِعُ , وَأَسْأَلُكَ الرِّضَاءَ بَعْدَ الْقَضَاءِ , وَأَسْأَلُكَ بَرْدَ الْعَيْشِ بَعْدَ الْمَوْتِ , وَأَسْأَلُكَ لَذَّةَ النَّظَرِ إِلَى وَجْهِكَ وَالشَّوْقَ إِلَى لِقَائِكَ فِي غَيْرِ ضَرَّاءَ مُضِرَّةٍ وَلَا فِتْنَةٍ مُضِلَّةٍ , اللَّهُمَّ زَيِّنَّا بِزِينَةِ الْإِيمَانِ وَاجْعَلْنَا هُدَاةً مُهْتَدِينَ

[Sunan an-Nasaie as-Sughra, Kitab as-Sahw, hadis no: 1289]

5-

اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ

"Ya Allah, tolonglah kami untuk mengingati-Mu dan bersyukur kepada-Mu serta beribadah dengan baik kepada-Mu." [Sunan Abu Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 1305]

Dan banyak lagi-lagi doa-doa yang ma'thur.

Mengucapkan Salam

عَنْ عَامِرِ بْنِ سَعْدٍ ، عَنْ أَبِيهِ ، قَالَ : كُنْتُ أَرَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، " يُسَلِّمُ عَنْ يَمِينِهِ ، وَعَنْ يَسَارِهِ ، حَتَّى أَرَى بَيَاضَ خَدِّهِ

Sa'ad bin Abi Waqas radiallahu 'anhu berkata: Aku pernah melihat Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam memberi salam ke arah kanan dan kirinya sehingga aku dapat melihat putihnya pipinya [Sahih Muslim, Kitab al-Masajid, hadis no: 921]

> Shaikh at-Thorifi berkata: Salam yang pertama merupakan wajib manakala salam yang kedua adalah sunat dengan kesepakatan ulama. Diriwayatkan ijma' ulama dalam hal ini oleh Ibn 'Abdil Barr dalam at-Tamhid dan al-Istizkar, at-Tahawi dalam Syarah Ma'ani al-Atsar, dan al-Qurtubi dalam tafsirnya.

Beberapa Cara Memberi Salam

1- Kanan dan Kiri dengan mengucapkan "Assalamualaikum warahmatullahi"

عَنْ عَمِّهِ وَاسِعِ بْنِ حَبَّانَ , أَنَّهُ سَأَلَ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ عَنْ صَلاَةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ؟ فَقَالَ : " اللَّهُ أَكْبَرُ كُلَّمَا وَضَعَ , اللَّهُ أَكْبَرُ كُلَّمَا رَفَعَ ، ثُمَّ يَقُولُ : السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ عَنْ يَمِينِهِ , السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ عَنْ يَسَارِهِ

Wasi' bin Habban bertanya kepada 'Abdullah bin 'Umar radiallahu 'anhuma tentang solat Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam. 'Abdullah bin 'Umar menjawab:…. Kemudian baginda mengucapakan Assalamualaikum warahmatull' ke arah kanan dan mengucapkan Assalamualaikum warahmatullahi ke arah kiri [Sunan an-Nasaie as-Sughra, Kitab as-Sahw, hadis no: 1304]

2- Kanan mengucapkan "Assalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh" dan kiri "Assalamualaikum warahmatullah"

عَنْ عَلْقَمَةَ بْنِ وَائِلٍ ، عَنْ أَبِيهِ ، قَالَ : صَلَّيْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " فَكَانَ يُسَلِّمُ عَنْ يَمِينِهِ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ ، وَعَنْ شِمَالِهِ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Wail radiallahu 'anhu berkata: Aku solat bersama Nabi sallallahu 'alaihi wasallam, baginda memberi salam ke kanan dengan mengucapkan Assalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh, dan ke kiri dengan mengucapkan Assalamualaikum warahmatullahi. [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 848]

3- Kanan mengucapkan "Assalamualaikum warahmatullahi" dan kiri "Assalamualaikum"

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ يَحْيَى بْنِ حَبَّانَ ، عَنْ عَمِّهِ وَاسِعِ بْنِ حَبَّانَ ، قَالَ : قُلْتُ لِابْنِ عُمَرَ : أَخْبِرْنِي عَنْ صَلاَةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَيْفَ كَانَتْ ؟ قَالَ : " فَذَكَرَ التَّكْبِيرَ قَالَ : يَعْنِي وَذَكَرَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ عَنْ يَمِينِهِ , السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ عَنْ يَسَارِهِ. "

Wasi' bin Habban berkata: Aku berkata kepada Ibn 'Umar: Ceritakan kepada aku tentang solat Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam. Beliau menjawab:……Baginda mengucapkan Assalamualaikum warahmatullah ke kanan, dan Assalamualaikum ke kiri [Sunan an-Nasaie as-Sughra, Kitab as-Sahw, hadis no: 1305]

Syarat, Rukun, dan Sunat Menurut Mazhab Syafie

Bil	Syarat	Rukun	Sunat Ab'adh	Sunat Hai'ah
1	Bersuci	Niat	Membaca Tasyahud Awal	Mengangkat tangan ketika takbiratul ihram dan takbir intiqal
2	Masuk waktu solat	Berdiri	Selawat Dalam Tasyahud Awal	Meletakkan tangan kanan atas tangan kiri
3	Menutup aurat	Takbiratul Ihram	Duduk Tasyahud Awal	Melihat tempat sujud
4	Menghadap kiblat	Membaca al-Fatihah	Selawat ke atas keluarga nabi dalam tasyahud akhir	Membaca doa iftitah

5		Ruku’	Doa qunut ketika solat subuh	Membaca isti’azah
6		I’tidal		Membaca dengan kuat dan perlahan di tempat tertentu
7		Sujud		Membaca Amin
8		Duduk antara dua sujud		Membaca surah selepas al-Fatihah
9		Duduk Tahiyyat Akhir		Membaca takbir intiqal
10		Membaca Tahiyyat Akhir		Membaca tasbih ketika ruku’ dan sujud
11		Selawat ketika Tahiyyat Akhir		Meletakkan tangan atas peha ketika tasyahud
12		Salam yang pertama		Duduk tawarruk ketika tasyahud akhir dan iftirasy dalam duduk yang lain
13		Tertib		Membaca selawat Ibrahimiyyah dan doa selepas tasyahud akhir
14				Memberi salam yang kedua
15				Khusyuk

Perbezaan Solat Lelaki dan Perempuan

Di dalam Al-Fiqh Al-Manhaji, kitab Feqah Mazhab Syafie disebutkan beberapa perbezaan solat wanita berbanding lelaki. Antaranya merapatkan sebahagian anggota tubuh ketika sujud, iaitu merapatkan kedua siku ke rusuk, peha dengan perut.

Al-Imam Al-Baihaqi dalam As-Sunan Al-Kubra membawakan beberapa riwayat berkaitan hal ini dalam bab بَابُ مَا يُسْتَحَبُّ لِلْمَرْأَةِ مِنْ تَرْكِ التَّجَافِي فِي الرُّكُوعِ وَالسُّجُودِ (Digalakkan perempuan untuk meninggalkan merenggangkan tangan ketika ruku’ dan sujud)

قَالَ إِبْرَاهِيمُ النَّخَعِيُّ : كَانَتِ الْمَرْأَةُ تُؤْمَرُ إِذَا سَجَدَتْ أَنْ تَلْزَقَ بَطْنَهَا بِفَخْذَيْهَا ، كَيْلا تَرْتَفِعَ عَجُزُهَا ، وَلا تُجَافِي كَمَا يُجَافِي الرَّجُلُ.

Ibrahim an-Nakhaie berkata: Wanita disuruh untuk merapatkan perut dan peha ketika sujud, agar tidak terangkat belakang mereka, begitu juga tidak merenggangkan tubuh sebagaimana lelaki.

قَالَ عَلِيٌّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : " إِذَا سَجَدْتِ الْمَرْأَةُ ، فَلْتَضُمَّ فَخِذَيْهَا " ، وَقَدْ رُوِيَ فِيهِ حَدِيثَانِ ضَعِيفَانِ لا يُحْتَجُّ بِأَمْثَالِهِمَا.:

'Ali radiallahu 'anhu berkata: Apabila seorang wanita sujud, hendaklah dia merapatkan pehanya. [As-Sunan Al-Kubra, Kitab al-Haidhi, hadis no: 2934]

Shaikh Mustafa al-Adawi berkata dalam Jami' Ahkam an-Nisa': Riwayat ini mauquf dhaif jiddan **(sangat lemah)**

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ ، صَاحِبِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ : " خَيْرُ صُفُوفِ الرِّجَالِ الأَوَّلُ ، وَخَيْرُ صُفُوفِ النِّسَاءِ الصَّفُّ الآخِرُ ، وَكَانَ يَأْمُرُ الرِّجَالَ أَنْ يَتَجَافَوْا فِي سُجُودِهِمْ ، وَيَأْمُرُ النِّسَاءَ يَنْخَفِضْنَ فِي سُجُودِهِنَّ ، وَكَانَ يَأْمُرُ الرِّجَالَ أَنْ يَفْرِشُوا الْيُسْرَى ، وَيَنْصِبُوا الْيُمْنَى فِي التَّشَهُّدِ ، وَيَأْمُرُ النِّسَاءَ أَنْ يَتَرَبَّعْنَ ، وَقَالَ : يَا مَعْشَرَ النِّسَاءِ ، لا تَرْفَعْنَ أَبْصَارَكُنَّ فِي الصَّلاةِ تَنْظُرْنَ إِلَى عَوْرَاتِ الرِّجَالِ

Abu Sa'id al-Khudri radiallahu 'anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sebaik-baik saf lelaki ialah yang hadapan, dan sebaik-baik saf perempuan ialah yang belakang. Baginda menyuruh kaum lelaki merenggangkan anggota dalam sujud mereka, dan menyuruh kaum wanita merapatkannya ketika sujud mereka. Baginda menyuruh kaum lelaki membentangkan kaki kiri, dan menegakkan kaki kanan ketika tasyahud, dan baginda menyuruh kaum perempuan duduk di atas kaki mereka. Baginda berkata: Wahai kaum wanita, janganlah kalian mengangkat pandangan ketika solat kerana kalian akan terlihat aurat kaum lelaki [As-Sunan Al-Kubra, Kitab al-Haidhi, hadis no: 2935]

Shaikh Mustafa al-Adawi berkata: Isnadnya dhaif jiddan (sangat lemah)

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِذَا جَلَسَتِ الْمَرْأَةُ فِي الصَّلاةِ وَضَعَتْ فَخِذَهَا عَلَى فَخِذِهَا الأُخْرَى ، وَإِذَا سَجَدَتْ أَلْصَقَتْ بَطْنَهَا فِي فَخِذَيْهَا ، كَأَسْتَرِ مَا يَكُونُ لَهَا ، وَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَنْظُرُ إِلَيْهَا ، وَيَقُولُ : يَا مَلائِكَتِي ، أُشْهِدُكُمْ أَنِّي قَدْ غَفَرْتُ لَهَا " ،

'Abdullah bin 'Umar radiallahu 'anhuma berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Apabila seorang wanita duduk dalam solat, hendaklah dia meletakkan pehanya di atas peha yang lain, apabila dia sujud hendaklah dia melekatkan perutnya ke pehanya. Itu lebih tertutup untuknya. Sesungguhnya Allah melihat ke arahnya dan berfirman: Wahai malaikatku, saksikanlah bahawa sesungguhnya aku telah mengampuninya [As-Sunan Al-Kubra, Kitab al-Haidhi, hadis no: 2936]

Imam al-Baihaqi menyatakan ia dhaif

عَنْ يَزِيدَ بْنِ أَبِي حَبِيبٍ : أَنّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ عَلَى امْرَأَتَيْنِ تُصَلِّيَانِ ، فَقَالَ : " إِذَا سَجَدْتُمَا ، فَضُمَّا بَعْضَ اللَّحْمِ إِلَى الأَرْضِ ، فَإِنَّ الْمَرْأَةَ لَيْسَتْ فِي ذَلِكَ كَالرَّجُلِ

Yazid bin Abi Habib meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam lalu berhampiran dua wanita yang sedang solat. Baginda sallallahu 'alaihi wasallam berkata: Apabila kalian berdua sujud, maka rapatkanlah sebahagian daging ke bumi, sesungguhnya wanita dalam hal ini tidak seperti lelaki [Al-Baihaqi dalam as-Sunan al-Kubra, Kitab al-Haidhi, hadis no: 2937]

Riwayat ini mursal

Shaikh Mustafa al-Adawi merumuskan: Sebagaimana yang engkau nampak, tiada satu pun yang Imam al-Baihaqi sebutkan merupakan hadis yang sahih.

Terdapat beberapa riwayat sahih dalam Musannaf Abdul Razzaq yang mana generasi salaf membezakan solat lelaki dan perempuan bertujuan agar aurat wanita itu lebih tertutup, antaranya:

عَنِ ابْنِ جُرَيْجٍ ، قَالَ : قُلْتُ لِعَطَاءٍ : تُشِيرُ الْمَرْأَةُ بِيَدَيْهَا بِالتَّكْبِيرِ كَالرَّجُلِ ؟ قَالَ : لاَ تَرْفَعُ بِذَلِكَ يَدَيْهَا كَالرَّجُلِ ، وَأَشَارَ فَخَفَضَ يَدَيْهِ جِدًّا ، وَجَمَعَهُمَا إِلَيْهِ جِدًّا ، وَقَالَ : إِنَّ لِلْمَرْأَةِ هَيْئَةً لَيْسَتْ لِلرَّجُلِ

Ibn Juraih berkata: Aku berkata kepada 'Atho': Adakah wanita memberi isyarat dengan tangannya jua ketika takbir seperti lelaki? 'Atho' menjawab: Janganlah dia mengangkat tangannya seperti lelaki, lalu 'Atho' memberi isyarat dengan merendahkan sedikit tangannya, dan merapatkan keduanya ke arah dirinya, dan 'Atho berkata: Sesungguhnya perbuatan solat perempuan tidak seperti lelaki [Musannaf Abdul Razzak, Bab Takbir al-Mar'ah, no: 5066]

Shaikh al-'Adawi berkata: Sahih daripada 'Atho'.

عن عطاء قال تجتمع المراة إذا ركعت ترفع يديها إلى بطنها وتجتمع ما استطاعت فإذا سجدت فلتضم يديها إليها وتضم بطنها وصدرها إلى فخذيها وتجتمع ما استطاعت

'Atho berkata: Wanita merapatkan tangannya ke perut semampunya ketika ruku', ketika sujud hendaklah dia merapakan tangan ke tubuhnya, dan merapakat perut serta dadanya ke pahanya semampunya dia. [Musannaf Abdul Razzak, Bab Takbir al-Mar'ah, no: 5069]

Shaikh al-'Adawi berkata: Sahih daripada 'Atho'.

Akan tetapi Al-Imam Al-Bukhari menukilkan di dalam Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan. Bab Sunat Duduk Tasyahud menyatakan:

وَكَانَتْ أُمُّ الدَّرْدَاءِ تَجْلِسُ فِي صَلَاتِهَا جِلْسَةَ الرَّجُلِ وَكَانَتْ فَقِيهَةً

Ummu ad-Darda' duduk di dalam solatnya seperti duduknya lelaki, dan dia adalah seorang wanita yang faqih

Di dalam Mukhtasar Ikhtilaf al-Ulama' oleh Imam at-Tahawi menyebutkan bahawa jumhur ulama membezakan cara duduk solat perempuan melainkan mazhab Malik yang menyatakan:

وقال مالك جلوس المرأة كجلوس

Duduknya perempuan seperti duduknya lelaki.

Fatwa Islam Sual wa Jawab, no : 9276 menyebutkan:

> Hujah itu ialah pada kalam Allah dan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam. Telah wujud riwayat daripada sebahagian salaf yang menyamakan solat lelaki dan wanita (sebagaimana dalam riwayat Ummu ad-Darda' di atas) [http://islamqa.info/ar/9276]

Ibn Hazm berkata dalam Al-Muhalla, masalah no: 453

> Membaguskan ruku' ialah dengan tidak mendongak atau menundukkan kepala, akan tetapi lurus bersama belakang badannya. Adapun ketika sujud hendaklah meluruskan badan semampunya, dan menjarakkan lengan semampunya. Lelaki dan perempuan dalam hal ini sama…. Jikalau terdapat perbezaan hukum untuk perempuan, Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam tidak akan lupa daripada menerangkannya.

Kesilapan-Kesilapan Dalam Solat

1) Pakaian yang tidak sempurna hingga terbuka aurat.

Ini berlaku pada lelaki dan perempuan. Lelaki khususnya mereka yang memakai pakaian yang singkat sehingga ketika sujud terlihat perkara yang tidak sepatutnya.

Firman Allah:

يَا بَنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُل مَسْجِدٍ

Wahai anak Adam. Pakailah perhiasan kalian setiap kali ke masjid [Surah al-A'raf:31]. Yang dimaksudkan dengan ayat ini ialah pakaian ketika solat.

عَنْ عَائِشَةَ ، قَالَتْ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " لَا تُقْبَلُ صَلَاةُ الْحَائِضِ إِلَّا بِخِمَارٍ

‘Aisyah radiallahu ‘anha berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Tidak diterima solat seorang wanita yang telah baligh melainkan dalam keadaan memakai tudung [Sunan at-Tirmizi, Kitab as-Solat, hadis no: 344, hadis hasan]

2) Tidak menggunakan sutrah

حَدَّثَنِي صَدَقَةُ بْنُ يَسَارٍ ، قَالَ : سَمِعْتُ ابْنَ عُمَرَ ، يَقُولُ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " لا تُصَلِّ إِلا إِلَى سُتْرَةٍ ، وَلا تَدَعْ أَحَدًا يَمُرُّ بَيْنَ يَدَيْكَ ، فَإِنْ أَبَى فَلْتُقَاتِلْهُ ؛ فَإِنَّ مَعَهُ الْقَرِينَ

Ibn ‘Umar radiallahu ‘anhuma berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Janganlah kalian solat melainkan ke arah sutrah. Janganlah kalian biarkan seseorang lalu di hadapan kalian. Seandainya dia enggan (iaitu tetap mahu lalu), perangilah dia kerana bersamanya adalah syaitan [Sahih Ibn Khuzaimah, Kitab as-Solat, hadis no: 779]

حَدَّثَنَا أَبُو صَالِحٍ السَّمَّانُ ، قَالَ : رَأَيْتُ أَبَا سَعِيدٍ الْخُدْرِيَّ فِي يَوْمِ جُمُعَةٍ يُصَلِّي إِلَى شَيْءٍ يَسْتُرُهُ مِنَ النَّاسِ ، فَأَرَادَ شَابٌّ مِنْ بَنِي أَبِي مُعَيْطٍ أَنْ يَجْتَازَ بَيْنَ يَدَيْهِ ، فَدَفَعَ أَبُو سَعِيدٍ فِي صَدْرِهِ فَنَظَرَ الشَّابُّ فَلَمْ يَجِدْ مَسَاغًا إِلَّا بَيْنَ يَدَيْهِ ، فَعَادَ لِيَجْتَازَ فَدَفَعَهُ أَبُو سَعِيدٍ أَشَدَّ مِنَ الْأُولَى فَنَالَ مِنْ أَبِي سَعِيدٍ ، ثُمَّ دَخَلَ عَلَى مَرْوَانَ فَشَكَا إِلَيْهِ مَا لَقِيَ مِنْ أَبِي سَعِيدٍ ، وَدَخَلَ أَبُو سَعِيدٍ خَلْفَهُ عَلَى مَرْوَانَ فَقَالَ : مَا لَكَ وَلِابْنِ أَخِيكَ يَا أَبَا سَعِيدٍ ؟ قَالَ : سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ : " إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ إِلَى شَيْءٍ يَسْتُرُهُ مِنَ النَّاسِ ، فَأَرَادَ أَحَدٌ أَنْ يَجْتَازَ بَيْنَ يَدَيْهِ فَلْيَدْفَعْهُ ، فَإِنْ أَبَى فَلْيُقَاتِلْهُ فَإِنَّمَا هُوَ شَيْطَانٌ

Abu Soleh al-Samman berkata: Aku melihat Abu Sa’id al-Khudri pada hari Jumaat, beliau sedang solat ke arah sesuatu yang menghalanginya daripada manusia. Seorang pemuda Dario Bani Abu Mu’aith ingin lalu di hadapannya. Abu Sa’id menghalang pemuda itu pada dadanya. Pemuda itu melihatnya dan tidak menemui sebarang laluan melainkan di hadapan Abu Sa’id. Sekali lagi dia cuba melintas lalu Abu Sa’id menghalang dengan lebih keras, lalu pemuda itu pun beredar dari Abu Sa’id. Kemudian Marwan masuk lalu pemuda itu mengaduk kepada Marwan apa yang Abu Sa’id lakukan kepadanya. Abu Sa’id pun kemudian bertemu dengan Marwan, lalu Marwan berkata: Apa halnya engkau dan anak saudara engkau ini wahai Abu Sa’id? Abu Sa’id menjawab: Aku mendengar Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Apabila salah seorang kalian solat ke arah sutrah, lalu seseorang mahu melintas di hadapannya, hendaklah dia menghalangnya. Seandainya dia enggan, perangilah dia. Sesungguhnya dia syaitan [Sahih al-Bukhari, Kitab as-Solat hadis no:481]

Majoriti ulama menyatakan hukum sutrah adalah sunat, sebahagian kecil menyatakan ia wajib. Mereka berbeza pendapat adakah garisan dapat dijadikan sutrah

3) Melihat ke langit

عَنْ جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " لَيَنْتَهِيَنَّ أَقْوَامٌ ، يَرْفَعُونَ أَبْصَارَهُمْ إِلَى السَّمَاءِ فِي الصَّلَاةِ ، أَوْ لَا تَرْجِعُ إِلَيْهِمْ"

Jabir bin Samrah radiallahu ‘anhu berkata: Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Hendaklah sesuatu kaum berhenti daripada melihat ke arah langit ketika solat, atau (penglihatan mereka) tidak akan dikembalikan kepada mereka (dibutakan mata) [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 654]

4) Menoleh ke kiri dan kanan tanpa keperluan

عَنْ عَائِشَةَ ، قَالَتْ : " سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الِالْتِفَاتِ فِي الصَّلَاةِ ؟ فَقَالَ : هُوَ اخْتِلَاسٌ يَخْتَلِسُهُ الشَّيْطَانُ مِنْ صَلَاةِ الْعَبْدِ . "

‘Aisyah radiallahu ‘anha berkata: Aku bertanya kepada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam tentang menoleh-noleh ketika solat. Baginda menjawab: Ia merupakan satu curian, yang mana syaitan mencurinya daripada solat seorang hamba [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 712]

5) Melihat ke arah perkara yang menghilangkan khusyuk

عَنْ عَائِشَةَ ، " أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى فِي خَمِيصَةٍ لَهَا أَعْلَامٌ ، فَقَالَ : شَغَلَتْنِي أَعْلَامُ هَذِهِ ، اذْهَبُوا بِهَا إِلَى أَبِي جَهْمٍ وَأْتُونِي بِأَنْبِجَانِيَّةٍ

‘Aisyah radiallahu ‘anha meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam solat dengan memakai baju Khamisah yang mempunyai corak. Baginda sallallahu ‘alaihi wasallam berkata: Corak ini telah menyibukkan aku. Pergilah dan bawa ia kepada Abu Jahm, dan bawakan kepada aku kain selimut Inbijaniyyah [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 713]

6- Menguap ketika solat

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " التَّثَاؤُبُ فِي الصَّلَاةِ مِنَ الشَّيْطَانِ ، فَإِذَا تَثَاءَبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَكْظِمْ مَا اسْتَطَاعَ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Menguap ketika solat adalah daripada syaitan. Apabila kalian menguap, tahanlah ia semampu kalian [Sunan at-Tirmizi, Kitab as-Solat, hadis no: 338, hasan sahih]

7- Meludah ke arah kiblat atau ke kanan

فَإِنَّ أَحَدَكُمْ إِذَا قَامَ يُصَلِّي ، فَإِنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى قِبَلَ وَجْهِهِ ، فَلَا يَبْصُقَنَّ قِبَلَ وَجْهِهِ وَلَا عَنْ يَمِينِهِ وَلْيَبْصُقْ عَنْ يَسَارِهِ تَحْتَ رِجْلِهِ الْيُسْرَى

Jabir bin ‘Abdullah meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Apabila salah seorang kalian mendirikan solat, sesungguhnya Allah berada menghadapa wajahnya. Janganlah dia meludah di hadapan wajahnya dan jangan juga di sebelah kanannya. Meludahlah ke sebelah kiri di bawah kaki kiri [Sahih Muslim, Kitab az-Zuhd, hadis no: 5333]

8- Meletakkan lengan atas lantai ketika sujud

اعْتَدِلُوا فِي السُّجُودِ ، وَلَا يَبْسُطْ أَحَدُكُمْ ذِرَاعَيْهِ انْبِسَاطَ الْكَلْبِ

Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sempurnakanlah sujud, janganlah membentangkan lengan sebagaimana anjing membentangkan (kakinya) [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 783]

9- Mengalih rambut dan pakaian ketika sujud

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ : " أُمِرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، أَنْ يَسْجُدَ عَلَى سَبْعٍ ، وَنُهِيَ أَنْ يَكْفِتَ الشَّعْرَ وَالثِّيَابَ. "

Ibn 'Abbas radiallahu 'anhuma meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam disuruh untuk sujud di atas tujuh anggota, dan dilarang daripada menarik rambut dan pakaian [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 762]

10- Membuka telapak tangan kanan ketika salam pertama, dan tangan kiri ketika salam kedua

عَنْ جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ ، قَالَ : "كُنَّا إِذَا صَلَّيْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قُلْنَا : السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ ، السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ ، وَأَشَارَ بِيَدِهِ إِلَى الْجَانِبَيْنِ ، فَقَال رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : عَلَامَ تُومِئُونَ بِأَيْدِيكُمْ ، كَأَنَّهَا أَذْنَابُ خَيْلٍ شُمْسٍ ، إِنَّمَا يَكْفِي أَحَدَكُمْ أَنْ يَضَعَ يَدَهُ عَلَى فَخِذِهِ ، ثُمَّ يُسَلِّمُ عَلَى أَخِيهِ مَنْ عَلَى يَمِينِهِ وَشِمَالِهِ

Jabir bin Samurah radiallahu 'anhu berkata: Ketika kami solat bersama Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam, kami menyebut: Assalamualaikum warahmatullah, Assalamualaikum warahmatullah. Lalu aku mengisyaratkan dengan tangan ku. Lalu Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Kenapa kalian memberi isyarat dengan tangan seperti ekor kuda yang bergerak? Cukuplah untuk kalian meletakkan tangannya di atas pahanya, kemudian memberi salam kepada saudaranya di kanan dan kiri [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 657]

11- Berlumba dengan imam

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ زِيَادٍ ، سَمِعْتُ أَبَا هُرَيْرَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " أَمَا يَخْشَى أَحَدُكُمْ أَوْ لَا يَخْشَى أَحَدُكُمْ إِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ قَبْلَ الْإِمَامِ أَنْ يَجْعَلَ اللَّهُ رَأْسَهُ رَأْسَ حِمَارٍ أَوْ يَجْعَلَ اللَّهُ صُورَتَهُ صُورَةَ حِمَارٍ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tidakkah orang yang mengangkat kepalanya sebelum imam takut Allah akan menjadikan kepalanya seperti kepala keldai atau Allah menjadikan rupanya seperti rupa keldai? [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 653]

Perkara yang boleh dilakukan ketika solat

1) Membiarkan anak-anak bermain

عَنِ الْحَسَنِ ، أَخْبَرَنِي أَبُو بَكْرَةَ ، أَنّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُصَلِّي ، فَإِذَا سَجَدَ وَثَبَ الْحَسَنُ عَلَى ظَهْرِهِ وَعَلَى عُنُقِهِ ، فَيَرْفَعُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَفْعًا رَفِيقًا لِئَلَّا يُصْرَعَ ، قَالَ : فَعَلَ ذَلِكَ غَيْرَ مَرَّةٍ ، فَلَمَّا قَضَى صَلَاتَهُ ، قَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ ،

رَأَيْنَاكَ صَنَعْتَ بالْحَسَنِ شَيْئًا مَا رَأَيْنَاكَ صَنَعْتَهُ ! قَالَ : " إِنَّهُ رَيْحَانَتِي مِنَ الدُّنْيَا ، وَإِنَّ ابْنِي هَذَا سَيِّدٌ ، وَعَسَى اللَّهُ أَنْ يُصْلِحَ بِهِ بَيْنَ فِئَتَيْنِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ . "

Abu Bakrah radiallahu ‘anhu menceritakan: Rasulullah sallallalahu ‘alaihi wasallam mendirikan solat, apabila baginda sallallalahu ‘alaihi wasallam sujud, Al-Hasan melompat ke atas belakang dan tengkuknya. Rasulullah sallallalahu ‘alaihi wasallam pun bangkit (daripada sujud) dengan lembut supaya Al-Hasan tidak jatuh, Baginda sallallalahu ‘alaihi wasallam melakukan hal itu bukan hanya sekali. Apabila selesai solatnya, para sahabat bertanya : Ya Rasulullah, kami melihat engkau memperlakukan Al-Hasan dengan cara yang tidak pernah kami lihat engkau melakukannya. Rasulullah sallallalahu ‘alaihi wasallam menjawab : Dia adalah permata hati ku di dunia ini. Sesungguhnya cucuku ini seorang sayyid (pemimpian), boleh jadi Allah akan mendamaikan dua kaum Muslimin dengan cucuku ini. [Musnad Ahmad, Hadis Abu Bakrah, hadis no : 20027]

2- Mendukung anak

عَنْ عَمْرِو بْنِ سُلَيْمٍ الزُّرَقِيِّ ، أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا قَتَادَةَ ، يَقُولُ " : بَيْنَا نَحْنُ فِي الْمَسْجِدِ جُلُوسٌ خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَمْ يَحْمِلُ أُمَامَةَ بِنْتَ أَبِي الْعَاصِ بْنِ الرَّبِيعِ ، وَأُمُّهَا زَيْنَبُ بِنْتُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَهِيَ صَبِيَّةٌ ، يَحْمِلُهَا عَلَى عَاتِقِهِ ، فَصَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهِيَ عَلَى عَاتِقِهِ يَضَعُهَا إِذَا رَكَعَ وَيُعِيدُهَا إِذَا قَامَ ، حَتَّى قَضَى صَلاتَهُ ، يَفْعَلُ ذَلِكَ بِهَا"

'Amru bin Sulaim ar-Ruzaqi mendengar Abu Qatadah radiallahu ‘anhu berkata: Ketika kami sedang duduk-duduk di masjid, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam keluar menemui kami sambil mendukung Umamah binti Abi Al-As bin Ar-Rabi', ibunya ialah Zainab binti Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam. Ketika itu Umamah masih bayi. Baginda sallallahu ‘alaihi wasallam mendukungnya di atas bahu baginda sallallahu ‘alaihi wasallam, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam pun solat dalam keadaan Umamah radiallahu ‘anhu berada di atas bahunya. Baginda sallallahu ‘alaihi wasallam akan meletakkannya (di bawah) apabila baginda sallallahu ‘alaihi wasallam ruku', dan mengembalikan dia (di atas bahu baginda sallallahu ‘alaihi wasallam) apabila baginda sallallahu ‘alaihi wasallam berdiri. Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam melakukan sedemikian rupa sehinggalah baginda sallallahu ‘alaihi wasallam menyelesaikan solatnya. [As-Sunan Al-Kubra Lil Baihaqi, Jumma’ Abwab al-Istithobah, hadis no : 558]

3- Berjalan sedikit apabila ada keperluan

عَنْ عَائِشَةَ ، قَالَتْ : " جِئْتُ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي فِي الْبَيْتِ ، وَالْبَاب عَلَيْهِ مُغْلَقٌ ، فَمَشَى حَتَّى فَتَحَ لِي ثُمَّ رَجَعَ إِلَى مَكَانِهِ " . وَوَصَفَتِ الْبَاب فِي الْقِبْلَةِ ، قَالَ أَبُو عِيسَى : هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ.

‘Aisyah radiallahu ‘anha berkata: Aku tiba di rumah dan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam sedang solat di dalam rumah. Ketika itu pintu rumah berkunci. Lalu baginda berjalan dan membuka pintu untuk ku, kemudian baginda kembali ke tempatnya. Aisyah menerangkan bahawa pintu itu di arah kiblat. [Sunan at-Tirmizi, Kitab al-Jumu’ah, hadis no: 546, hasan gharib]

4- Bergerak-gerak apabila ada keperluan seperti mematikan telefon, mengangkat bayi, membunuh haiwan berbisa

حَدَّثَنَا الأَزْرَقُ بْنُ قَيْسٍ، قَالَ كُنَّا بِالأَهْوَازِ نُقَاتِلُ الْحَرُورِيَّةَ، فَبَيْنَا أَنَا عَلَى جُرُفِ نَهَرٍ إِذَا رَجُلٌ يُصَلِّي، وَإِذَا لِجَامُ دَابَّتِهِ بِيَدِهِ فَجَعَلَتِ الدَّابَّةُ تُنَازِعُهُ، وَجَعَلَ يَتْبَعُهَا . قَالَ شُعْبَةُ . هُوَ أَبُو بَرْزَةَ الأَسْلَمِيُّ . فَجَعَلَ رَجُلٌ مِنَ الْخَوَارِجِ يَقُولُ اللَّهُمَّ افْعَلْ بِهَذَا الشَّيْخِ. فَلَمَّا انْصَرَفَ الشَّيْخُ قَالَ إِنِّي سَمِعْتُ قَوْلَكُمْ، وَإِنِّي غَزَوْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم سِتَّ غَزَوَاتٍ أَوْ سَبْعَ غَزَوَاتٍ وَثَمَانِيًا، وَشَهِدْتُ تَيْسِيرَهُ، وَإِنِّي أَنْ كُنْتُ أَنْ أُرَاجِعَ مَعَ دَابَّتِي أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ أَنْ أَدَعَهَا تَرْجِعُ إِلَى مَأْلَفِهَا فَيَشُقَّ عَلَيَّ.

Al-Azraq bin Qais berkata: Kami berada di al-Ahwaz untuk memerangi puak Khawarij. Ketika itu ada seorang sedang solat di tepi sungai sambil memegang tali pengikat haiwannya, dan haiwannya meronta-ronta, lalu lelaki itu mengikut haiwannya. Shu'bah berkata bahawa lelaki itu adalah Abu Barza al-Aslami. Lalu seorang lelaki Khawarij berkata: Ya Allah! Musnahkan lelaki ini. Selepas lelaki itu selesai solat, dia pun berkata: Sesungguhnya aku mendengar perkataan kalian. Sesungguhnya aku telah berperang bersama Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam enam atau tujuh atau lapan peperangan. Aku melihat kelembutannya. Sesungguhnya aku lebih suka untuk memegang haiwan ku daripada membiarkan ia pulang ke kandangnya yang mana ia akan memberatkan aku. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-'Amal Fi as-Solat, hadis no: 1211]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : " أَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِقَتْلِ الْأَسْوَدَيْنِ فِي الصَّلَاةِ الْحَيَّةُ وَالْعَقْرَبُ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam menyuruh membunuh dua benda hitam di dalam solat, iaitu ular dan kala jengking [Sunan at-Tirmizi, Kitab as-Solat, hadis no: 355, hasan sahih]

5- Menjawab salam dengan memberi isyarat

حَدَّثَنَا نَافِعٌ ، قَالَ : سَمِعْتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ ، يَقُولُ : خَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى قُبَاءَ يُصَلِّي فِيهِ ، قَالَ : فَجَاءَتْهُ الْأَنْصَارُ ، فَسَلَّمُوا عَلَيْهِ وَهُوَ يُصَلِّي ، قَالَ : فَقُلْتُ لِبِلَالٍ : كَيْفَ رَأَيْتَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَرُدُّ عَلَيْهِمْ حِينَ كَانُوا يُسَلِّمُونَ عَلَيْهِ وَهُوَ يُصَلِّي ؟ قَالَ : " يَقُولُ هَكَذَا : وَبَسَطَ كَفَّهُ ، وَبَسَطَ جَعْفَرُ بْنُ عَوْنٍ كَفَّهُ ، وَجَعَلَ بَطْنَهُ أَسْفَلَ ، وَجَعَلَ ظَهْرَهُ إِلَى فَوْقٍ. "

'Abdullah bin 'Umar radiallahu 'anhuma berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam keluar ke Quba' dan mendirikan solat di sana. Lalu datang seorang lelaki Ansar, lalu dia memberi salam kepada baginda yang sedang solat. Lalu aku bertanya kepada Bilal: Bagaimana engkau lihat Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam menjawab salam mereka ketika solat? Bilal menjawab: Baginda melakukan begini: Lalu Ja'far bin 'Aun menunjukkan dengan membuka telapak tangannya, dan menjadikan dalam tapak tangannya ke arah bawah, dan belakang tapak tangannya ke arah atas [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 793]

6- Mengangkat kepala ketika sujud untuk melihat imam

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ شَدَّادٍ ، عَنْ أَبِيهِ ، قَالَ : خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي إِحْدَى صَلَاتَيْ الْعَشِيِّ : الظُّهْرِ أَوْ الْعَصْرِ ، وَهُوَ حَامِلٌ الْحَسَنَ أَوْ الْحُسَيْنَ ، ، فَتَقَدَّمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَوَضَعَهُ ثُمَّ كَبَّرَ لِلصَّلَاةِ ، فَصَلَّى ، فَسَجَدَ بَيْنَ ظَهْرَانَيْ صَلَاتِهِ سَجْدَةً أَطَالَهَا فَقَالَ : إِنِّي رَفَعْتُ رَأْسِي ، فَإِذَا الصَّبِيُّ عَلَى ظَهْرِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ سَاجِدٌ ، فَرَجَعْتُ فِي سُجُودِي ، فَلَمَّا قَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الصَّلَاةَ ، قَالَ النَّاسُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنَّكَ سَجَدْتَ بَيْنَ ظَهْرَانَيْ صَلَاتِكَ هَذِهِ سَجْدَةً قَدْ أَطَلْتَهَا ، , فَظَنَنَّا أَنَّهُ قَدْ حَدَثَ أَمْرٌ ، أَوْ أَنَّهُ قَدْ يُوحَى إِلَيْكَ قَالَ : " فَكُلُّ ذَلِكَ لَمْ يَكُنْ ، وَلَكِنَّ ابْنِي ارْتَحَلَنِي ، فَكَرِهْتُ أَنْ أُعَجِّلَهُ حَتَّى يَقْضِيَ حَاجَتَهُ. "

Syaddad radiallahu ‘anhu berkata : Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam keluar untuk (solat jemaah) bersama kami pada salah satu solat di waktu petang, (tidak pasti) Zuhur atau Asar. Baginda sallallalahu ‘alaihi wasallam sedang mendukung (cucunya) iaitu Hasan atau Hussain radiallahu ‘anhu. Baginda sallallalahu ‘alaihi wasallam bergerak ke hadapan (untuk menjadi imam) dan meletakkan cucunya. Kemudian baginda sallallalahu ‘alaihi wasallam mengangkat takbir untuk solat, lalu mendirikan solat. Baginda sallallalahu ‘alaihi wasallam sujud di tengah-tengah solatnya dengan sujud yang sangat panjang.

Syaddad radiallahu ‘anhu berkata : Aku pun mengangkat kepala aku, dan aku melihat kanak-kanak tadi berada di atas belakang Rasulullah sallallalahu ‘alaihi wasallam ketika baginda sallallalahu ‘alaihi wasallam sedang sujud. Aku pun kembali sujud. Apabila Rasulullah sallallalahu ‘alaihi wasallam selesai mendirikan solat, para jemaah bertanya : Ya Rasulullah! Sesungguhnya engkau telah sujud di tengah-tengah solat mu dengan sujud yang panjang. Kami menyangka sesuatu telah berlaku, atau wahyu telah dihantar kepada engkau. Rasulullah sallallalahu ‘alaihi wasallam menjawab : Semua itu tidak berlaku. Sebaliknya cucu aku ini sedang menunggang ku. Aku tidak suka untuk segera (bangkit) sehingga dia telah selesai menunaikan hajatnya. [Musnad Ahmad, Hadis Syaddad, hadis no : 15704]

Kemudahan Dalam Ibadah

Asas kepada agama Islam ialah ia memudahkan urusan umatnya. Di dalam hukum hakam yang digariskan oleh Allah Ta’ala melalui al-Quran dan as-Sunnah, akan kita temui pelbagai pengecualian dan keringanan yang diberikan kepada mereka yang memerlukan hal tersebut.

Islam sebagai satu agama yang mudah untuk umatnya terbukti dengan beberapa dalil daripada al-Quran dan al-Hadis.

Dalil daripada al-Quran:

1)

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

"…Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu…" [Al-Baqarah: 185]

2)

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

"…Allah tidak mahu menyulitkan kamu, tetapi Dia hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmatNya bagimu, agar kamu bersyukur." [Al-Maidah: 6]

3)

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

"… Dan Dia tidak menjadikan kesukaran untukmu dalam agama …" [Al-Hajj: 78]

Dalil daripada al-Hadis:

1)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ، وَلَنْ يُشَادَّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلاَّ غَلَبَهُ، فَسَدِّدُوا وَقَارِبُوا وَأَبْشِرُوا، وَاسْتَعِينُوا بِالْغَدْوَةِ وَالرَّوْحَةِ وَشَىْءٍ مِنَ الدُّلْجَةِ " .

Daripada Abu Hurairah Radiallahu 'anhu bahawa Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam bersabda: Sesungguhnya agama (Islam) ini mudah. Tidaklah seseorang mempersulit (berlebih-lebihan) dalam agamanya kecuali dia akan dikalahkan (tidak dapat melaksanakannya dengan sempurna). Oleh kerana itu, berlaku luruslah, sederhana (tidak melampaui batas), dan bergembiralah (kerana memperoleh pahala) serta memohon pertolongan (kepada Allah) dengan ibadah pada waktu pagi, petang dan sebahagian malam." [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, hadis no: 39]

2)

عَنْ أَنَسٍ، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " يَسِّرُوا وَلاَ تُعَسِّرُوا، وَبَشِّرُوا وَلاَ تُنَفِّرُوا

Daripada Anas bin Malik Radiallahu 'Anhu bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Permudahkan, jangan susahkan. Berikan khabar gembira, jangan membuatkan orang lari [Sahih al-Bukhari, Kitab al-'Ilm, hadis no: 69]

Solat Qasar

Definisi Qasar: Memendekkan solat fardhu yang empat rakaat menjadi dua rakaat di dalam keadaan musafir.

Dalil-dalil berkaitan memendekkan solat di dalam musafir.

1) Surah an-Nisa' ayat 101:

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي الأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلاةِ إِنْ خِفْتُمْ أَنْ يَفْتِنَكُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنَّ الْكَافِرِينَ كَانُوا لَكُمْ عَدُوًّا مُبِينًا

Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa "mengqasarkan" (memendekkan) sembahyang jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir. Sesungguhnya orang-orang kafir itu adalah musuh yang amat nyata bagi kamu

عَنْ يَعْلَى بْنِ أُمَيَّةَ ، قَالَ : قُلْتُ لِعُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ : فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلاةِ إِنْ خِفْتُمْ سورة النساء آية 101 ، وَقَدْ أَمِنَ النَّاسُ ، فَقَالَ عُمَرُ : عَجِبْتُ مِمَّا عَجِبْتَ مِنْهُ ، فَسَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، عَنْ ذَلِكَ فَقَالَ : " صَدَقَةٌ تَصَدَّقَ اللَّهُ بِهَا عَلَيْكُمْ ، فَاقْبَلُوا صَدَقَتَهُ . "

Ya'la bin Umayyah berkataL Aku pernah bertanya kepada Umar al-Khattab radiallahu 'anhu berkenaan dengan firman Allah “maka kamu tidaklah berdosa "mengqasarkan" (memendekkan) sembahyang jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir” ; sedangkan pada masa sekarang ini manusia telahpun berada dalam keadaan aman.” Umar menjawab: “Aku sendiri pernah merasa hairan juga seperti kamu oleh itu aku telah bertanya kepada Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam tentang hal ini lalu baginda bersabda: “Itu adalah sedekah yang diberikan oleh Allah kepada kalian maka terimalah sedekah-Nya.” [as-Sunan al-Kubra Lin Nasaie, Kitab Qasr as-Solat, hadis no: 1880]

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا ، قَالَتْ : " فُرِضَتِ الصَّلَاةُ رَكْعَتَيْنِ , ثُمَّ هَاجَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَفُرِضَتْ أَرْبَعًا وَتُرِكَتْ صَلَاةُ السَّفَرِ عَلَى الْأُولَى

‘Aisyah radiallahu ‘anha berkata: Solat difardhukan dua rakaat. Kemudian baginda sallallahu ‘alaihi wasallam berhijrah, lalu difardhukan solat empat rakaat, dan dibiarkan solat musafir seperti yang awal [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Manaqib, hadis no: 3667]

Apakah hukum memendekkan solat fardhu 4 rakaat menjadi 2 dalam musafir?

Dalam Sahih Fiqh as-Sunnah diterangkan:

Pendapat pertama: Ia adalah rukhsah/kemudahan. Ini merupakan pendapat majoriti ulama iaitu Maliki, Syafie, Hanbali. Mereka berbeza pendapat yang mana lebih afdhal, adakah qasar atau solat penuh?

Pendapat kedua: Ia merupakan kewajipan kepada seorang musafir, dan tidak boleh solat 4 rakaat. Ini pendapat mazhab Hanafi, satu pendapat dalam Maliki, Zahiri. Lalu mereka berbeza pendapat adakah sah solat musafir jika dilakukan 4 rakaat.

Jarak yang boleh qasar:

Pendapat pertama: Lebih kurang 48 batu atau sekitar 85 kilometer. Ini merupakan pendapat Ibn ‘Umar, Ibn ‘Abbas, al-Hasan al-Basri, az-Zuhri, mazhab Malik, al-Laith, al-Syafie, Ahmad, Ishaq dan Abu Tsaur.
Pendapat kedua: Perjalanan tiga hari tiga malam dengan menunggang unta. Ini pendapat Ibn Mas’ud, Suwaid bin Ghuflah, al-Sya’bi, al-Nakhaie, al-Tsauri, dan Abu Hanifah.
Pendapat ketiga: Apa sahaja yang dipanggil musafir, boleh mengqasarkan solat. Ini pendapat az-Zahiri, Ibn Taimiyyah dan Ibn al-Qayyim.

Jenis-jenis musafir:

Musafir untuk melakukan maksiat. Majoriti ulama iaitu Malik, al-Syafie, Ahmad, mensyaratkan qasar hanya boleh dilakukan untuk musafir yang wajib atau harus, dan tidak boleh untuk musafir yang maksiat. Ini kerana mereka berpendapat qasar hanyalah rukhsah. Yang berpegang solat qasar adalah wajib, maka mereka menetapkan qasar walau dalam safar maksiat.

Di mana boleh bermulanya mengqasarkan solat?
Ulama sepakat apabila sudah keluar daripada mukim kita, maka kita boleh mula mengqasarkan solat. Tetapi mereka khilaf adakah boleh mengqasarkan solat ketika masih berada dalam mukim kita. Majoriti menetapkan perlu selepas keluar dari mukim.

، عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : " صَلَّيْتُ الظُّهْرَ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْمَدِينَةِ أَرْبَعًا وَبِذِي الْحُلَيْفَةِ رَكْعَتَيْنِ. "

Anas bin Malik radiallahu ‘anhu berkata: Aku solat Zuhur bersama nabi sallallahu ‘alaihi wasallam di Madinah sebanyak empat rakaat, dan di Dzul Hulaifah dua rakaat [Sahih al-Bukahri, Kitab al-Jumu’ah, hadis no: 1032]

Berapa lama boleh qasar solat?

Orang musafir tanpa syak boleh mengqasar ketika dalam perjalanan, tetapi ulama khilaf tatkala mereka sampai di destinasi.
Ia terpecah kepada banyak pendapat sehingga sepuluh pendapat, yang semuanya tiada dalil yang jelas menghadkan jumlah hari. Antara pendapat yang masyhur ialah:
Jika berniat untuk tinggal lebih daripada empat hari, tidak boleh qasar. Ini pendapat majoriti iaitu Maliki, Syafie, dan Hanbali. Maliki dan Syafie pula berkata: Ia tidak termasuk hari sampai di destinasi, dan hari keluar. Hanbali pula menghadkan kepada 21 waktu solat.
Jika berniat tinggal lima belas hari, tidak boleh qasar. Ini pendapat Abu Hanifah, al-Tsauri, al-Muzani.
Boleh qasar selama dua puluh hari dua puluh malam dan kemudian hendaklah solat penuh walau tiada niat bermukim. Ini pendapat Ibn Hazm, dan al-Syaukani.

Boleh qasar selamanya selagi tidak berniat untuk bermukim di situ. Ini mazhab Al-Hasan, Qatadah, Ishaq, Ibn Taimiyyah.

Menjadi makmum kepada imam mukim:

Jika dia dapat bersama imam empat atau tiga rakaat. Hendaklah dia sempurnakan solat sebanyak empat rakaat. Ini merupakan pendapat majoriti ulama kecuali Ibn Hazm. Dalilnya:

إِنَّمَا جُعِلَ الْإِمَامُ لِيُؤْتَمَّ

Anas bin Malik radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Imam itu adalah untuk diikuti. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jumu’ah, hadis no: 1053]

عَنْ مُوسَى بْنِ سَلَمَةَ ، قَالَ : كُنَّا مَعَ ابْنِ عَبَّاسٍ بِمَكَّةَ ، فَقُلْتُ : " إِنَّا إِذَا كُنَّا مَعَكُمْ صَلَّيْنَا أَرْبَعًا ، وَإِذَا رَجَعْنَا إِلَى رِحَالِنَا صَلَّيْنَا رَكْعَتَيْنِ ، قَالَ : تِلْكَ سُنَّةُ أَبِي الْقَاسِمِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Musa bin Salamah berkata: Kami bersama-sama Ibn ‘Abbas di Mekah, lalu aku berkata: Sesungguhnya apabila kami bersama kalian, kami solat empat rakaat, dan apabila kami pulang ke rumah, kami solat dua rakaat. Ibn ‘Abbas radiallahu ‘anhuma berkata: Itulah sunnah Abu al-Qasim sallallahu ‘alaihi wasallam [Musnad Ahmad, Musnad Ibn ‘Abbas, hadis no: 1792]

Jika dia mendapat satu atau dua rakaat bersama imam. Ulama terbahagi kepada dua.

Pertama: Sempurnakan empat rakaat. Ini pendapat majoriti empat mazhab, Ibn ‘Umar, Ibn ‘Abbas, sekelompok tabi’in. Tidak diketahui seorang sahabat nabi pun yang menyelisihi pendapat ini.

عَنْ أَبِي مِجْلَزٍ ، قَالَ : قُلْتُ لابْنِ عُمَرَ : الْمُسَافِرُ يُدْرِكُ رَكْعَتَيْنِ مِنْ صَلاةِ الْقَوْمِ ، يَعْنِي الْمُقِيمِينَ ، أَتُجْزِيهُ الرَّكْعَتَانِ أَوْ يُصَلِّي بِصَلاتِهِمْ ؟ قَالَ : فَضَحِكَ ، وَقَالَ : " يُصَلِّي بِصَلاتِهِمْ

Abu Mijlaz bertanya kepada Ibn ‘Umar radiallahu ‘anhuma: Seorang musafir mendapat dua rakaat bersama jemaah mukim. Adakah cukup dia solat dua rakaat atau dia solat seperti solat mereka (iaitu empat rakaat). Lalu Ibn ‘Umar ketawa lalu berkata: Dia solat dengan solat mereka (iaitu empat rakaat) [al-Sunan al-Kubra Lil Baihaqi, Kitab al-Haidhi, hadis no: 5070]

Pendapat kedua: Dia solat dua rakaat sahaja. Ini pendapat Ishaq, Thowus, al-Sya’bi, dan Ibn Hazm.

Jika dia tidak mendapat sebarang rakaat, contohnya dia sampai ketika imam duduk tasyahud akhir. Imam al-Hasan, an-Nakhaie, az-Zuhri, Qatadah, dan Malik berpendapat mereka solat dua rakaat. Ini dalil mereka:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " مَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الصَّلَاةِ فَقَدْ أَدْرَكَ الصَّلَاةَ. "

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang mendapat rakaat, maka dia mendapat solat [Sahih al-Bukhari, Kitab Mawaqit as-Solat, hadis no: 548]
Majoriti ulama berpendapat mereka perlu tetap solat empat rakaat.

Solat Jama’

Definisi Jama’: Mengumpulkan dua sembahyang dalam satu waktu. Contohnya mengumpulkan sembahyang Zuhur dan Asar dalam satu waktu ataupun Maghrib dan Isyak dalam satu waktu.

Dalil-dalil berkaitan menggabungkan solat

، وَعَنْ كُرَيْبٍ ، أَنَّ ابْنَ عَبَّاسٍ قَالَ : " أَلَا أُحَدِّثُكُمْ عَنْ صَلَاةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي السَّفَرِ ؟ قَالَ : قُلْنَا : بَلَى . قَالَ : كَانَ إِذَا زَاغَتْ الشَّمْسُ فِي مَنْزِلِهِ ، جَمَعَ بَيْنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ قَبْلَ أَنْ يَرْكَبَ ، وَإِذَا لَمْ تَزِغْ لَهُ فِي مَنْزِلِهِ ، سَارَ حَتَّى إِذَا حَانَتْ الْعَصْرُ نَزَلَ ، فَجَمَعَ بَيْنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ ، وَإِذَا حَانَتْ الْمَغْرِبُ فِي مَنْزِلِهِ ، جَمَعَ بَيْنَهَا وَبَيْنَ الْعِشَاءِ ، وَإِذَا لَمْ تَحِنْ فِي مَنْزِلِهِ رَكِبَ ، حَتَّى إِذَا حَانَتْ الْعِشَاءُ ، نَزَلَ ، فَجَمَعَ بَيْنَهُمَا. "

Daripada Ibnu ‘Abbas radiallahu 'anhu: “Inginkah tuan-tuan saya ceritakan perihal sembahyang Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam sewaktu sedang dalam perjalanan.” Ujar kami: “Baik.” Katanya: “Jika baginda masih berada di rumah semasa matahari telah tergelincir (masuknya waktu Zuhur), baginda jamakkan Zuhur dengan Asar (jamak taqdim) sebelum berangkat, tapi kalau belum lagi tergelincir, maka baginda berjalan hingga nanti bila waktu Asar masuk baginda pun berhenti dan menjamak sembahyang Zuhur dengan Asar (jamak ta’khir). Begitu juga jika selagi baginda di rumah waktu Maghrib sudah masuk, baginda jamaklah sembahyang Maghrib dengan Isyak, tetapi kalau waktu belum lagi masuk, baginda terus sahaja berangkat dan nanti bila waktu Isyak tiba, baginda pun berhenti untuk menjamak sembahyang Maghrib dan Isyak itu.” [Musnad Ahmad, Musnad Ibn ‘Abbas, hadis no: 3348]

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ ، قَالَ : " صَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ جَمِيعًا ، وَالْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ جَمِيعًا ، فِي غَيْرِ خَوْفٍ ، وَلَا سَفَرٍ "

Ibnu ‘Abbas radiallahu 'anhu menerangkan: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam pernah menjama’ sembahyang Zuhur dan Asar serta Maghrib dan Isyak di Madinah (bukan dalam musafir), bukan kerana dalam ketakutan atau hujan.” Lalu orang bertanya kepada Ibnu ‘Abbas: “Kenapa Nabi shallallahu ‘alaihi wasallam berbuat sedemikian?” Jawabnya: “Baginda bertujuan agar tidak menyukarkan umatnya.” [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin, hadis no: 1152]

Ada pihak yang menggunakan hadis ini untuk membolehkan menjamak sembahyang secara sesuka hati tanpa ada kesulitan. Syaikh al-Albani rahimahullah menjelaskan:

> Hadis ini tidaklah seperti apa yang disangka oleh banyak para penuntut ilmu bahawa sembahyang (jamak) itu boleh dilakukan bila-bila sahaja tanpa pertimbangan dan tanpa alasanpun… Tetapi jika ada sesuatu yang memberatkan untuk dilaksanakan sembahyang pada waktunya maka ketika itu boleh baginya menjamak sembahyang demi menghilangkan kesulitan tersebut ; baik berupa jamak taqdim ataupun ta'khir. Sesungguhnya alasan syar'i dari sembahyang jama' ini adalah untuk menghilangkan kesulitan dari kaum Muslimin. Maka jika tidak ada kesulitan tidak boleh jamak, dan wajib bagi kita memahami hadis di atas secara sempurna. Dan kesempurnaan hadis tersebut adalah sebagai berikut: Lalu orang bertanya kepada Ibnu 'Abbas: "Kenapa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam berbuat sedemikian?" Jawabnya: "Baginda bertujuan agar tidak menyukarkan umatnya." Dengan adanya sembahyang jama' yang dilakukan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam dalam keadaan mukim dan tanpa uzur turunnya hujan bukan bererti semua orang boleh menjamak sembahyang tanpa adanya kesulitan.

Jenis-jenis jama':

1) Jama' Taqdim (yang didahulukan) iaitu mengumpulkan sembahyang Asar bersama Zuhur dalam waktu sembahyang Zuhur atau mengumpulkan sembahyang Isyak dan Maghrib dalam waktu sembahyang Maghrib.

2) Jamak Ta'khir (yang diakhirkan) pula ialah mengumpulkan sembahyang Zuhur dan Asar dalam waktu sembahyang Asar atau mengumpulkan sembahyang Maghrib dan Isyak dalam waktu sembahyang Isyak.

Sebab-Sebab Jama'

Musafir:

Pendapat pertama: Tidak boleh jama' melainkan pada hari Arafah, dan malam di Muzdalifah. Ini mazhab Abu Hanifah, satu riwayat daripada Malik, Al-Hasan, Ibn Sirin. Dalilnya: surah an-Nisa' 103

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : " مَا رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى صَلَاةً بِغَيْرِ مِيقَاتِهَا إِلَّا صَلَاتَيْنِ جَمَعَ بَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ ، وَصَلَّى الْفَجْرَ قَبْلَ مِيقَاتِهَا

‘Abdullah bin Mas’ud radiallahu ‘anhu berkata: Aku tidak pernah lihat Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam solat di luar waktunya kecuali pada dua solat yang dijamakkan antara Maghrib dan Isya’, dan solat Subuh sebelum waktunya [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Haj, hadis no: 1576]

Boleh jama’ bagi musafir. Ini merupakan pendapat Malik, Syafie, Ahmad, at-Tsauri, Ishaq, Abu Tsaur, Ibn al-Munzir, dan sekelompok sahabat seperti Muaz, Abu Musa, Ibn ‘Abbas dan Ibn ‘Umar radiallahu ‘anhum ajma’in. Dalilnya:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : " كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا ارْتَحَلَ قَبْلَ أَنْ تَزِيغَ الشَّمْسُ أَخَّرَ الظُّهْرَ إِلَى وَقْتِ الْعَصْرِ ثُمَّ يَجْمَعُ بَيْنَهُمَا ، وَإِذَا زَاغَتْ صَلَّى الظُّهْرَ ثُمَّ رَكِبَ

Anas bin Malik radiallahu ‘anhu berkata: Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam apabila bertolak sebelum tergelincirnya matahari, baginda akan mengakhirkan solat Zuhur ke waktu Asar, kemudian menjama’kan keduanya, dan apabila matahari telah tergelincir, baginda akan solat Zuhur dan baru berangkat [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jumu’ah, hadis no: 1050]

Hujan

Dibolehkan menjamakkan solat apabila hujan di sisi majoriti ulama berdasarkan riwayat Ibn ‘Abbas yang telah disebutkan.

Kerana sebab-sebab atau keperluan lain yang menyukarkan solat pada waktunya.

Ini merupakan pendapat Ibn Sirin, ulama Maliki seperti Asyhab, ulama mazhab Syafie seperti Al-Quffal al-Syasyi, Ishaq, dan Ahlul Hadis. Dalam hal ini termasuklah

- Doktor yang melakukan pembedahan
- Polis yang tidak boleh meninggalkan tugasannya
- Pelajar yang menghadapi peperiksaan yang melangkaui waktu solat

(Akan tetapi perlu diingatkan ia pada kadar keperluan sahaja)

Sakit

Ia diqiaskan kepada perempuan istihadah. Ini merupakan pendapat Malik, Ahmad, Ibn Taimiyyah tetapi Imam al-Syafie tidak membenarkan.

Adakah perlu berturut-turut (al-Muwalat)

Jama’ Takhir: Tidak disyaratkan berturut. Maka boleh solat Zuhur di awal waktu Asar, contohnya jam 4.30 petang, kemudian jam 5.30 petang baru solat ‘Asar. Ini merupakan pendapat majoriti ulama kecuali Hanbali.

Jama’ Taqdim: Majoriti mensyaratkan berturut. Manakala Ibn Taimiyyah berkata tidak disyaratkan berturut-turut. Contohnya boleh solat Zuhur jam 1.15 tengahari, dan Asar jam 3.00 petang. Ini kerana tiada dalil berkaitan hal ini.

Bersuci dan Solat Dalam Keadaan Sakit

Menyapu Di Atas Balutan Luka

Dalam Sahih Fiqh as-Sunnah disebutkan: Majoriti ulama empat mazhab dan selain mereka membenarkan menyapu di atas pembalut anggota wudhu yang tidak boleh terkena air. Yang menyelisihi pendapat ini ialah al-Imam Ibn Hazm.

Dalil majoriti ulama ialah sebuah hadis, tetapi hadis ini dhaif.

عَنْ جَابِرٍ ، قَالَ : خَرَجْنَا فِي سَفَرٍ فَأَصَابَ رَجُلًا مِنَّا حَجَرٌ فَشَجَّهُ فِي رَأْسِهِ ثُمَّ احْتَلَمَ ، فَسَأَلَ أَصْحَابَهُ ، فَقَالَ : هَلْ تَجِدُونَ لِي رُخْصَةً فِي التَّيَمُّمِ ؟ فَقَالُوا : مَا نَجِدُ لَكَ رُخْصَةً وَأَنْتَ تَقْدِرُ عَلَى الْمَاءِ ، فَاغْتَسَلَ فَمَاتَ . فَلَمَّا قَدِمْنَا عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُخْبِرَ بِذَلِكَ ، فَقَالَ : " قَتَلُوهُ قَتَلَهُمُ اللَّهُ ، أَلَا سَأَلُوا إِذْ لَمْ يَعْلَمُوا ، فَإِنَّمَا شِفَاءُ الْعِيِّ السُّؤَالُ ، إِنَّمَا كَانَ يَكْفِيهِ أَنْ يَتَيَمَّمَ وَيَعْصِرَ أَوْ يَعْصِبَ شَكَّ مُوسَى عَلَى جُرْحِهِ خِرْقَةً ثُمَّ يَمْسَحَ عَلَيْهَا وَيَغْسِلَ سَائِرَ جَسَدِهِ

Daripada Jabir radiallahu 'anhu, kami keluar dalam satu musafir, lalu salah seorang daripada kami kepalanya terkena batu lalu tercedera, kemudian lelaki ini mengalami mimpi basah. Dia bertanya kepada sahabatnya: Adakah ada rukhsah untuk aku bertayamum? Mereka menjawab: Kami tidak melihat adanya keringanan untuk engkau, dan engkau mampu menggunakan air. Lalu dia pun mandi wajib lalu mati. Apabila mereka tiba bertemu Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam, baginda diberitahu tentang hal itu lalu baginda berkata: Mereka telah membunuhnya, mereka telah membunuhnya. Hendaklah mereka bertanya jika tidak tahu. Ubat kepada kebodohan ialah bertanya. Sesungguhnya cukup untuk dia bertayamum dan membalut atas lukanya, kemudian menyapu di atas balutan itu, kemudian membasuh seluruh tubuhnya [Sunan Abi Daud, Kitab at-Tharah, hadis no: 284]

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ ، أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ : " مَنْ كَانَ لَهُ جُرْحٌ مَعْصُوبٌ عَلَيْهِ تَوَضَّأَ وَمَسَحَ عَلَى الْعَصَائِبِ , وَيَغْسِلُ مَا حَوْلَ الْعَصَائِبِ " .

Ibn 'Umar radiallahu 'anhum berkata: Sesiapa yang ada luka yang dibalut, maka berwudhulah dan sapulah di atas balutan itu, dan basuhlah di bahagian sekeliling balutan itu[as-Sunan al-Kubra Lil Baihaqi, Jumma'u Abwabil al-Istithobah, hadis no: 997]

Mereka juga mengqiaskan kepada menyapu di atas khuf. Jika menyapu di atas khuf dibenarkan dalam keadaan bukan darurat, apatah lagi di atas balutan anggota yang cedera.

Imam Ibn Hazm dalam al-Muhalla pula berpendapat tidak perlu menyapu di atas balutan itu. Sebaliknya ia dibiarkan sahaja kerana tiada dalil menyebutkan hal itu.

Hal ini boleh diaplikasi dalam mandi wajib dan wudhu. Contohnya jika bahagian kepala berbalut, maka ketika mandi wajib, boleh membiarkan sahaja bahagian berbalut tanpa disiram air, dan

membasuh anggota lain yang boleh terkena air. Dan jika mahu mengikut pandangan majoriti ulama', cukup sekadar menyapu di atas balutan tersebut.

Sebagaimana telah disebutkan dalam bab tayamum. Ulama yang berpendapat tidak boleh digabungkan tayamum dengan wudhu/mandi wajib. Jadi sesiapa yang kebanyakan anggota yang wajib dibasuh tidak boleh terkena air, cukup dia tayamum sahaja. Dan seandainya kebanyakan anggota boleh terkena air, cukup dia berwudhu sahaja dan membiarkan anggota yang tidak boleh terkena air.

Cara bersuci (ringkasan daripada tulisan Shaikh Muhammad bin Soleh al-Uthaimin طهارة المريض وصلاته)

1) Orang sakit wajib bersuci dengan menggunakan air di dalam berwudhuk dan mandi wajib

2) Jika tidak mampu bersuci dengan air hendaklah melakukan tayamum

3) Orang sakit wajib meyucikan tubuhnnya daripada najis. Jika tidak mampu maka solatlah dalam keadaan yang sedia ada, dan solatnya sah

4) Orang sakit hendaklah memakai pakaian yang suci daripada najis. Jika tidak mampu, maka solatlah dalam keadaan yang sedia ada, dan solatnya sah

5) Orang sakit hendaklah solat di tempat yang suci, jika di katil hospital, hendaklah katil atau cadar suci daripada najis. Jika tidak mampu, maka solatlah dalam keadaan yang sedia ada dan solatnya sah.

Solat Ketika Sakit

عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : كَانَتْ بِي بَوَاسِيرُ فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الصَّلَاةِ ، فَقَالَ : " صَلِّ قَائِمًا ، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا ، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ . "

Daripada 'Imran Bin Husain radiallahu 'anhu bahawa: Aku mengalami sakit buasir, lalu aku bertanya kepada Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam tentang solat. Maka jawab Baginda Sallallahu 'Alaihi Wassalam: Solatlah dengan berdiri, jika tidak mampu, hendaklah dengan duduk, jika tidak mampu, hendaklah dengan berbaring di atas sisi. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jumu'ah, hadis no: 1056]

Cara Solat (Ringkasan daripada tulisan Shaikh Muhammad bin Soleh al-Uthaimin طهارة المريض وصلاته)

1) Orang sakit wajib melakukan solat fardu dengan keadaan berdiri meskipun dalam keadaan bongkok, bersandar mahupun bertongkat

2) Jika tidak mampu melakukannya dengan keadaan berdiri, maka solatlah dengan posisi duduk. Duduk boleh dilakukan dengan cara duduk bersila mahupun duduk seperti duduk iftirasy

3) Jika tidak mampu duduk, maka solatlah sambil berbaring menghadap kiblat dengan berbaring di atas sisi kanan dan ini lebih afdhal daripada berbaring di atas sisi kiri. Jika tidak mampu untuk menghadap kiblat maka solatlah sesuai dengan arah posisinya dan tidak perlu diulang.

4) Jika tidak mampu berbaring di sisi tubuh, maka solatlah menelentang, kedua kakinya diarahkan ke arah kiblat dan lebih afdhal kepalanya diangkat sedikit untuk mengarahkan ke kiblat. Jika kakinya tidak mampu diarahkan ke arah kiblat maka solatlah sesuai dengan posisinya dan tidak perlu diulang.

5) Orang sakit dalam melaksanakan solat hendaklah ruku' dan sujud, jika tidak mampu maka mengisyaratkannya dengan kepala (menundukkan). Maka dia menjadikan isyarat sujud lebih rendah daripada ruku. Jika dia mampu untuk melaksanakan ruku' saja tanpa sujud maka dia ruku' di waktu ruku' adapun sujud diisyaratkan dengan menundukkan kepala. Jika dia mampu untuk melaksanakan sujud saja tanpa ruku' maka dia sujud di waktu sujud adapun ruku' diisyaratkan dengan menundukkan kepala.

6) Jika tidak mampu untuk mengisyaratkan dengan kepala pada waktu ruku dan sujud, maka mengisyaratkannya dengan mata. Caranya; dengan memejamkan sekejap jika melakukan ruku' dan kalau sujud mata dipejamkan lebih lama.

7) Jika tidak mampu mengisyaratkan dengan kepala dan mata, maka solatlah dengan hatinya. Maka dia meniatkan ruku sujud, berdiri, duduk, dengan hatinya. Dan setiap orang sesuai dengan apa yang dia niatkan.

8) Orang sakit hendaklah melakukan setiap solat tepat pada waktunya, sesuai dengan kemampuannya yang telah diterangkan di atas tadi. Dan tidak boleh mengakhirkannya sampai keluar waktu.

9) Jika melaksanakan setiap solat tepat pada waktunya memberatkannya, maka boleh menjama' antara Zohor dan Asar, Maghrib dan Isya' dengan jama' takdim atau jama' takhir bergantung kepada keadaan yang sesuai dengan dirinya

Menyapu Di Atas Khuf

Dalam Sahih Fiqh as-Sunnah disebutkan: Ulama sepakat bahawa sesiapa yang telah mengambil wudhu, kemudian memakai khuf, maka boleh dia menyapu di atasnya. Ibn al-Mubarak berkata: Tiada perbezaan pendapat di kalangan ulama bahawa bolehnya menyapu di atas khuf. Ia disyariatkan melalui hadis-hadis yang mutawatir.

Apakah itu khuf?

Khuf ialah kasut yang diperbuat daripada kulit yang menutup hingga buku lali. [Sahih Fiqh as-Sunnah]

عَنْ مُغِيرَةَ بْنِ شُعْبَةَ ، قَالَ : " كُنْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفَرٍ ، فَقَالَ : يَا مُغِيرَةُ خُذْ الْإِدَاوَةَ ، فَأَخَذْتُهَا ، فَانْطَلَقَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى تَوَارَى عَنِّي فَقَضَى حَاجَتَهُ وَعَلَيْهِ جُبَّةٌ شَأْمِيَّةٌ ، فَذَهَبَ لِيُخْرِجَ يَدَهُ مِنْ كُمِّهَا فَضَاقَتْ ، فَأَخْرَجَ يَدَهُ مِنْ أَسْفَلِهَا فَصَبَبْتُ عَلَيْهِ ، فَتَوَضَّأَ وُضُوءَهُ لِلصَّلَاةِ وَمَسَحَ عَلَى خُفَّيْهِ ثُمَّ صَلَّى. "

Mughirah bin Syu'bah radiallahu 'anhu berkata: Kami bersama-sama Nabi sallallahu 'alaihi wasallam di dalam musfir. Baginda berkata: Wahai Mughirah, ambil bekas air ini, lalu aku pun mengambilnya. Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam pergi sehingga aku tidak dapat melihatnya, lalu baginda menunaikan hajatnya sambil memakai pakaian orang Syria, baginda cuba mengeluarkan tangannya daripada pakaiannya, tetapi pakaian itu sempit. Lalu baginda mengeluarkan tangannya dari bawah pakaian itu, lalu aku menyiram air di atas kedua tangannya. Lalu baginda berwudhu sebagaimana wudhu untuk solat, dan baginda menyapu di atas khufnya, kemudian baginda mendirikan solat [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 353]

Had Waktu Menyapu Khuf:

Tiga hari tiga malam untuk musafir, dan satu hari satu malam untuk orang bermukim. Ini adalah pendapat majoriti ulama mazhab Hanafi, Hanbali, Syafie, dan Zahiri.

عَنْ شُرَيْحِ بْنِ هَانِئٍ ، قَالَ : أَتَيْتُ عَائِشَةَ ، أَسْأَلُهَا عَنِ الْمَسْحِ عَلَى الْخُفَّيْنِ ؟ فَقَالَتْ : عَلَيْكَ بِابْنِ أَبِي طَالِبٍ ، فَسَلْهُ ، فَإِنَّهُ كَانَ يُسَافِرُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَسَأَلْنَاهُ ، فَقَالَ : جَعَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ وَلَيَالِيَهُنَّ لِلْمُسَافِرِ ، وَيَوْمًا وَلَيْلَةً لِلْمُقِيمِ"

Syuraih bin Hani' berkata: Aku datang kepada 'Aisyah radiallahu 'anha dan bertanya tentang menyapu di atas khuf. Beliau menjawab: Engkau pergilah tanya kepada Ali bin Abi Talib. Sesungguhnya dia pernah bermusafir bersama Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam, lalu kami bertanya kepadanya, dan beliau menjawab: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam (membolehkan menyapu di atas khuf) tiga hari tiga malam untuk musafir dan satu hari satu malam untuk orang bermukim. [Sahih Muslim, Kitab at-Taharah, hadis no: 419]

Bilakah bermula kiraan masa?

Pertama: Apabila pertama kali berhadas (iaitu wudhu terbatal) selepas memakai khuf. Ini pendapat Sufyan at-Thauri, al-Syafie, Abu Hanifah dan muridnya, Hanbali.

Kedua: Bermula daripada saat memakai khuf. Ini pendapat al-Hasan al-Basri.

Ketiga: Menyapu untuk lima kali solat bagi mukim, dan lima belas kali solat untuk musafir. Ini pendapat al-Sya'bi, Ishaq, Abu Tsaur, dan selain mereka.

Keempat: Bermula pada sapuan pertama. Ini pendapat Ahmad, al-Auzai'e, an-Nawawi, Ibn al-Munzir, Ibn al-Uthaimin.

Apakah syarat-syaratnya

Hendaklah dia sudah berwudhu sebelum memakai khuf itu.

عَنْ عُرْوَةَ بْنِ الْمُغِيرَةِ ، عَنْ أَبِيهِ ، قَالَ : كُنْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفَرٍ فَأَهْوَيْتُ لِأَنْزِعَ خُفَّيْهِ ، فَقَالَ : " دَعْهُمَا ، فَإِنِّي أَدْخَلْتُهُمَا طَاهِرَتَيْنِ ، فَمَسَحَ عَلَيْهِمَا

Al-Mughirah radiallahu 'anhu berkata: Aku bersama nabi sallallahu 'alaihi wasallam dalam permusafiran, aku ingin membuka kedua khufnya, baginda lalu berkata: Biarkan ia, sesungguhnya aku memakainya dalam keadaan bersuci. Lalu baginda menyapu di atas keduanya.[Sahih Muslim, Kitab al-Wudhu, hadis no: 201]

Bolehkah menyapu di atas khuf yang berlubang?

Kebanyakan ulama mensyaratkan agar khuf itu menutup semua anggota kaki yang wajib dibasuh ketika wudhu. Ini merupakan mazhab Syafie dan Ahmad.

Imam Malik, Abu Hanifah membenarkan menyapu di atas khuf yang berlubang selagi mana ia boleh digunakan untuk berjalan. Ini juga merupakan pendapat al-Tsauri, Ishaq, Abu Tsaur, Ibn Hazm, Ibn al-Munzir, dan Ibn Taimiyyah.

Kawasan yang disapu

Disyariatkan menyapu di bahagian atas khuf itu sekali. Ini adalah pendapat at-Tsauri, al-Awzaie, Ahmad, Abu Hanifah dan anak muridnya berdasarkan riwayat ini.

عَنْ عَلِيٍّ، – رضى الله عنه – قَالَ لَوْ كَانَ الدِّينُ بِالرَّأْيِ لَكَانَ أَسْفَلُ الْخُفِّ أَوْلَى بِالْمَسْحِ مِنْ أَعْلاَهُ وَقَدْ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يَمْسَحُ عَلَى ظَاهِرِ خُفَّيْهِ

Ali radiallahu 'anhu berkata: Seandainya agama ini menggunakan logic akal, nescaya menyapu di bahagian bawah khuf lebih utama daripada menyapu di bahagian atas khuf. Sesungguhnya aku melihat Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam menyapu di atas khuf [Sunan Abi Daud, Kitab at-Taharah, hadis no: 162]

Imam Malik, dan Syafie menyatakan disapu di bahagian atas dan bawah khuf, tetapi jika di atas sahaja pun sudah cukup. Tetapi tidak sah jika sekadar menyapu di bawah khuf. Ini berdasarkan sebuah riwayat lemah:

عَنِ الْمُغِيرَةِ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " تَوَضَّأَ ، فَمَسَحَ أَسْفَلَ الْخُفِّ وَأَعْلاَهُ. "

Al-Mughirah radiallahu 'anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam berwudhu lalu menyapu di bahagian atas dan bawah khufnya [Musnad Ahmad, Hadis al-Mughirah, hadis no: 17825]

Pembatal-Pembatal Menyapu Atas Khuf

1- Junub

عَنْ صَفْوَانَ بْنِ عَسَّالٍ ، قَالَ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " يَأْمُرُنَا إِذَا كُنَّا سَفَرًا أَنْ لَا نَنْزِعَ خِفَافَنَا ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ وَلَيَالِيهِنَّ إِلَّا مِنْ جَنَابَةٍ ، وَلَكِنْ مِنْ غَائِطٍ وَبَوْلٍ وَنَوْمٍ " . قَالَ أَبُو عِيسَى : هَذَا حَسَنٌ صَحِيحٌ

Safwan bin ‘Assal radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam menyuruh kami apabila musafir untuk tidak menanggalkan khuf kami selama tiga hari tiga malam kecuali jika mengalami junub. Akan tetapi jika buang air besar, kencing dan tidur (tidak perlu membuka khuf untuk berwudhu) [Sunan at-Tirmizi, Abwab at-Taharah, hadis no: 89, hasan sahih]

Dan selainnya yang mewajibkan mandi seperti haidh, dan nifas

2- Tamatnya waktu sapuan

3- Menanggalkan kasut

Adakah batal wudhu apabila khuf dibuka?

Pertama: Batal. Ini merupakan mazhab an-Nakhaie, al-Awzai’e, Ahmad, Ishaq, al-Syafie dalam pendapat qadim.

Kedua: Hanya perlu membasuh kaki sahaja semula. Ini pendapat al-Tsauri, Abu Hanifah, Abu Tsaur, dan qaul jadid Imam al-Syafie.

Ketiga: Selepas buka kasut dia perlu segera basuh kaki, jika tidak batal wudhu. Ini pendapat Malik dan al-Laith.

Keempat: Tidak batal wudhu, dan tidak perlu basuh kaki. Ini satu riwayat daripada an-Nakhaie, Al-Hasan al-Basri, ‘Atho’, Ibn Hazm, an-Nawawi, Ibn al-Munzir, dan Ibn Taimiyyah.

عَنْ أَبِي ظَبْيَانَ الْجَنْبِيِّ قَالَ : رَأَيْتُ عَلِيًّا " بَالَ قَائِمًا حَتَّى أَرْغَى ، ثُمَّ تَوَضَّأَ , وَمَسَحَ عَلَى نَعْلَيْهِ ، ثُمَّ دَخَلَ الْمَسْجِدَ فَخَلَعَ نَعْلَيْهِ , فَجَعَلَهُمَا فِي كُمِّهِ ، ثُمَّ صَلَّى

Abu Zhobyan berkata: Aku melihat Ali membuang air kecil sambil berdiri sehingga selesai, kemudian berwudhu, dan menyapu di atas kasutnya. Kemudian masuk ke masjid dan membuka kedua kasutnya, lalu mendirikan solat [Musannaf Abdil Razzaq, Kitab at-Taharah, hadis no: 754]

Bolehkah menyapu di atas stokin.

عَنْ الْمُغِيرَةِ بْنِ شُعْبَةَ ، قَالَ : " تَوَضَّأَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَسَحَ عَلَى الْجَوْرَبَيْنِ وَالنَّعْلَيْنِ " . قَالَ أَبُو عِيسَى : هَذَا حَسَنٌ صَحِيحٌ

Al-Mughirah bin Syu’bah radiallahu ‘anhu berkata: Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam berwudhu dan menyapu di atas stokinnya dan kasutnya. [Sunan at-Tirmizi, Abwab at-Taharah, hadis no: 92, hasan sahih]

Pertama: Tidak boleh. Ini mazhab Abu Hanifah, Malik, Syafie. Ini kerana stokin tidak sama hukumnya dengan khuf dan tiada dalil menyapu atas stokin.

Kedua: Boleh dengan syarat ia tebal dan menutup seluruh anggota kaki yang wajib dibasuh ketika wudhu. Ini pendapat al-Hasan, Ibn al-Musayyib, Ahmad, fuqaha mazhab Hanafi dan Syafi'e dan Hanabilah.

Ketiga: Boleh secara mutlak. Ini pendapat Ibn Hazm, Ibn Taimiyyah, Ibn al-Uthaimin, dan Al-Shanqitee,

Menyapu di atas serban

Boleh bagi menggantikan menyapu kepala. Ini pendapat Ahmad, Ishaq, Abu Tsaur, Al-Auzai'e, Ibn Hazm, Ibn Taimiyyah, Abu Bakar, 'Umar, Anas dan lain-lain radiallahu 'anhum.

، عَنْ ابْنِ الْمُغِيرَةِ بْنِ شُعْبَةَ ، عَنْ أَبِيهِ ، قال : " تَوَضَّأَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَسَحَ عَلَى الْخُفَّيْنِ وَالْعِمَامَةِ

Al-Mughirah bin Syu'abh meriwayatkan: Nabi sallallahu 'alaihi wasallam berwudhu dan menyapu di atas kedua khuf dan serbannya [Sunan at-Tirmizi, Abwab at-Taharah, hadis no: 93, hasan sahih]

عَنْ بِلَالٍ ، " أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، مَسَحَ عَلَى الْخُفَّيْنِ ، وَالْخِمَارِ

Bilal radiallahu 'anhu meriwayatkan nabi sallallahu 'alaihi wasallam menyapu di atas kedua khuf dan penutup kepala [Sahih Muslim, Kitab at-Taharah, hadis no: 418]

Kedua: Abu Hanifah, ulama Maliki, al-Syafie berpendapat perlu disapu sebahagian depan kepala dan serban.

Wanita menyapu di atas tudung:

Pertama: Mazhab Hanafi, Malik, Syafie dan Hanbali berpendapat tidak boleh. Ini kerana tudung tidak seperti lilitan serban yang sukar dibuka dan dipasang semula.

Kedua: Ibn Taimiyyah membenarkannya apabila cuaca sejuk dan ada keperluan. Ini juga pendapat yang dipegang oleh Shaikh Muhammad bin Soleh al-Uthaimin. Ini berdasarkan riwayat Ummu Salamah dibawah. Dan digalakkan sebagai langkah berhati-hati agar menyapu sebahagian depan kepala sebagaimana lelaki menyapu serban, kemudian menyapu di atas tudungnya.

عَنِ الْحَسَنِ ، عَنْ أُمِّهِ ، عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ ؛ أَنَّهَا كَانَتْ تَمْسَحُ عَلَى الْخِمَارِ

Ummu Salamah menyapu di atas tudungnya [Musannaf Ibn Abi Syaibah, Kitab at-Taharah, hadis no: 224]

Menyapu di atas kopiah dan songkok

Majoriti ulama berkata tidak boleh ini kerana ia mudah dibuka tidak seperti serban.

Ibn Hazm dan Ibn Taimiyyah berkata dibenarkan menyapu apa sahaja yang menutup kepala kerana ia sama sahaja seperti serban dan tudung.

Solat Jemaah

(Ringkasan daripada Sahih Fiqh as-Sunnah)

Hukum Solat Jemaah

Dalam Sahih Fiqh as-Sunnah disebutkan:

> Wajib ke atas setiap individu. Ini merupakan pendapat Ibn Mas'ud, Abu Musa radiallahu 'anhuma. Ia juga pendapat 'Atho', al-Auzai'e, dan Abu Tsaur. Ia merupakan pendapat Ahmad, Ibn Hazm. Mereka berbeza pendapat sama ada ia merupakan syarat sah solat atau tidak. Dalil mereka:

Firman Allah Surah al-Baqarah: 43.

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ (43)

Dan dirikanlah solat, bayarlah zakat, dan ruku'lah bersama orang-orang yang ruku'. Perkataan ruku'lah bersama orang-orang yang ruku' menunjukkan solat jemaah.

Di dalam peperangan Nabi sallallahu turut mendirikan solat khauf secara berjemaah. Jika ia tidak wajib, pasti ia tidak dilakukan di dalam perang.

Firman Allah dalam surah an-Nisa' ayat 102:

وَإِذَا كُنْتَ فِيهِمْ فَأَقَمْتَ لَهُمُ الصَّلَاةَ فَلْتَقُمْ طَائِفَةٌ مِنْهُمْ مَعَكَ وَلْيَأْخُذُوا أَسْلِحَتَهُمْ فَإِذَا سَجَدُوا فَلْيَكُونُوا مِنْ وَرَائِكُمْ وَلْتَأْتِ طَائِفَةٌ أُخْرَى لَمْ يُصَلُّوا فَلْيُصَلُّوا مَعَكَ وَلْيَأْخُذُوا حِذْرَهُمْ وَأَسْلِحَتَهُمْ وَدَّ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْ تَغْفُلُونَ عَنْ أَسْلِحَتِكُمْ وَأَمْتِعَتِكُمْ فَيَمِيلُونَ عَلَيْكُمْ مَيْلَةً وَاحِدَةً وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِنْ كَانَ بِكُمْ أَذًى مِنْ مَطَرٍ أَوْ كُنْتُمْ مَرْضَى أَنْ تَضَعُوا أَسْلِحَتَكُمْ وَخُذُوا حِذْرَكُمْ إِنَّ اللَّهَ أَعَدَّ لِلْكَافِرِينَ عَذَابًا مُهِينًا (102)

Dan apabila kamu berada di tengah-tengah mereka lalu kamu hendak mendirikan solat bersama-sama mereka, maka hendaklah segolongan dari mereka berdiri [solat] bersama kamu dan menyandang senjata, kemudian apabila mereka [yang solat bersama kamu] sujud, maka hendaklah mereka pindah ke belakangmu dan hendaklah datang golongan yang kedua yang belum mendirikan solat, lalu solatlah mereka denganmu, dan hendaklah mereka bersiap siaga dan menyandang senjata. Orang-orang kafir ingin supaya kamu lalai terhadap senjatamu dan harta bendamu, lalu mereka menyerbu kamu dengan serentak. Dan tidak ada dosa atasmu meletakkan senjata-senjatamu, jika kamu mendapati sesuatu kesusahan kerana hujan atau kerana kamu memang sakit; dan siap-siagalah kamu. Sesungguhnya Allah telah menyediakan azab yang menghinakan bagi orang-orang kafir itu. (102)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَقَدْ هَمَمْتُ أَنْ آمُرَ بِحَطَبٍ فَيُحْطَبَ ، ثُمَّ آمُرَ بِالصَّلَاةِ فَيُؤَذَّنَ لَهَا ، ثُمَّ آمُرَ رَجُلًا فَيَؤُمَّ النَّاسَ ، ثُمَّ أُخَالِفَ إِلَى رِجَالٍ فَأُحَرِّقَ عَلَيْهِمْ بُيُوتَهُمْ ، وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَوْ يَعْلَمُ أَحَدُهُمْ أَنَّهُ يَجِدُ عَرْقًا سَمِينًا أَوْ مِرْمَاتَيْنِ حَسَنَتَيْنِ لَشَهِدَ الْعِشَاءَ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Demi Tuhan yang jiwaku ada ditanganNya, sungguh aku bertekad meminta dikumpulkan kayu api, lalu ia dikumpulkan. Kemudian aku perintahkan solat, lalu ada yang melaungkan azan. Kemudian aku perintahkan seseorang untuk mengimami solat kaum manusia, dan aku tidak berjemaah untuk menemui orang-orang (lelaki yang tidak berjemaah), lalu aku bakar rumah-rumah mereka. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 611]

Jika hukumnya sekadar sunat, nabi sallallahu ‘alaihi wasallam tidak akan berazam untuk membakar rumah mereka.

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " مَنْ سَمِعَ النِّدَاءَ فَلَمْ يَأْتِهِ ، فَلَا صَلَاةَ لَهُ إِلَّا مِنْ عُذْرٍ. "

Ibn ‘Abbas meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Barangsiapa yang mendengar azan lalu tidak mendatanginya, maka tidak ada solat baginya kecuali kerana uzur. [Sunan Ibn Majah, Kitab al-Masajid, hadis no: 785]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : " أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، رَجُلٌ أَعْمَى ، فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنَّهُ لَيْسَ لِي قَائِدٌ يَقُودُنِي إِلَى الْمَسْجِدِ ، فَسَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، أَنْ يُرَخِّصَ لَهُ فَيُصَلِّيَ فِي بَيْتِهِ ، فَرَخَّصَ لَهُ ، فَلَمَّا وَلَّى ، دَعَاهُ ، فَقَالَ : " هَلْ تَسْمَعُ النِّدَاءَ بِالصَّلَاةِ ؟ قَالَ : نَعَمْ ، قَالَ : فَأَجِبْ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Seorang buta datang kepada Nabi Sallallahu ‘alaihi wa sallam dan berkata: Wahai Rasulullah, aku tidak mempunyai seorang yang memimpinku ke masjid, lalu dia meminta keringanan daripada Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wa sallam agar dibolehkan solat di rumah. Lalu baginda Sallallahu ‘alaihi wa sallam memberikan keringanan kepadanya. Ketika dia meninggalkan Nabi Sallallahu ‘alaihi wa sallam, lantas Rasulullah bertanya: Adakah engkau mendengar panggilan azan solat? Dia menjawab: Ya. Lalu Baginda berkata: Penuhilah [Sahih Muslim, Kitab al-Masajid, hadis no: 1050]

Tidak fardhu ain. Ini pendapat majoriti ulama. Ini pendapat Abu Hanifah, Malik dan al-Syafie.Tetapi mereka khilaf sama ada ia sunat, sunat muakkad atau fardhu kifayah.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ ، أَنّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ صَلَاةَ الْفَذِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً . "

Daripada Ibnu Umar radiallahu ‘anhuma, bahawa Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Solat berjemaah lebih afdhal daripada solat sendirian dua puluh tujuh darjat.”[Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 612]. Perkataan lebih afdhal menunjukkan hukumnya tidak wajib.

حَدَّثَنَا جَابِرُ بْنُ يَزِيدَ بْنِ الْأَسْوَدِ الْعَامِرِيُّ ، عَنْ أَبِيهِ ، قَالَ : شَهِدْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَجَّتَهُ ، فَصَلَّيْتُ مَعَهُ صَلَاةَ الصُّبْحِ فِي مَسْجِدِ الْخَيْفِ ، قَالَ : فَلَمَّا قَضَى صَلَاتَهُ وَانْحَرَفَ ، إِذَا هُوَ بِرَجُلَيْنِ فِي أُخْرَى الْقَوْمِ لَمْ يُصَلِّيَا مَعَهُ . فَقَالَ : " عَلَيَّ بِهِمَا " فَجِيءَ بِهِمَا تُرْعَدُ فَرَائِصُهُمَا ، فَقَالَ : " مَا مَنَعَكُمَا أَنْ تُصَلِّيَا مَعَنَا ؟ " فَقَالَا : يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا كُنَّا قَدْ صَلَّيْنَا فِي رِحَالِنَا ، قَالَ : " فَلَا تَفْعَلَا إِذَا صَلَّيْتُمَا فِي رِحَالِكُمَا ، ثُمَّ أَتَيْتُمَا مَسْجِدَ جَمَاعَةٍ فَصَلِّيَا مَعَهُمْ ، فَإِنَّهَا لَكُمَا نَافِلَةٌ

Yazid bin al-Aswad radiallahu 'anhu berkata: Aku menunaikan haji bersama Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam, lalu aku solat Subuh bersamanya di masjid al-Khaif. Apabila selesai solat, baginda berpaling, lalu terlihat dua lelaki di belakang jemaah dan mereka berdua tidak mendirikan solat bersama baginda, lalu baginda berkata: Bawakan mereka berdua kepada ku. Lalu aku datang membawa mereka berdua, dan mereka dalam keadaan gementar, lalu baginda bertanya: Apa yang menghalang kalian berdua daripada solat bersama kami? Mereka berdua menjawab: Ya Rasulullah, sesungguhnya kami telah mendirikan solat di rumah kami. Baginda menjawab: Jangan lakukan begitu, jika kalian sudah solat di rumah kalian, kemudian kalian datang ke masjid berjemaah, maka hendaklah kalian solat bersama mereka. Sesungguhnya itu menjadi solat sunat untuk kalian [Sunan at-Tirmizi, Kitab as-Solat, hadis no: 203, hasan sahih]. Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam tidak mengingkari tindakan mereka solat di rumah, maka itu menunjukkan ia tidak wajib.

Solat Jemaah Untuk Perempuan

Ulama sepakat ia tidak wajib, akan tetapi disyariatkan mereka solat berjemaah di sisi majoriti ulama [Sahih Fiqh as-Sunnah]

Bilakah di kira sebagai solat jemaah?

Sepakat para ulama minimumnya ialah dua orang (1 imam, 1 makmum) [Sahih Fiqh as-Sunnah]

عَنْ مَالِكِ بْنِ الْحُوَيْرِثِ ، قَالَ : أَتَى رَجُلَانِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُرِيدَانِ السَّفَرَ ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِذَا أَنْتُمَا خَرَجْتُمَا فَأَذِّنَا ، ثُمَّ أَقِيمَا ، ثُمَّ لِيَؤُمَّكُمَا أَكْبَرُكُمَا

Malik bin al-Huwairits radiallahu 'anhu berkata: Dua orang lelaki datang kepada nabi sallallahu 'alaihi wasallam kerana mereka mahu bermusafir. Lalu baginda sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Apabila kalian berdua keluar, hendaklah kalian melaungkan azan, kemudian mendirikan solat. Hendaklah yang paling tua antara kalian menjadi imam.[Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 597]

Keuzuran yang membolehkan tidak hadir jemaah di masjid

1- Hujan

عَنْ نَافِعٍ ، أَنَّ ابْنَ عُمَرَ أَذَّنَ بِالصَّلَاةِ فِي لَيْلَةٍ ذَاتِ بَرْدٍ وَرِيحٍ ، ثُمَّ قَالَ : أَلَا صَلُّوا فِي الرِّحَالِ ، ثُمَّ قَالَ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : "كَانَ يَأْمُرُ الْمُؤَذِّنَ إِذَا كَانَتْ لَيْلَةٌ ذَاتُ بَرْدٍ وَمَطَرٍ يَقُولُ أَلَا صَلُّوا فِي الرِّحَالِ

Ibn ‘Umar radiallahu ‘anhuma melaungkan azan untuk solat pada satu malam yang sejuk dan berangin. Beliau melaungkan: Solatlah di rumah kalian. Kemudian beliau berkata: Sesungguhnya Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam menyuruh muazzin untuk berkata “Solatlah di rumah” pada waktu malam yang sejuk dan hujan [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 629]

Akan tetapi jika dia keluar berjemaah, itu lebih afdhal.

عَنْ أَبِي سَلَمَةَ ، قَالَ : سَأَلْتُ أَبَا سَعِيدٍ الْخُدْرِيَّ فَقَالَ : جَاءَتْ سَحَابَةٌ فَمَطَرَتْ حَتَّى سَالَ السَّقْفُ ، وَكَانَ مِنْ جَرِيدِ النَّخْلِ ، فَأُقِيمَتِ الصَّلَاةُ " فَرَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْجُدُ فِي الْمَاءِ وَالطِّينِ حَتَّى رَأَيْتُ أَثَرَ الطِّينِ فِي جَبْهَتِهِ. "

Abu Sa’id al-Khudri radiallahu ‘anhu berkata: Awan mendung telah datang lalu hujan pun turun sehingga air mengalir dari atas atap, dan atap itu diperbuat daripada pelepah kurma, lalu solat pun didirikan. Aku melihat Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam sujud di atas air dan lumpur sehingga aku nampak kesan lumpur pada dahinya [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 632]

2- Sakit yang sukar untuk dia ke masjid mendirikan solat jemaah

Ibn al-Munzir berkata: Aku tidak mengetahui sebarang khilaf antara ulama tentang orang yang sakit tidak menghadiri solat jemaah kerana sakitnya. Ini kerana nabi sallallahu ‘alaihi wasallam, ketika sakit baginda tidak pergi ke masjid.

Akan tetapi jika sakitnya sedikit seperti pening, batuk, yang tidak menyukarkan dia ke masjid, maka tiada keuzuran untuknya.

3- Buta atau penglihatan tidak elok yang tiada orang dapat membawa mereka ke masjid

أَخْبَرَنِي مَحْمُودُ بْنُ الرَّبِيعِ ، وَزَعَمَ أَنَّهُ عَقَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَعَقَلَ مَجَّةً مَجَّهَا مِنْ دَلْوٍ كَانَ فِي دَارِهِمْ ، قَالَ : سَمِعْتُ عِتْبَانَ بْنَ مَالِكٍ الْأَنْصارِيَّ ، ثُمَّ أَحَدَ بَنِي سَالِمٍ ، قَالَ : كُنْتُ أُصَلِّي لِقَوْمِي بَنِي سَالِمٍ ، فَأَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقُلْتُ : " إِنِّي أَنْكَرْتُ بَصَرِي وَإِنَّ السُّيُولَ تَحُولُ بَيْنِي وَبَيْنَ مَسْجِدِ قَوْمِي ، فَلَوَدِدْتُ أَنَّكَ جِئْتَ فَصَلَّيْتَ فِي بَيْتِي مَكَانًا حَتَّى أَتَّخِذَهُ مَسْجِدًا ، فَقَالَ : أَفْعَلُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ ، فَغَدَا عَلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبُو بَكْرٍ مَعَهُ بَعْدَ مَا اشْتَدَّ النَّهَارُ ، فَاسْتَأْذَنَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَأَذِنْتُ لَهُ فَلَمْ يَجْلِسْ حَتَّى ، قَالَ : أَيْنَ تُحِبُّ أَنْ أُصَلِّيَ مِنْ بَيْتِكَ ؟ فَأَشَارَ إِلَيْهِ مِنَ الْمَكَانِ الَّذِي أَحَبَّ أَنْ يُصَلِّيَ فِيهِ ، فَقَامَ فَصَفَفْنَا خَلْفَهُ ، ثُمَّ سَلَّمَ وَسَلَّمْنَا حِينَ سَلَّمَ. "

Mahmud bin al-Rabi’ radiallahu ‘anhu teringat akan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam dan sebekas air yang baginda ambil dari rumahnya. Aku mendengar daripada ‘Itban bin Malik al-Ansori yang merupakan seorang daripada Bani Salim berkata: Aku mengimami solat kaum ku Bani Salim. Lalu aku datang kepada Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam lalu bertanya: Sesungguhnya penglihatan mata ku kabur, dan terdapat laluan air yang mengalir di antara rumah ku dan masjid kaum ku. Aku berharap agar engkau dapat hadir dan mendirikan solat di satu tempat dalam rumah ku sehingga aku akan menjadikannya sebagai tempat solat. Baginda menjawab: Aku akan lakukannya, Insya-Allah. Keesokan harinya, baginda sallallahu ‘alaihi wasallam datang bersama Abu Bakar selepas matahari sudah meninggi, lalu baginda meminta izin untuk

masuk dan aku pun mengizinkannya, tetapi baginda tidak terus duduk sehingga berkata: Di bahagian mana dalam rumah ini yang engkau suka untuk aku solat padanya? Lalu aku memberi isyarat ke arah tempat yang aku suka untuk solat di situ, lalu baginda berdiri dan kami membuat saf di belakang baginda, kemudian baginda memberi salam, dan kami pun memberi salam bersama salamnya itu. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 798]

4- Makan telah dihidangkan

حَدَّثَنِي أَبِي ، قَالَ : سَمِعْتُ عَائِشَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، أَنَّهُ قَالَ : " إِذَا وُضِعَ الْعَشَاءُ وَأُقِيمَتِ الصَّلَاةُ ، فَابْدَءُوا بِالْعَشَاءِ

'Aisyah radiallahu 'anha meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Apabila telah dihidangkan makan malam, dan solat didirikan, mulakanlah dengan makan [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 634]

Jumhur menyatakan digalakkan mendahulukan makan apabila makanan telah dihidangkan. Akan tetapi mereka berbeza pendapat adakah ia hanya digalakkan apabila seseorang itu memang ada keinginan untuk makan atau ia digalakkan secara mutlak. Ulama mazhab Syafie menyatakan ia digalakkan kepada orang yang ada keinginan untuk makan. Manakala yang menyatakan sunat secara mutlak ialah Imam al-Tsauri, Ahmad, Ishaq. Ibn Hazm pula membawa pendapat yang pelik dengan menyatakan batal solat seseorang itu apabila dia solat dalam keadaan makanan telah dihidangkan.

Sebahagian ulama pula mengutamakan solat jika seseorang itu tiada keinginan untuk makan. Ini merupakan pendapat ulama mazhab Malik. [Sahih Fiqh as-Sunnah]

5- Buang air

قَالَتْ : اجْلِسْ غُدَرُ ، إِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ : " لَا صَلَاةَ بِحَضْرَةِ الطَّعَامِ ، وَلَا هُوَ يُدَافِعُهُ الأَخْبَثَانِ

'Aisyah radiallahu 'anha berkata: Sesungguhnya aku mendengar Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tiada solat apabila makanan telah dihidangkan, tiada solat dalam keadaan menahan buang air [Sahih Muslim, Kitab al-Masajid, hadis no: 874]

6- Orang yang dalam keadaan busuk

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : مَنْ أَكَلَ مِنْ هَذِهِ الْبَقْلَةِ ، الثُّومِ ، وَقَالَ مَرَّةً : " مَنْ أَكَلَ الْبَصَلَ ، وَالثُّومَ ، وَالْكُرَّاثَ ، فَلَا يَقْرَبَنَّ مَسْجِدَنَا ، فَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ تَتَأَذَّى مِمَّا يَتَأَذَّى مِنْهُ بَنُو آدَمَ"

Jabir bin 'Abdullah radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang makan bawang putih, bawang merah dan sejenis tumbuhan yang berbau, janganlah dia mendekati masjid kami. Sesungguhnya malaikat terganggu dengan apa yang mengganggu manusia[Sahih Muslim, Kitab al-Masajid, hadis no: 881]

9- Tiada dalil menyatakan orang yang baru berkahwin diberikan keuzuran untuk tidak menghadiri solat jemaah sebagaimana pandangan sebahagian ulama mazhab Syafie dan Hanbali.

Adab Ke Masjid:

1- Meninggalkan semua hal duniawi

عَنِ الْأَسْوَدِ ، قَالَ : سَأَلْتُ عَائِشَةَ ، مَا كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصْنَعُ فِي بَيْتِهِ ؟ قَالَتْ : " كَانَ يَكُونُ فِي مِهْنَةِ أَهْلِهِ تَعْنِي خِدْمَةَ أَهْلِهِ ، فَإِذَا حَضَرَتِ الصَّلَاةُ خَرَجَ إِلَى الصَّلَاةِ

Al-Aswad berkata: Aku bertanya kepada ‘Aisyah radiallahu ‘anha: Apa yang Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam lakukan di rumahnya? Beliau menjawab: Baginda membantu berkhidmat menguruskan urusan keluarga. Apabila masuknya waktu solat, baginda keluar mendirikan solat [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 638]

2- Berwudhu sebelum ke masjid

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَنْ تَطَهَّرَ فِي بَيْتِهِ ، ثُمَّ مَشَى إِلَى بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ لِيَقْضِيَ فَرِيضَةً مِنْ فَرَائِضِ اللَّهِ ، كَانَتْ خَطْوَتَاهُ إِحْدَاهُمَا تَحُطُّ خَطِيئَةً ، وَالْأُخْرَى تَرْفَعُ دَرَجَةً"

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang berwudhu di rumahnya, kemudia berjalan ke rumah daripada rumah-rumah Allah untuk menunaikan satu kewajipan daripada kewajipan-kewajipan kepada Allah, maka langkahnya akan menghapuskan dosa, dan langkahan yang lain meninggikan darjat [Sahih Muslim, Kitab al-Masajid, hadis no: 1076]

3- Mempunyai perasaan ghairah

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : وَلَوْ يَعْلَمُونَ مَا فِي التَّهْجِيرِ لَاسْتَبَقُوا ، وَلَوْ يَعْلَمُونَ مَا فِي الْعَتَمَةِ وَالصُّبْحِ لَأَتَوْهُمَا وَلَوْ حَبْوًا ، وَلَوْ يَعْلَمُونَ مَا فِي الصَّفِّ الْمُقَدَّمِ لَاسْتَهَمُوا. "

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Jika mereka tahu ganjaran solat Zuhur di awal waktu, nescaya mereka akan berlumba-lumba, jika mereka tahu apa yang ada pada solat Isya’ dan Subuh, nescaya mereka akan mendatanginya walau merangkak, jika mereka tahu apa yang ada pada saf hadapan, nescaya mereka akan mencabut undian [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 682]

4- Berjalan dengan tenang

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي قَتَادَةَ ، عَنْ أَبِيهِ ، قَالَ : بَيْنَمَا نَحْنُ نُصَلِّي مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذْ سَمِعَ جَلَبَةَ رِجَالٍ ، فَلَمَّا صَلَّى ، قَالَ : مَا شَأْنُكُمْ ؟ ، قَالُوا : اسْتَعْجَلْنَا إِلَى الصَّلَاةِ ، قَالَ : " فَلَا تَفْعَلُوا ، إِذَا أَتَيْتُمُ الصَّلَاةَ فَعَلَيْكُمْ بِالسَّكِينَةِ ، فما أدركْتُمْ فَصَلُّوا ، وَمَا فَاتَكُمْ فَأَتِمُّوا. "

Abu Qatadah radiallahu ‘anhu berkata: Ketika kami sedang solat bersama Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam, kami mendengar bunyi bising orang ramai. Selesai sahaja solat, baginda bertanya; Apa hal kalian? Mereka menjawab: Kami tergesa-gesa untuk solat. Baginda bersabda: Jangan lakukan begitu. Apabila kalian datang mendirikan solat, hendaklah dalam keadaan tenang. Apa yang kalian sempat, solatlah, apa yang terlepas, sempurnakan [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 602]

5- Membaca doa masuk masjid

عَنْ أَبِي حُمَيْدٍ ، أَوْ عَنْ أَبِي أُسَيْدٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمُ الْمَسْجِدَ ، فَلْيَقُلْ : اللَّهُمَّ افْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ ، وَإِذَا خَرَجَ ، فَلْيَقُلْ : اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ

Abu Usaid radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Apabila salah seorang kalian masuk ke masjid, hendaklah dia membaca: Ya Allah, bukakan pintu-pintu rahmat untuk ku. Apabila dia keluar, hendaklah dia membaca: Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada Mu kurniaan Mu [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin, hadis no: 1171]

6- Tidak keluar dari masjid selepas azan dilaungkan kecuali darurat

عَنْ أَبِي الشَّعْثَاءِ ، قَالَ : " كُنَّا قُعُودًا فِي الْمَسْجِدِ مَعَ أَبِي هُرَيْرَةَ ، فَأَذَّنَ الْمُؤَذِّنُ ، فَقَامَ رَجُلٌ مِنَ الْمَسْجِدِ يَمْشِي ، فَأَتْبَعَهُ أَبُو هُرَيْرَةَ بَصَرَهُ ، حَتَّى خَرَجَ مِنَ الْمَسْجِدِ ، فَقَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ : أَمَّا هَذَا ، فَقَدْ عَصَى أَبَا الْقَاسِمِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. "

Abu al-Sya’ta’ berkata: Kami duduk di masjid bersama Abu Hurairah radiallahu ‘anhu, lalu muazzin melaungkan azan. Lalu seorang lelaki bangun daripada masjid dan berjalan. Abu Hurairah melihat ke arah lelaki itu sehingga dia keluar dari masjid. Lalu Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Hal ini, sesungguhnya dia telah melakukan maksiat kepada Abu al-Qasim sallallahu ‘alaihi wasallam [Sahih Muslim, Kitab al-Masajid, hadis no: 1053]

Hukum Wanita Ke Masjid

(Ringkasan daripada Jami’ Ahkam an-Nisa’, jilid 1, Bab Kewujudan Wanita Di Masjid Di Zaman Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam oleh Shaikh Mustafa al-‘Adawy)

Wanita Zaman Nabi Hadir di Masjid

عَنْ عُرْوَةَ ، أَنَّ عَائِشَةَ أَخْبَرَتْهُ ، قَالَتْ : " أَعْتَمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْلَةً بِالْعِشَاءِ ، وَذَلِكَ قَبْلَ أَنْ يَفْشُوَ الْإِسْلَامُ ، فَلَمْ يَخْرُجْ ، حَتَّى قَالَ عُمَرُ : نَامَ النِّسَاءُ وَالصِّبْيَانُ فَخَرَجَ ، فَقَالَ لِأَهْلِ الْمَسْجِدِ : مَا يَنْتَظِرُهَا أَحَدٌ مِنْ أَهْلِ الْأَرْضِ غَيْرَكُمْ. "

‘Aisyah radiallahu ‘anha berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam melewatkan solat Isya, hal ini berlaku sebelum Islam tersebar luas. Baginda sallallahu ‘alaihi wasallam tidak keluar untuk mendirikan solat melainkan sehingga ‘Umar radiallahu ‘anhu telah berkata: Kaum wanita dan kanak-kanak telah tertidur, baru lah baginda sallallahu ‘alaihi wasallam. Baginda sallallahu ‘alaihi wasallam berkata kepada yang ada di masjid: Tiada seorang pun selain kalian yang menanti solat ini. [Sahih al-Bukhari, Kitab Mawaqit as-Solat, hadis no: 535]

عَنِ ابْنِ شِهَابٍ ، قَالَ : أَخْبَرَنِي عُرْوَةُ بْنُ الزُّبَيْرِ ، أَنَّ عَائِشَةَ أَخْبَرَتْهُ ، قَالَتْ : "كُنَّ نِسَاءُ الْمُؤْمِنَاتِ يَشْهَدْنَ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَاةَ الْفَجْرِ مُتَلَفِّعَاتٍ بِمُرُوطِهِنَّ ، ثُمَّ يَنْقَلِبْنَ إِلَى بُيُوتِهِنَّ حِينَ يَقْضِينَ الصَّلَاةَ لَا يَعْرِفُهُنَّ أَحَدٌ مِنَ الْغَلَسِ

ʿAisyah radiallahu ‘anha berkata: Wanita-wanita beriman menghadiri solat Subuh bersama-sama Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam dalam keadaan berselibung dengan kain-kain mereka. Kemudian mereka pulang ke rumah dalam keadaan mereka tidak dapat dikenali kerana keadaan yang gelap. [Sahih al-Bukhari, Kitab Mawaqit as-Solat, hadis no: 546]

Shaikh Mustafa al-Adawy berkata:Ia bermaksud: Wanita dan kanak-kanak yang hadir di masjid tertidur. Hadis ini menunjukkan bahawa wanita turut hadir dan mendirikan solat di masjid di belakang kaum lelaki, dan hukumnya tidaklah wajib ke atas mereka.

Tidak Boleh Menghalang Wanita Keluar Ke Masjid

عَنْ سَالِمٍ ، عَنْ أَبِيهِ ، قال : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِذَا اسْتَأْذَنَتِ امْرَأَةُ أَحَدِكُمْ إِلَى الْمَسْجِدِ فَلَا يَمْنَعْهَا. "

‘Abdullah bin ‘Umar radiallahu ‘anhuma meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Apabila isteri salah seorang daripada kami meminta izin (untuk ke masjid), janganlah kamu menghalangnya. [Sunan an-Nasaie as-Sughra, Kitab al-Masajid, hadis no: 699]

عَنِ ابْنِ عُمَرَ ، قَالَ : "كَانَتِ امْرَأَةٌ لِعُمَرَ تَشْهَدُ صَلَاةَ الصُّبْحِ وَالْعِشَاءِ فِي الْجَمَاعَةِ فِي الْمَسْجِدِ ، فَقِيلَ لَهَا : لِمَ تَخْرُجِينَ وَقَدْ تَعْلَمِينَ أَنَّ عُمَرَ يَكْرَهُ ذَلِكَ وَيَغَارُ ، قَالَتْ : وَمَا يَمْنَعُهُ أَنْ يَنْهَانِي ، قَالَ : يَمْنَعُهُ قَوْلُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لَا تَمْنَعُوا إِمَاءَ اللَّهِ مَسَاجِدَ اللَّهِ. "

‘Abdullah bin ‘Umar radiallahu ‘anhuma berkata: Isteri ‘Umar radiallahu ‘anhu pergi menunaikan solat Subuh dan Isya’ secara berjemaah di masjid. Dikatakan kepada beliau: Kenapa engkau keluar juga (ke masjid) sedangkan engkau tahu ‘Umar tidak suka dan dia seorang yang cemburu. Isteri ‘Umar radiallahu’ anhu menjawab: Apa yang menghalangnya daripada menghentikan aku? Yang lain menjawab: Yang menghalangnya ialah sabda Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam: Janganlah kalian menghalang hamba-hamba perempuan Allah daripada masjid-masjid Allah. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jum’ah, hadis no: 854]

Dalam Sunan Ibn Majah disebutkan bahawa Bilal yang merupakan anak lelaki ‘Abdullah bin ‘Umar berkata:

فَقَالَ ابْنٌ لَهُ : إِنَّا لَنَمْنَعُهُنَّ ، فَقَالَ : فَغَضِبَ غَضَبًا شَدِيدًا ، وَقَالَ : إِنِّي أُحَدِّثُكَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَإِنَّكَ تَقُولُ : إِنَّا لَنَمْنَعُهُنَّ

Sesungguhnya kami akan menghalang mereka (daripada ke masjid). ‘Abdullah bin ‘Umar radiallahu ‘anhuma menjadi sangat marah dan berkata: Aku memberitahu engkau daripada Rasulullah sallallahu

‘alaihi wasallam sedemikian rupa, dan engkau pula berkata: Sesungguhnya kami akan menghalang mereka? [Sunan Ibn Majah, Kitab Ibn Majah, hadis no: 16]

Ibn Hazm menyebutkan dalam al-Muhalla:

> Tidak halal seorang wali atau tuan seorang perempuan menghalangnya daripada pergi solat berjemaah di masjid apabila dia mengetahui perempuan itu mahu mendirikan solat. Tidak juga halal untuk perempuan itu keluar dalam keadaan memakai wangian, dan tidak juga dengan pakaian yang berhias-hias. Jika si perempuan melakukan hal itu, maka hendaklah menghalangnya. Solatnya secara berjemaah lebih baik daripada solatnya sendirian.

Shaikh Mustafa al-Adawy berkata:

> Apabila tiada sebab untuk menghalang wanita daripada ke masjid, maka wajib ke atas si suami untuk memberi keizinan berdasarkan larangan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam daripada menghalangnya. Wallahu a’lam.

Adab Wanita Di Masjid

Wanita Pulang Dahulu Selepas Selesai Solat Jemaah

عَنْ هِنْدٍ بِنْتِ الْحَارِثِ ، أَنَّ أُمَّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ : "كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا سَلَّمَ قَامَ النِّسَاءُ حِينَ يَقْضِي تَسْلِيمَهُ ، وَمَكَثَ يَسِيرًا قَبْلَ أَنْ يَقُومَ " ، قَالَ ابْنُ شِهَابٍ : فَأُرَى وَاللَّهُ أَعْلَمُ أَنَّ مُكْثَهُ لِكَيْ يَنْفُذَ النِّسَاءُ قَبْلَ أَنْ يُدْرِكَهُنَّ مَنِ انْصَرَفَ مِنَ الْقَوْمِ.

Ummu Salamah radiallahu ‘anha berkata: Apabila Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam selesai memberi salam, kaum wanita akan bangun, dan baginda sallallahu ‘alaihi wasallam akan kekal di posisinya seketika sebelum bangun. Ibn Syihab berkata: Aku berpendapat, wallahu’alam, bahawa duduknya seketika baginda sallallahu ‘alaihi wasalam agar kaum wanita dapat beredar sebelum kaum lelaki dapat melihat mereka ketika kaum lelaki pula beredar [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 796]

Imam Ibn Qudamah al-Maqdisi menghuraikan dalam Al-Mughni:

> Digalakkan untuk imam dan jemaah lelaki kekal diposisi mereka pada kadar yang dilihat kaum wanita telah bersurai, dan kaum wanita pula bangun apabila selesainya salam. Ummu Salamah berkata:…(sebagaimana hadis di atas). Ini kerana jika hal ini dilanggar oleh salah satu daripada kaum lelaki dan perempuan, ia akan membawa kepada percampuran lelaki dan perempuan.

Shaikh Mustafa al-‘Adawy berkata:

> Apabila terdapatnya pintu yang berasingan untuk kaum perempuan, dan terdapat tabir yang menghalang mereka daripada kaum lelaki dan kaum lelaki tidak dapat melihat mereka. Maka tiada halangan –wallahua’lam- untuk wanita tetap di masjid di tempat solat mereka untuk bertasbih, bertahmid, bertakbir, dan bertahlil dengan zikir-zikir yang ma’thur di penghujung

setiap solat. Sesungguhnya malaikat mendoakan orang yang solat selagi mana mereka ditempat solat mereka mengingati Allah, dan selagi mana tidak berbual-bual.

Larangan Wanita Memakai Minyak Wangi Apabila Ke Masjid

عَنْ زَيْنَبَ امْرَأَةِ عَبْدِ اللَّهِ ، قَالَتْ : قَالَ لَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِذَا شَهِدَتْ إِحْدَاكُنَّ الْمَسْجِدَ ، فَلَا تَمَسَّ طِيبًا

Zainab radiallahu ‘anha yang merupakan isteri kepada ‘Abdullah bin Mas’ud radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam berkata kepada kami: Apabila salah seorang daripada kalian pergi ke masjid, janganlah dia memakai wangian [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 679]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " لَا تَمْنَعُوا إِمَاءَ اللَّهِ مَسَاجِدَ اللَّهِ ، وَلَكِنْ لِيَخْرُجْنَ وَهُنَّ تَفِلَاتٌ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Janganlah kalian menghalang hamba-hamba wanita Allah daripada pergi ke masjid-masjid Allah. Akan tetapi hendaklah mereka keluar tanpa memakai wangian [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 477, Sahih Lighairihi]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِذَا خَرَجَتِ الْمَرْأَةُ إِلَى الْمَسْجِدِ ، فَلْتَغْتَسِلْ مِنَ الطِّيبِ كَمَا تَغْتَسِلُ مِنَ الْجَنَابَةِ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda; Apabila seorang perempuan keluar ke masjid, hendaklah dia mandi daripada wangian sebagaimana dia mandi daripada junub. [Sunan an-Nasaie al-Kubra, Kitab az-Zinah, hadis no: 9063, Shaikh al-Albani menyatakan ia sahih dalam Sahih an-Nasaie]

Ibn Hazm berpendapat solat wanita di masjid dengan memakai wangian tidak sah. Kata beliau:

Tidak halal seorang wanita hadir ke masjid dengan memakai wangian. Jika dia melakukan demikian rupa, maka batallah solatnya [al-Muhalla, jilid 1, masalah no: 432]

Ini berdasarkan riwayat berikut:

عَنْ مَوْلَى أَبِي رُهْمٍ وَاسْمُهُ عُبَيْدٌ , أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ , لَقِيَ امْرَأَةً مُتَطَيِّبَةً تُرِيدُ الْمَسْجِدَ , فَقَالَ : يَا أَمَةَ الْجَبَّارِ أَيْنَ تُرِيدِينَ ؟ قَالَتْ : الْمَسْجِدَ , قَالَ : وَلَهُ تَطَيَّبْتِ ؟ قَالَتْ : نَعَمْ , قَالَ : فَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ , يَقُولُ : " وأَيُّمَا امْرَأَةٍ تَطَيَّبَتْ , ثُمَّ خَرَجَتْ إِلَى الْمَسْجِدِ , لَمْ تُقْبَلْ لَهَا صَلاَةٌ حَتَّى تَغْتَسِلَ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu bertemu seorang wanita yang memakai wangian yang mahu ke masjid, beliau bertanya: Wahai hamba perempuan, engkau mahu ke mana? Wanita itu menjawab: Ke masjid. Abu Hurairah berkata: Engkau memakai wangian untuk ke masjid? Dia menjawab: Ya. Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Aku mendengar Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Mana-mana

perempuan yang memakai wangian lalu keluar ke masjid, solatnya tidak akan diterima sehingga dia mandi [Sunan Ibn Majah, Kitab al-Fitan, hadis no: 4000]

Shaikh Mustafa al-Adawi berkata:

Ini merupakan pendapat pelik daripada Ibn Hazm. Yang benar, wallahu a'lam. Sesiapa yang melakukan hal ini, dia telah berdosa, akan tetapi dosanya terpisah daripada solatnya. Tidaklah ia bergabung antara dosa itu dengan pembatalan solat. Wallahu a'lam. Shaikh Mustafa al-Adawi juga menolak riwayat di atas kerana ia lemah

Peringatan

Larangan memakai wangian ini bukan hanya terhad di masjid, bahkan apabila berada bersama-sama bukan mahram tidak kira di mana sahaja. Jika ke masjid sahaja sudah terlarang, sudah pastilah ke pejabat, sekolah, pasar dan lain-lain dengan memakai wangian lebih terlarang. Bahkan wanita yang memakai minyak wangi dengan tujuan menarik perhatian lelaki, bukan sahaja berdosa bahkan disamakan dengan perempuan zina.

عَنْ الْأَشْعَرِيِّ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " أَيُّمَا امْرَأَةٍ اسْتَعْطَرَتْ فَمَرَّتْ عَلَى قَوْمٍ لِيَجِدُوا مِنْ رِيحِهَا فَهِيَ زَانِيَةٌ. "

Abu Musa al-Asya'ari radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Mana-mana wanita yang memakai wangian lalu berjalan melalui sesuatu kaum agar mereka dapat menghidu baunya, maka dia adalah perempuan zina [Sunan an-Nasaie al-Sughra, Kitab az-Zinah Min al-Sunan, hadis no: 5062, Shaikh al-Albani menyatakan ia hasan dalam Sahih an-Nasaie]

Ini tidaklah bermaksud wanita perlu membiarkan tubuh badan mereka busuk hingga mengganggu orang ramai. Mereka masih boleh menggunakan deodoron yang menghilangkan bau busuk, tetapi tidak mengeluarkan bau sehingga orang lain boleh terhidu.

Bab Imam:

Siapa yang layak menjadi imam? Yang lebih pandai hukum-hakam atau yang bagus bacaannya?

Yang lebih bagus bacaannya. Ini merupakan pendapat mazhab Hanafi, al-Tsauri, Ahmad. Dalil mereka ialah:

عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ الْأَنْصَارِيِّ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " يَؤُمُّ الْقَوْمَ ، أَقْرَؤُهُمْ لِكِتَابِ اللَّهِ ، فَإِنْ كَانُوا فِي الْقِرَاءَةِ سَوَاءً ، فَأَعْلَمُهُمْ بِالسُّنَّةِ ، فَإِنْ كَانُوا فِي السُّنَّةِ سَوَاءً ، فَأَقْدَمُهُمْ هِجْرَةً ، فَإِنْ كَانُوا فِي الْهِجْرَةِ سَوَاءً ، فَأَقْدَمُهُمْ سِلْمًا ، وَلَا يَؤُمَّنَّ الرَّجُلُ الرَّجُلَ فِي سُلْطَانِهِ ، وَلَا يَقْعُدْ فِي بَيْتِهِ عَلَى تَكْرِمَتِهِ ، إِلَّا بِإِذْنِهِ

Abu Mas'ud al-Ansori radiallahu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Hendaklah yang mengimami satu kaum, yang paling bagus bacaan al-Quran, jika pada bacaan mereka sama, hendaklah yang lebih memahami sunnah, seandainya mereka sama dalam bab memahami sunnah, hendaklah yang lebih awal berhijraj, seandainya mereka, hendaklah yang lebih awal memeluk Islam. Janganlah seseorang mengimami orang lain di kawasan kekuasaannya. Janganlah duduk di rumahnya di tempat yang dia sukai melainkan dengan izinya [Sahih Muslim, Kitab al-Masajid, hadis no: 1084]

Pendapat kedua: Yang lebih faqih. Ini merupakan mazhab Maliki, Syafie dan salah satu riwayat daripada Abu Hanifah dan Ahmad. Mereka berhujah bahawa orang yang lebih faham hukum-hakam lebih layak menjadi pemimpin.

Ulama sepakat bahawa jika seseorang itu tidak arif tentang solat, maka dia tidak diangkat menjadi imam walau dia pandai membaca al-Quran.

Tidak boleh menjadi imam di tempat yang mempunyai imam tetap kecuali dengan keizinan sebagaimana hadis di atas.

Bolehkah kanak-kanak menjadi imam?

Boleh, menurut mazhab Syafie bagi seorang kanak-kanak yang telah mumaiyiz. Ini berbeza dengan pendapat majoriti ulama. Hujahnya ialah:

فَلَمَّا كَانَتْ وَقْعَةُ أَهْلِ الْفَتْحِ بَادَرَ كُلُّ قَوْمٍ بِإِسْلَامِهِمْ وَبَدَرَ أَبِي قَوْمِي بِإِسْلَامِهِمْ فَلَمَّا قَدِمَ قَالَ جِئْتُكُمْ وَاللَّهِ مِنْ عِنْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَقًّا فَقَالَ صَلُّوا صَلَاةَ كَذَا فِي حِينِ كَذَا وَصَلُّوا صَلَاةَ كَذَا فِي حِينِ كَذَا فَإِذَا حَضَرَتْ الصَّلَاةُ فَلْيُؤَذِّنْ أَحَدُكُمْ وَلْيَؤُمَّكُمْ أَكْثَرُكُمْ قُرْآنًا فَنَظَرُوا فَلَمْ يَكُنْ أَحَدٌ أَكْثَرَ قُرْآنًا مِنِّي فَقَدَّمُونِي بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَأَنَا ابْنُ سِتٍّ أَوْ سَبْعِ سِنِينَ .وَكَانَتْ عَلَيَّ بُرْدَةٌ، كُنْتُ إِذَا سَجَدْتُ تَقَلَّصَتْ عَنِّي، فَقَالَتِ امْرَأَةٌ مِنَ الْحَيِّ أَلاَ تُغَطُّوا عَنَّا اسْتَ قَارِئِكُمْ. فَاشْتَرَوْا فَقَطَعُوا لِي قَمِيصًا، فَمَا فَرِحْتُ بِشَىْءٍ فَرَحِي بِذَلِكَ الْقَمِيصِ.

Ketika terjadi penaklukan kota Makkah, setiap kaum datang menyatakan keislaman mereka. Bapaku datang menyatakan keislaman kaumku. Ketika pulang beliau berkata,"Demi Allah, aku membawakan kepada kalian kebenaran daripada Rasulullah," lalu beliau berkata,"Solatlah kalian, solat ini pada waktu ini dan solatlah ini pada waktu ini. Jika telah masuk waktu solat, hendaklah salah seorang kalian melaungkan azan dan orang yang paling banyak hafalan Al-Qurannya yang menjadi imam." Lalu mereka mencari (imam). Ternyata tidak ada seorangpun yang lebih banyak hafalan Al-Quran daripada aku. Lalu mereka menjadikan aku sebagai imam dan aku pada waktu itu berusia enam atau tujuh tahun. Ketika itu aku memakai burdah, apabila aku sujud ia akan terselak. Lalu seorang wanita berkata: Tidakkah kalian mahu menutupi tubuh qari kalian daripada pandangan kami? Lalu mereka membeli dan memotong baju untuk ku. Tidak pernah aku bergembira seperti gembiranya aku menerima baju itu [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Maghazi, hadis no: 3963]

Kedudukan Imam dan Makmum

1) Apabila makmum seorang

Makmum hendaklah berdiri di sebelah kanan dan selari dengan imam. Ini berdasarkan riwayat berikut.

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا ، قَالَ : " قُمْتُ لَيْلَةً أُصَلِّي عَنْ يَسَارِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَأَخَذَ بِيَدِي أَوْ بِعَضُدِي حَتَّى أَقَامَنِي عَنْ يَمِينِهِ ، وَقَالَ : بِيَدِهِ مِنْ وَرَائِي

Ibn ‘Abbas radiallahu ‘anhuma berkata: Pada satu malam, aku berdiri solat di sebelah kiri Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam, lalu baginda menarik tangan ku sehingga aku berdiri di kanannya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 689]

Manakala mazhab Syafie menetapkan makmum ke belakang sedikit.

2) Apabila makmum dua orang

Majoriti sahabat nabi dan ulama menyatakan mereka berdiri di belakang imam.

عَنْ عَمْرِو بْنِ سَعِيدٍ ، أَنَّهُ قَالَ : دَخَلْتُ عَلَى جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنَا ، وَأَبُو سَلَمَةَ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ ، فَوَجَدْنَاهُ قَائِمًا يُصَلِّي عَلَيْهِ إِزَارٌ ، فَذَكَرَ بَعْضَ الْحَدِيثِ ، وَقَالَ : " أَقْبَلْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَخَرَجَ لِبَعْضِ حَاجَتِهِ ، فَصَبَبْتُ لَهُ وَضُوءًا ، فَتَوَضَّأَ فَالْتَحَفَ بِإِزَارِهِ ، فَقُمْتُ عَنْ يَسَارِهِ ، فَجَعَلَنِي عَنْ يَمِينِهِ ، وَأَتَى آخَرُ ، فَقَامَ عَنْ يَسَارِهِ ، فَتَقَدَّمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي ، وَصَلَّيْنَا مَعَهُ ، فَصَلَّى ثَلاثَ عَشْرَةَ رَكْعَةً بِالْوِتْرِ

Jabir bin ‘Abdullah radiallahu ‘anhu berkata: Kami pergi bertemu Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam, lalu baginda keluar untuk beberapa hajatnya. Lalu aku menuangkan air wudhu untuknya, lalu baginda berwudhu dan membalut dirinya dengan kain izar. Lalu aku pun berdiri di sebelah kirinya, lalu baginda mengalihkan aku ke kanannya. Kemudian datang orang lain, lalu dia berdiri di kiri baginda. Maka baginda bergerak ke hadapan, dan kami solat bersamanya sebanyak tiga belas rakaat witir [Sahih Ibn Khuzaimah, Kitab al-Imamah, hadis no: 1453]

Manakala ‘Abdullah bin Mas’ud berpendapat makmum kedua berdiri di sebelah kiri imam. Akan tetapi sekelompok ulama antaranya Imam al-Syafie menyatakan riwayat ini telah mansukh kerana Ibn Mas’ud mempelajari bab ini ketika di Makkah, sedangkan apabila di Madinah Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam melakukan seperti hadis di atas.

3) Apabila makmum tiga atau lebih,

Ulama sepakat mereka perlu berdiri di belakang imam

4) Tidak boleh makmum terkehadapan daripada imam.

Majoriti ulama menyatakan batal solat makmum yang hadapan daripada imam. Manakala Imam Malik, Ishaq, Abu Tsaur, dan Daud menyatakan boleh bila tempat sempit, dan dikatakan mereka membenarkan secara mutlak jua.

5) Berdiri di sisi imam tatkala semua saf sudah penuh

عَنْ عَائِشَةَ ، قَالَتْ : " أَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَبَا بَكْرٍ أَنْ يُصَلِّيَ بِالنَّاسِ فِي مَرَضِهِ فَكَانَ يُصَلِّي بِهِمْ ، قَالَ عُرْوَةُ : فَوَجَدَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي نَفْسِهِ خِفَّةً فَخَرَجَ ، فَإِذَا أَبُو بَكْرٍ يَؤُمُّ النَّاسَ ، فَلَمَّا رَآهُ أَبُو بَكْرٍ اسْتَأْخَرَ فَأَشَارَ إِلَيْهِ أَنْ كَمَا أَنْتَ ، فَجَلَسَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِذَاءَ أَبِي بَكْرٍ إِلَى جَنْبِهِ ، فَكَانَ أَبُو بَكْرٍ يُصَلِّي بِصَلَاةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالنَّاسُ يُصَلُّونَ بِصَلَاةِ أَبِي بَكْرٍ. "

'Aisyah radiallahu 'anha berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam menyuruh Abu Bakar mengimami solat umat Islam ketika baginda sakit, lalu dia pun solat dengan orang ramai. Suatu hari, Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam berasa sudah semakin sembuh lalu baginda keluar. Ketika itu Abu Bakar sendang mengimami manusia, apabila Abu Bakar melihat baginda, beliau mundur ke belakang, tetapi baginda memberikan isyarat supaya kekal di tempatnya. Lalu Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam duduk di sebelah Abu Bakar, maka Abu Bakar solat dengan mengikut solat Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam, dan orang ramai mengikut solat Abu Bakar [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 645]

6-Saf Perempuan

1) Apabila solat bersama lelaki

Apabila wanita solat berjemaah dengan imam lelaki, hendaklah dia berada di belakang imam walaupun dia adalah satu-satunya makmum yang ada.

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ، قَالَ : " صَلَّيْتُ أَنَا وَيَتِيمٌ فِي بَيْتِنَا خَلْفَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَأُمِّي أُمُّ سُلَيْمٍ خَلْفَنَا. "

Anas bin Malik radiallahu 'anhu berkata: Aku solat bersama anak yatim di rumah kami di belakang nabi sallallahu 'alaihi wasallam, dan ibu ku Ummu Sulaim solat di belakang kami [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 688]

2) Apabila solat bersama jemaah wanita

Imam wanita berdiri di tengah-tengah jemaah tanpa perlu ke hadapan. Ini berdasarkan riwayat beriku:

عَنْ عَمَّارٍ الدُّهْنِيِّ ، عَنِ امْرَأَةٍ مِنْ قَوْمِهِ يُقَالُ لَهَا حُجَيْرَةُ ، عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ " أَنَّهَا أَمَّتْهُنَّ فَقَامَتْ وَسَطًا

Hujairah meriwayatkan Ummu Salamah radiallahu 'anha mengimami kaum wanita dan berdiri di tengah-tengah [as-Sunan al-Kubra Lil Baihaqi, Kitab al-Haidhi, hadis no: 4929]

عَنْ رِيطَةَ الْحَنَفِيَّةِ " أَنَّ عَائِشَةَ أَمَّتْهُنَّ ، وَقَامَتْ بَيْنَهُنَّ فِي صَلاةٍ مَكْتُوبَةٍ

Rithah al-Hanafiyyah menceritakan bahawa ‘Aisyah radiallahu ‘anha mengimami kaum wanita dan berdiri di antara mereka dalam solat fardhu [Musannaf Abdil Razzaq, Kitab as-Solat, hadis no: 4944]

Jika imam wanita itu berdiri di hadapan, solat mereka tetap sah, akan tetapi ia menyalahi hal yang lebih afdhal.

7) Saf kanak-kanak

عَنْ أَبِي مَالِكٍ الْأَشْعَرِيِّ ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " أَنَّهُ كَانَ يُسَوِّي بَيْنَ الْأَرْبَعِ رَكَعَاتٍ فِي الْقِرَاءَةِ وَالْقِيَامِ ، وَيَجْعَلُ الرَّكْعَةَ الْأُولَى هِيَ أَطْوَلُهُنَّ ، لِكَيْ يَثُوبَ النَّاسُ ، وَيَجْعَلُ الرِّجَالَ قُدَّامَ الْغِلْمَانِ ، وَالْغِلْمَانَ خَلْفَهُمْ ، وَالنِّسَاءَ خَلْفَ الْغِلْمَانِ ، وَيُكَبِّرُ كُلَّمَا سَجَدَ وَكُلَّمَا رَفَعَ ، وَيُكَبِّرُ كُلَّمَا نَهَضَ بَيْنَ الرَّكْعَتَيْنِ إِذَا كَانَ جَالِسًا

Abu Malik al-Asyaari meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam berdiri dan membaca dengan kadar yang sama untuk keempat-empat rakaat, dan memanjangkan rakaat yang pertama supaya orang ramai dapat berkumpul. Baginda meletakkan kaum lelaki di hadapan kanak-kanak, dan kanak-kanak di belakang mereka, dan wanita di belakang kanak-kanak. Baginda bertakbir setiap kali sujud dan bangun, dan setiap kali bagun daripada duduk antara dua rakaat[Musnad Ahmad, Hadis Abi Malik, hadis no: 22311]. Akan tetapi hadis ini dhaif.

Hadis Anas di atas yang solat bersama anak yatim menjadi hujah kanak-kanak boleh solat di saf hadapan.

Saf Terbaik:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " خَيْرُ صُفُوفِ الرِّجَالِ أَوَّلُهَا ، وَشَرُّهَا آخِرُهَا ، وَخَيْرُ صُفُوفِ النِّسَاءِ آخِرُهَا ، وَشَرُّهَا أَوَّلُهَا

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sebaik-baik saf lelaki ialah yang paling hadapan, dan seburuk-buruk saf lelaki ialah yang belakang. Sebaik-baik saf wanita ialah yang belakang, dan seburuk-buruk saf wanita ialah yang hadapan[Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 669]

Ini berlaku apabila lokasi solat tidak terpisah daripada lelaki. Akan tetapi jika mereka solat sesama perempuan atau terpisah daripada kaum lelaki, maka saf hadapan yang afdhal berdasarkan keumuman hadis:

عَنْ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ ، قَالَ : " كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَخَلَّلُ الصَّفَّ مِنْ نَاحِيَةٍ إِلَى نَاحِيَةٍ يَمْسَحُ صُدُورَنَا وَمَنَاكِبَنَا ، وَيَقُولُ : لَا تَخْتَلِفُوا فَتَخْتَلِفَ قُلُوبُكُمْ ، وَكَانَ يَقُولُ : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى الصُّفُوفِ الْأُوَلِ

Al-Bara’ bin ‘Azib radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam memeriksa saf dari hujung ke hujung sambil menyentuh dada dan bahu kami, lalu berkata: Janganlah kalian saling

berselisih, nescaya Allah akan membuatkan hati kalian berselisih, sesungguhnya Allah dan malaikatnya berselawat kepada saf-saf hadapan. [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat hadis no: 567]

Siapakah yang berdiri di belakang imam

، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " لِيَلِيَنِّي مِنْكُمْ أُولُو الْأَحْلَامِ وَالنُّهَى ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ، وَلَا تَخْتَلِفُوا فَتَخْتَلِفَ قُلُوبُكُمْ ، وَإِيَّاكُمْ وَهَيْشَاتِ الْأَسْوَاقِ

'Abdullah radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Hendaklah yang paling dekat dengan ku orang yang bijak, kemudian yang seterus, kemudian yang seterusnya. Janganlah kalian berselisih, nescaya Allah akan memecahkan hati-hati kalian. Berjaga-jagalah kalian dengan hiruk-pikuk pasar [Sunan at-Tirmizi, Kitab as-Solat, hadis no: 211, hasan sahih]

Ini untuk memudahkan jika mereka perlu menggantikan imam jika imam terbatal solat.

Keutamaan Saf Hadapan

عَنْ أَنَسٍ ، أَنّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " أَتِمُّوا الصَّفَّ الْأَوَّلَ ، ثُمَّ الَّذِي يَلِيهِ وَإِنْ كَانَ نَقْصٌ فَلْيَكُنْ فِي الصَّفِّ الْمُؤَخَّرِ " .

Anas radiallahu 'anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sempurnakan saf hadapan, kemudian yang seterusnya. Seandainya ada yang tidak sempurna, hendaklah ia pada saf terakhir[Sunan an-Nasaie al-Sughra, kitab al-Imamah, hadis no: 809]

Melurus dan merapatkan saf

أَخْبَرَنِي عَمْرُو بْنُ مُرَّةَ ، قَالَ : سَمِعْتُ سَالِمَ بْنَ أَبِي الْجَعْدِ ، قَالَ : سَمِعْتُ النُّعْمَانَ بْنَ بَشِيرٍ ، يَقُولُ : قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " لَتُسَوُّنَّ صُفُوفَكُمْ أَوْ لَيُخَالِفَنَّ اللَّهُ بَيْنَ وُجُوهِكُمْ

Nu'man bin Basyir radiallahu 'anhu berkata, Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Luruskan saf kalian, atau Allah akan mencerai-beraikan kalian [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 679]

عَنْ أَبِي الْقَاسِمِ الْجُدَلِيِّ ، قَالَ : سَمِعْتُ النُّعْمَانَ بْنَ بَشِيرٍ ، يَقُولُ : أَقْبَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى النَّاسِ بِوَجْهِهِ ، فَقَالَ : " أَقِيمُوا صُفُوفَكُمْ ثَلَاثًا ، وَاللَّهِ لَتُقِيمُنَّ صُفُوفَكُمْ أَوْ لَيُخَالِفَنَّ اللَّهُ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ " ، قَالَ : فَرَأَيْتُ الرَّجُلَ يَلْزَقُ مَنْكِبَهُ بِمَنْكِبِ صَاحِبِهِ وَرُكْبَتَهُ بِرُكْبَةِ صَاحِبِهِ وَكَعْبَهُ بِكَعْبِهِ.

Nu'man bin Basyir radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam menghadap ke arah jemaah lalu berkata: Dirikan saf kalian (sebanyak tiga kali). Demi Allah, sama ada kalian dirikan saf kalian atau Allah akan mencerai-beraikan hati kalian. Aku melihat seorang lelaki merapatkan bahunya dengan bahu sahabatnya, lututnya dengan lutut sahabatnya, dan buku lali dengan buku lali sahabatnya [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 565]

عَنْ أَبِي شَجَرَةَ ، لَمْ يَذْكُرْ ابْنَ عُمَرَ أن رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " أَقِيمُوا الصُّفُوفَ وَحَاذُوا بَيْنَ الْمَنَاكِبِ وَسُدُّوا الْخَلَلَ وَلِينُوا بِأَيْدِي إِخْوَانِكُمْ ، لَمْ يَقُلْ عِيسَى : بِأَيْدِي إِخْوَانِكُمْ ، وَلَا تَذَرُوا فُرُجَاتٍ لِلشَّيْطَانِ ، وَمَنْ وَصَلَ صَفًّا وَصَلَهُ اللَّهُ وَمَنْ قَطَعَ صَفًّا قَطَعَهُ اللَّهُ"

Ibn ‘Umar radiallahu ‘anhuma meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Dirikan saf, luruskan bahu-bahu, penuhkan ruangan kosong, dan berlembutlah dengan tangan saudara kalian, jangan biarkan ruangan kosong untuk syaitan. Sesiapa yang menyambungkan saf, Allah akan menyambungkan hubungan mereka, sesiapa yang memutuskan saf, Allah akan memutuskan mereka [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 569]

عَنِ ابْنِ عُمَرَ , قَالَ : كَانَ عُمَرُ لا يُكَبِّرُ حَتَّى تَعْتَدِلَ الصُّفُوفُ , يُوَكِّلُ بِذَلِكَ رِجَالا

Ibn ‘Umar radiallahu ‘anhuma berkata: Umar radiallahu ‘anhu tidak akan takbir sehingga saf telah lurus, dan dia mewakilkan seorang lelaki (untuk memeriksa saf) [Musannaf Abdul Razzaq, Kitab as-Solat, hadis no: 2353]

Kewajipan Mengikut Imam

إِنَّمَا جُعِلَ الْإِمَامُ لِيُؤْتَمَّ بِهِ ، فَإِذَا كَبَّرَ فَكَبِّرُوا ، وَإِذَا رَكَعَ فَارْكَعُوا ، وَإِذَا رَفَعَ فَارْفَعُوا ، وَإِذَا قَالَ سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ فَقُولُوا رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ

Anas bin Malik radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Imam itu adalah untuk diikuti. Apabila dia bertakbir, maka bertakbirlah, apabila dia ruku’ maka ruku’lah, apabila dia bangun, maka bangunlah. Apabila dia menyebut samillahu liman hamidah, sebutlah robbana walakal hamdu [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jumu’ah, hadis no: 1053]

Tidak berlumba dengan imam

حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يَزِيدَ ، قَالَ : حَدَّثَنِي الْبَرَاءُ وَهُوَ غَيْرُ كَذُوبٍ ، قَالَ : " كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا قَالَ : سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ ، لَمْ يَحْنِ أَحَدٌ مِنَّا ظَهْرَهُ حَتَّى يَقَعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَاجِدًا ، ثُمَّ نَقَعُ سُجُودًا بَعْدَهُ

Al-Bara’ radiallahu ‘anhu berkata: Apabila Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasalam menyebut sami ‘Allahu liman hamidah, tiada siapa di kalangan kami bangun daripada ruku. Apabila Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam sujud, kami pun sujud selepasnya [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 652]

Tukar imam

قَالَ إِنِّي لَقَائِمٌ مَا بَيْنِي وَبَيْنَهُ إِلاَّ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبَّاسٍ غَدَاةَ أُصِيبَ، وَكَانَ إِذَا مَرَّ بَيْنَ الصَّفَّيْنِ قَالَ اسْتَوُوا. حَتَّى إِذَا لَمْ يَرَ فِيهِنَّ خَلَلاً تَقَدَّمَ فَكَبَّرَ، وَرُبَّمَا قَرَأَ سُورَةَ يُوسُفَ، أَوِ النَّحْلَ، أَوْ نَحْوَ ذَلِكَ، فِي الرَّكْعَةِ الأُولَى حَتَّى يَجْتَمِعَ النَّاسُ فَمَا هُوَ إِلاَّ أَنْ كَبَّرَ فَسَمِعْتُهُ يَقُولُ قَتَلَنِي . أَوْ أَكَلَنِي . الْكَلْبُ. حِينَ طَعَنَهُ، فَطَارَ الْعِلْجُ بِسِكِّينٍ ذَاتِ طَرَفَيْنِ لاَ يَمُرُّ عَلَى أَحَدٍ يَمِينًا وَلاَ شِمَالاً إِلاَّ طَعَنَهُ حَتَّى طَعَنَ ثَلاَثَةَ عَشَرَ رَجُلاً، مَاتَ مِنْهُمْ سَبْعَةٌ، فَلَمَّا رَأَى ذَلِكَ رَجُلٌ مِنَ الْمُسْلِمِينَ، طَرَحَ عَلَيْهِ بُرْنُسًا، فَلَمَّا ظَنَّ الْعِلْجُ أَنَّهُ مَأْخُوذٌ نَحَرَ نَفْسَهُ، وَتَنَاوَلَ عُمَرُ

يَدَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ فَقَدَّمَهُ، فَمَنْ يَلِي عُمَرَ فَقَدْ رَأَى الَّذِي أَرَى، وَأَمَّا نَوَاحِي الْمَسْجِدِ فَإِنَّهُمْ لاَ يَدْرُونَ غَيْرَ أَنَّهُمْ قَدْ فَقَدُوا صَوْتَ عُمَرَ وَهُمْ يَقُولُونَ سُبْحَانَ اللَّهِ سُبْحَانَ اللَّهِ. فَصَلَّى بِهِمْ عَبْدُ الرَّحْمَنِ صَلاَةً خَفِيفَةً،

'Amru bin Maimun berkata: Aku mendirikan solat bersama 'Umar al-Khattab pada hari kematiannya. Tiada sesiapa antara aku dan dia melainkan 'Abdullah bin 'Abbas radiallahu 'anhuma. Apabila 'Umar lalu di antara dua saf, dia akan berkata: Luruskan sehingga dia tidak mendapati sebarang ruangan kosong, dia akan ke hadapan lalu mengangkat takbir. Boleh jadi dia membaca surah Yusuf atau an-Nahl atau yang lebih kurang begitu pada rakaat pertama supaya orang ramai dapat menyertai solat jemaah. Tatkala dia mengangkat takbir aku mendengar dia berkata: Anjing telah membunuh aku ketika pembunuh itu menikamnya. Lelaki yang memegang itu pisau yang mempunyai dua bilah it uterus menikam sesiapa sahaja di kiri dan kanan yang dia lalui sehingga dia telah menikam tiga belas orang dan tujuh orang telah meninggal dunia. Apabila salah seorang kaum Muslimin melihat hal itu, dia segera melemparkan bajunya ke arah lelaki itu. Apabila lelaki itu merasakan dia sudah tertangkap, dia membunuh dirinya sendiri. 'Umar mengambil tangan 'Abdul Rahman bin 'Auf radiallahu 'anhu dan menyuruh dia ke hadapan. Sesiapa yang berada berhampiran dengan 'Umar akan dapat melihat apa yang aku lihat. Sesiapa yang berada di sudut-sudut masjid, mereka tidak mengetahui apa yang berlaku melainkan mereka sekadar mendengar suara 'Umar radiallahu 'anhu, mereka berkata: Subhanallah, subhanallah. Lalu 'Abdul Rahman bin 'Auf mendirikan solat dengan ringan [Sahih al-Bukhari, Kitab Fadhail Ashab an-Nabiy, hadis no: 3700]

Apabila imam ingat berhadas selepas selesai solat.

Majoriti: Imam Malik, Syafie, Ahmad, Abu Tsaur, dan selaian mereka berpendapat imam perlu mengulangi solat tetapi makmum tidak perlu. Ini juga pendapat yang diriwayatkan daripada Umar, Ibn Umar, Uthman, Ali,

Sebahagian berkata: Imam dan Makmum perlu mengulangi solat. Ini pendapat mazhab Hanafi, Imam at-Tsauri dan selain mereka.

Masbuq:

Bilakah dikira mendapat solat jemaah?

Apabila mendapat sebahagian solat bersama imam walau masuk pada duduk tahiyyat akhir sahaja. Ini adalah pendapat majoriti ulama iaitu mazhab Hanafi, Hanbali, dan pendapat yang sahih di sisi mazhab Syafie, dan pendapat sebahagian Maliki.

أَخْبَرَنِي أَبُو سَلَمَةَ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ ، أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ : " إِذَا أُقِيمَتِ الصَّلَاةُ فَلَا تَأْتُوهَا تَسْعَوْنَ وَأْتُوهَا تَمْشُونَ عَلَيْكُمُ السَّكِينَةُ ، فَمَا أَدْرَكْتُمْ فَصَلُّوا وَمَا فَاتَكُمْ فَأَتِمُّوا. "

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Aku mendengar Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Apabila solat telah didirikan, janganlah datang kepadanya dengan tergesa-gesa. Datangilah ia dengan

jalan dalam keadaan tenang. Apa yang kalian sempat solatlah, apa yang kalian terlepas, sempurnakanlah [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jumu'ah, hadis no: 862]

Akan tetapi pasti pahalanya tidak sama dengan orang yang ikut sejak awal.

Bila mendapat rakaat?

Pertama: Sempat ruku' bersama imam. Ini pendapat majoriti empat mazhab dan selain mereka. Ini jua pendapat Ibn Umar, Ibn Mas'ud, Zaid bin Tsabit dan sahabat-sahabat yang lain.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " مَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الصَّلَاةِ فَقَدْ أَدْرَكَ الصَّلَاةَ. "

Abu Hurairah radiallahu 'anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang mendapat rakaat, maka dia mendapat solat [Sahih al-Bukhari, Kitab Mawaqit as-Solat, hadis no: 548]

، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " مَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الصَّلاةِ ، فَقَدْ أَدْرَكَهَا قَبْلَ أَنْ يُقِيمَ الإِمَامُ صُلْبَهُ "
.

Abu Hurairah radiallahu 'anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang mendapat rakaat, maka dia mendapat solat, dia mendapatnya apabila dia masuk ke dalam solat sebelum imam meluruskan tulang sulbinya [Sahih Ibn Khuzaimah, Kitab al-Imamah, hadis no: 1512]

Pendapat kedua: Dapat membaca al-Fatihah. Ini merupakan pendapat Imam al-Bukhari, Ibn Hazm, Taqiuddin as-Subki daripada mazhab Syafie, al-Syaukani. Ini kerana al-Fatihah merupakan rukun solat.

Takbir sekali atau dua kali.

Jika dia sekadar takbiratul ihram sekali tanpa takbir intiqal, sah solatnya. Jika dia melakukan kedua-duanya, itu lebih baik.

Takbiratul Ihram hendaklah dilakukan dalam keadaan berdiri kerana ia rukun.

Solat-Solat Sunat Harian

Fadhilat

a) Ia Merupakan Amalan Yang terbaik

عَنْ ثَوْبَانَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " اسْتَقِيمُوا وَلَنْ تُحْصُوا ، وَاعْلَمُوا أَنَّ خَيْرَ أَعْمَالِكُمُ الصَّلَاةَ ، وَلَا يُحَافِظُ عَلَى الْوُضُوءِ إِلَّا مُؤْمِنٌ

Tsauban radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Istiqamahlah kamu semua, janganlah kamu menghitung-hitungnya, dan ketahuilah bahawa sebaik-baik amal-amalmu adalah solat [Sunan Ibn Majah, Kitab at-Taharah, hadis no: 273]

b) Menutup Kekurangan Solat Fardu

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ صَلاتُهُ ، فَإِنْ كَانَ أَكْمَلَهَا وَإِلا قَالَ اللَّهُ : انْظُرُوا لِعَبْدِي مِنْ تَطَوُّعٍ ، فَإِنْ وُجِدَ لَهُ تَطَوُّعٌ ، قَالَ : أَكْمِلُوا بِهِ الْفَرِيضَةَ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya amalan manusia yang mula-Mula dihisab pada hari kiamat ialah solat mereka. Jika solatnya sempurna, dan jika terdapat sesuatu kekurangan Tuhan berfirman pula: Periksalah adakah hamba-Ku mempunyai amalan solat sunat? Jika dia mempunyai amalan solat sunat lalu Tuhan berfirman: Sempurnakanlah solat fardu hamba-Ku dengan solat sunatnya. [Sunan an-Nasaie al-Kubra, Kitab as-Solat, hadis no: 319]

c) Meninggikan Darjat Seseorang

حَدَّثَنِي مَعْدَانُ بْنُ أَبِي طَلْحَةَ الْيَعْمَرِيُّ ، قَالَ : " لَقِيتُ ثَوْبَانَ مَوْلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقُلْتُ : أَخْبِرْنِي بِعَمَلٍ أَعْمَلُهُ ، يُدْخِلُنِي اللَّهُ بِهِ الْجَنَّةَ ؟ أَوَ قَالَ : قُلْتُ : بِأَحَبِّ الأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ ، فَسَكَتَ ، ثُمَّ سَأَلْتُهُ ، فَسَكَت ، ثُمَّ سَأَلْتُهُ الثَّالِثَةَ ، فَقَالَ : سَأَلْتُ عَنْ ذَلِكَ ، رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَ : " عَلَيْكَ بِكَثْرَةِ السُّجُودِ لِلَّهِ ، فَإِنَّكَ لَا تَسْجُدُ لِلَّهِ سَجْدَةً ، إِلَّا رَفَعَكَ اللَّهُ بِهَا دَرَجَةً وَحَطَّ عَنْكَ بِهَا خَطِيئَةً " ، قَالَ مَعْدَانُ : ثُمَّ لَقِيتُ أَبَا الدَّرْدَاءِ ، فَسَأَلْتُهُ ، فَقَالَ لِي مِثْلَ ، مَا قَالَ لِي ثَوْبَانُ.

Daripada Mi’dan bin Abi Thalhah al-Ya’mari, dia bercerita: Aku pernah bertemu Tsauban, pembantu Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam, lalu kukatakan: Beritahukan kepada ku suatu amalan yang dengan mengerjakannya Allah akan memasukkanku ke dalam syurga. (Atau dia menceritakan: Ku katakan dengan amal yang paling disukai Allah). Kemudian Tsauban diam. Maka aku tanyakan lagi kepadanya. Dia tetap diam. Selanjutnya aku bertanya untuk yang ketiga kalinya, dia pun berkata: Aku pernah bertanyakan hal tersebut kepada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam dan baginda menjawab: Hendaklah engkau memperbanyakan sujud kepada Allah kerana sesungguhnya tidaklah engkau bersujud kepada Allah sekali sahaja, melainkan dengannya Dia meninggikanmu satu darjat serta menghapuskan daripadamu satu kesalahan [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 758]

g) Mendatangkan Keberkatan Terhadap Rumah

Daripada Zaid bin Tsabit radhiallahu’ anhu yang menyebutkan bahawa Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

فَصَلُّوا أَيُّهَا النَّاسُ فِي بُيُوتِكُمْ فَإِنَّ أَفْضَلَ الصَّلاَةِ صَلاَةُ الْمَرْءِ فِي بَيْتِهِ إِلاَّ الْمَكْتُوبَةَ.

Wahai sekalian manusia, kerjakanlah solat (sunat) di rumah kalian, sebab solat yang paling utama adalah solat seseorang yang dikerjakan di rumahnya, kecuali solat fardu. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-I'tishom bi al-Quran wa as-Sunnah, hadis no: 7290]

Solat Sunat Rawatib

Terdapat 12 belas rakaat solat rawatib:

، عَنْ أُمِّ حَبِيبَةَ ، قَالَتْ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَنْ صَلَّى فِي يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ ثِنْتَيْ عَشْرَةَ رَكْعَةً بُنِيَ لَهُ بَيْتٌ فِي الْجَنَّةِ ، أَرْبَعًا قَبْلَ الظُّهْرِ وَرَكْعَتَيْنِ بَعْدَهَا ، وَرَكْعَتَيْنِ بَعْدَ الْمَغْرِبِ ، وَرَكْعَتَيْنِ بَعْدَ الْعِشَاءِ ، وَرَكْعَتَيْنِ قَبْلَ صَلَاةِ الْفَجْرِ

Ummu Habibah radiallahu 'anha berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang solat di siang dan malam sebanyak dua belas rakaat, dibina untuknya rumah di syurga. Empat rakaat sebelum Zuhur dan dua rakaat selepasnya, dua rakaat selepas Maghrib, dua rakaat selepas Isya', dan dua rakaat sebelum Subuh [Sunan at-Tirmizi, Kitab as-Solat, hadis no: 380, hasan sahih]

Keutamaan Solat Sunat Sebelum Subuh

عَنْ عَائِشَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " رَكْعَتَا الْفَجْرِ ، خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا فِيهَا. "

'Aisyah radiallahu 'anha meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Dua rakaat sebelum solat Subuh itu lebih baik daripada dunia dan isinya [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin, hadis no: 1199]

Solat Sunat Sebelum Asar, Maghrib dan Isya'

عَنْ ابْنِ عُمَرَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " رَحِمَ اللَّهُ امْرَأً صَلَّى قَبْلَ الْعَصْرِ أَرْبَعًا " . قَالَ أَبُو عِيسَى : هَذَا حَدِيثٌ غَرِيبٌ حَسَنٌ.

Ibn 'Umar radiallahu 'anhuma berkata Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Allah merahmati seseorang yang solat sebelum Asar empat rakaat [Sunan at-Tirmizi, Kitab as-Solat, hadis no: 395, gharib hasan]

Anas bin Malik radiallahu 'anhu berkata:

وَكُنَّا نُصَلِّي عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَكْعَتَيْنِ بَعْدَ غُرُوبِ الشَّمْسِ قَبْلَ صَلَاةِ الْمَغْرِبِ " ، فَقُلْتُ لَهُ : " أَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّاهُمَا ؟ " قَالَ : " كَانَ يَرَانَا نُصَلِّيهِمَا فَلَمْ يَأْمُرْنَا وَلَمْ يَنْهَنَا. "

Kami solat di zaman Nabi sallallahu 'alaihi wasallam dua rakaat selepas masuk waktu Maghrib sebelum solat fardhu Maghrib. Mukhtar berkata: Adakah Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam solat jua? Anas menjawab: Baginda hanya melihat kami mendirikan solat dua rakaat, baginda tidak menyuruh dan tidak pula melarang [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin, hadis no: 1388]

Solat Malam:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " أَفْضَلُ الصِّيَامِ بَعْدَ رَمَضَانَ شَهْرُ اللَّهِ الْمُحَرَّمُ ، وَأَفْضَلُ الصَّلَاةِ بَعْدَ الْفَرِيضَةِ صَلَاةُ اللَّيْلِ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sebaik-baik puasa selepas Ramadhan ialah puasa di bulan Allah Muharram. Dan sebaik-baik solat selepas solat fardhu ialah solat malam [Sahih Muslim, Kitab al-Siyam, hadis no: 1989]

Ia boleh dilakukan selepas Isya sehingga waktu Subuh. Yang paling afdhal ialah dilakukan pada sepertiga akhir malam.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم قَالَ " يَنْزِلُ رَبُّنَا تَبَارَكَ وَتَعَالَى كُلَّ لَيْلَةٍ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا حِينَ يَبْقَى ثُلُثُ اللَّيْلِ الآخِرُ فَيَقُولُ مَنْ يَدْعُونِي فَأَسْتَجِيبَ لَهُ وَمَنْ يَسْأَلُنِي فَأُعْطِيَهُ وَمَنْ يَسْتَغْفِرُنِي فَأَغْفِرَ لَهُ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Tuhan kita turun pada setiap malam ke langit dunia ketika tersisa sepertiga malam yang akhir. Allah berfirman: Siapa yang berdoa kepada-Ku, nescaya Aku akan mengabulkannya; siapa yang meminta kepada-Ku, nescaya Aku akan memberinya; siapa yang memohon ampun kepada-Ku, nescaya Aku akan mengampuninya. [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin, hadis no: 758]

Rakaat Solat Malam tiada batasan

عَنْ ابْنِ عُمَرَ ، قَالَ : سَأَلَ رَجُلٌ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ عَلَى الْمِنْبَرِ ، مَا تَرَى فِي صَلَاةِ اللَّيْلِ ؟ قَالَ : " مَثْنَى مَثْنَى ، فَإِذَا خَشِيَ الصُّبْحَ صَلَّى وَاحِدَةً فَأَوْتَرَتْ لَهُ مَا صَلَّى ، وَإِنَّهُ كَانَ يَقُولُ : اجْعَلُوا آخِرَ صَلَاتِكُمْ وِتْرًا ، فَإِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ بِهِ " .

Ibn ‘Umar radiallahu ‘anhuma berkata: Seorang lelaki bertanya kepada nabi sallallahu ‘alaihi wasallam ketika baginda di atas minbar: Apakah pandangan tuan tentang solat malam. Baginda menjawab: dua rakaat, dua rakaat. Apabila engkau takut masuknya waktu Subuh, maka solatlah satu rakaat, maka ia akan mengganjilkan bilangan solat engkau. Jadikanlah akhir solat kalian witir, sesungguhnya Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam menyuruh yang demikian. [Sahih al-Bukhari, Kitab as-Solat, hadis no: 454]

Solat Witir

عَنْ أَبِي مُرَّةَ، مَوْلَى أُمِّ هَانِئٍ عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ، قَالَ أَوْصَانِي حَبِيبِي صلى الله عليه وسلم بِثَلاَثٍ لَنْ أَدَعَهُنَّ مَا عِشْتُ بِصِيَامِ ثَلاَثَةِ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ وَصَلاَةِ الضُّحَى وَبِأَنْ لاَ أَنَامَ حَتَّى أُوتِرَ .

Abu Ad-Darda’ radiallahu ‘anhu berkata: Kekasih kami sallallalahu ‘alaihi wasallam menasihati kami dengan tiga perkara. Aku tidak akan meninggalkan tiga perkara ini selama masih hidup, iaitu berpuasa

tiga hari setiap bulan, solat Dhuha dan tidak tidur sehingga selepas solat witir [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin, hadis no: 722]

Boleh dilakukan sebelum dan selepas tidur

عَنْ جَابِرٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَنْ خَافَ أَنْ لَا يَقُومَ مِنْ آخِرِ اللَّيْلِ ، فَلْيُوتِرْ أَوَّلَهُ ، وَمَنْ طَمِعَ أَنْ يَقُومَ آخِرَهُ ، فَلْيُوتِرْ آخِرَ اللَّيْلِ ، فَإِنَّ صَلَاةَ آخِرِ اللَّيْلِ مَشْهُودَةٌ ، وَذَلِكَ أَفْضَلُ " ، وَقَالَ أَبُو مُعَاوِيَةَ : مَحْضُورَةٌ.

Jabir radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang takut tidak akan bangun di hujung malam, hendaklah dia witir di awalnya. Sesiapa yang yakin akan bangun di hujung malam, hendaklah dia witir di hujung malam. Sesungguhnya solat di hujung malam disaksikan, dan itu lebih afdhal. [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin, hadis no: 1261]

1 rakaat witir:

Sebagaimana telah disebutkan hadisnya

فَإِذَا خِفْتَ الصُّبْحَ فَأَوْتِرْ بِوَاحِدَةٍ.

Apabila engkau khuatir (masuk waktu subuh), maka laksanakan solat Witir satu rakaat

3 rakaat witir

2 salam

وَعَنْ نَافِعٍ، أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ، كَانَ يُسَلِّمُ بَيْنَ الرَّكْعَةِ وَالرَّكْعَتَيْنِ فِي الْوِتْرِ

Nafi menceritakan bahawa Ibn ‘Umar radiallahu ‘anhuma memberi salam antara satu rakaat dan dua rakaat solat witir. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Witr, hadis no: 991]

1 salam

عَنْ أُبَيِّ بْنِ كَعْبٍ ، قَالَ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " يُقْرَأُ فِي الْوِتْرِ بِ سَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ الأَعْلَى سورة الأعلى آية 1 ، وَفِي الرَّكْعَةِ الثَّانِيَةِ بِ قُلْ يَأَيُّهَا الْكَافِرُونَ سورة الكافرون آية 1 ، وَفِي الثَّالِثَةِ بِ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ سورة الإخلاص آية 1 ، وَلا يُسَلِّمُ إِلا فِي آخِرِهِنَّ ، وَيَقُولُ بَعْدَ التَّسْلِيمِ : سُبْحَانَ الْمَلَكِ الْقُدُّوسِ ثَلاثًا.

Ubay bin Ka’ab radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam membaca dalam surah witir surah al-A’la, dalam rakaat kedua surah al-Kafirun, dan rakaat ketiga surah al-Ikhas. Baginda tidak memberi salam melainkan pada rakaat terakhir. Selepas salam baginda menyebut Maha Suci Raja Yang Mulia sebanyak tiga kali

[As-Sunan Al-Kubra Lil Baihaqi, Kitab as-Solat, hadis no: 445]

5 rakaat 1 salam

، عَنْ عَائِشَةَ ، قَالَتْ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، " يُصَلِّي مِنَ اللَّيْلِ ثَلَاثَ عَشْرَةَ رَكْعَةً ، يُوتِرُ مِنْ ذَلِكَ بِخَمْسٍ ، لَا يَجْلِسُ فِي شَيْءٍ إِلَّا فِي آخِرِهَا

'Aisyah radiallahu 'anha berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam mendirikan solat malam sebanyak tiga belas rakaat, dan melakukan witir daripadanya sebanyak lima rakaat. Baginda tidak duduk melainkan pada rakaat yang terakhir.

[Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin, hadis no: 1223]

7 rakaat

عَنْ عَائِشَةَ ، قَالَتْ : " لَمَّا أَسَنَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَخَذَ اللَّحْمَ صَلَّى سَبْعَ رَكَعَاتٍ لَا يَقْعُدُ إِلَّا فِي آخِرِهِنَّ ، وَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ وَهُوَ قَاعِدٌ بَعْدَ مَا يُسَلِّمُ

'Aisyah radiallahu 'anha berkata Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam semakin tua dan gemuk, baginda solat sebanyak tujuh rakaat tanpa duduk melainkan pada akhirnya. Kemudian baginda solat dua rakaat sambil duduk selepas salam itu [Sunan an-Nasaie as-Sughra, Kitab Qiamullail, hadis no: 1698]

9 rakaat

'Aisyah ditanya tentang witir Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam, lalu beliau berkata:

ثُمَّ يُصَلِّي تِسْعَ رَكَعَاتٍ ، لا يَجْلِسُ فِيهِنَّ إِلا عِنْدَ الثَّامِنَةِ ، فَيَحْمَدُ رَبَّهُ ، وَيَدْعُو وَيَذْكُرُهُ ، ثُمَّ يَنْهَضُ ، وَلا يُسَلِّمُ ، وَيُصَلِّي التَّاسِعَةَ ، فَيَجْلِسُ ، فَيَذْكُرُ رَبَّهُ ، وَيَحْمَدُهُ ، ثُمَّ يَدْعُو ، ثُمَّ يُسَلِّمُ تَسْلِيمًا يُسْمِعُنَا ، ثُمَّ يُصَلِّي رَكْعَتَيْنِ وَهُوَ قَاعِدٌ ، بَعْدَمَا يُسَلِّمُ ، فَتِلْكَ إِحْدَى عَشْرَةَ رَكْعَةً يَا بُنَيَّ

Kemudian baginda sallallahu 'alaihi wasallam solat sebanyak sembilan rakaat. Baginda tidak duduk melainkan pada rakaat kelapan, lalu baginda memuji tuhannya, berdoa dan berzikir kepadaNya. Kemudian baginda bangun tanpa memberi salam, lalu melakukan rakaat kesembilan, lalu duduk, berzikir kepada Tuhannya, memujiNya, kemudian berdoa, kemudian memberi salam yang kami dapat dengar. Kemudian baginda solat dua rakaat sambil duduk selepas memberi salam itu. Maka itulah sebelas rakaat wahai anak ku. [As-Sunan al-Kubra lil Nasaie, Kitab Qiyamillail, hadis no: 1396]

Solat Dhuha

عَنْ أَبِي ذَرٍّ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، أَنَّهُ قَالَ : " يُصْبِحُ عَلَى كُلِّ سُلَامَى مِنْ أَحَدِكُمْ صَدَقَةٌ ، فَكُلُّ تَسْبِيحَةٍ صَدَقَةٌ ، وَكُلُّ تَحْمِيدَةٍ صَدَقَةٌ ، وَكُلُّ تَهْلِيلَةٍ صَدَقَةٌ ، وَكُلُّ تَكْبِيرَةٍ صَدَقَةٌ ، وَأَمْرٌ بِالْمَعْرُوفِ صَدَقَةٌ ، وَنَهْيٌ عَنِ الْمُنْكَرِ صَدَقَةٌ ، وَيُجْزِئُ مِنْ ذَلِكَ رَكْعَتَانِ يَرْكَعُهُمَا مِنَ الضُّحَى. "

Abu Dzar radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasalam bersabda: bagi tiap-tiap ruas daripada anggota tubuh salah seorang di antara kalian harus dikeluarkan sedekahnya setiap pagi hari. Setiap tasbih (Subhaanallah) adalah sedekah, setiap tahmid (Alhamdulillah) adalah sedekah, setiap tahlil (Laa Ilaaha Illallah) adalah sedekah, setiap takbir (Allahu Akbar) adalah sedekah, menyuruh untuk berbuat baik juga sedekah, dan mencegah kemungkaran juga sedekah. Dan semua itu boleh diganti dengan dua rakaat solat Dhuha. [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin, hadis no: 1187]

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَنْ صَلَّى الْغَدَاةَ فِي جَمَاعَةٍ ثُمَّ قَعَدَ يَذْكُرُ اللَّهَ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ ثُمَّ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ كَانَتْ لَهُ كَأَجْرِ حَجَّةٍ وَعُمْرَةٍ " قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " تَامَّةٍ تَامَّةٍ تَامَّةٍ

Anas bin Malik radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Barangsiapa mengerjakan solat Subuh secara berjemaah lalu sesudah itu dia tetap duduk (di masjid) untuk berzikir kepada Allah sehingga matahari terbit (dan meninggi), kemudian solat (Dhuha) dua rakaat maka dia akan mendapat pahala sebagaimana pahala haji dan umrah. Dia berkata (Anas), Rasulullah bersabda: Yang sempurna, Yang Sempurna, Yang Sempurna [Sunan at-Tirmizi, Kitab al-Jumu;ah, hadis no: 535, hasan gharib]

Jumlah rakaat

Minima solat dhuha adalah empat rakaat, dan tiada batas maksima

حَدَّثَتْنِي مُعَاذَةُ ، أَنَّهَا سَأَلَتْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا ، " كَمْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي صَلَاةَ الضُّحَى ؟ قَالَتْ : أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ ، وَيَزِيدُ مَا شَاءَ

Mua'azah bertanya kepada 'Aisyah radiallahu 'anha ditanya berapakah jumlah rakaat solat dhuha Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam? Beliau menjawab: Empat rakaat, dan baginda menambah sebanyak yang baginda suka [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin, hadis no: 1181]

Solat Istikharah

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا , قَالَ : " كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَلِّمُنَا الِاسْتِخَارَةَ فِي الْأُمُورِ كُلِّهَا ، كَمَا يُعَلِّمُنَا السُّورَةَ مِنَ الْقُرْآنِ , يَقُولُ : إِذَا هَمَّ أَحَدُكُمْ بِالْأَمْرِ فَلْيَرْكَعْ رَكْعَتَيْنِ مِنْ غَيْرِ الْفَرِيضَةِ ، ثُمَّ لِيَقُلِ

Jabir bin 'Abdillah radhiallahu' anh, dia berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam pernah mengajarkan Istikharah kepada kami dalam segala urusan, sebagaimana baginda mengajar kami surah dari al-Qur'an. Baginda bersabda: Jika salah seorang di antara kalian berkeinginan keras melakukan sesuatu, hendaklah dia mengerjakan solat dua rakaat yang bukan solat fardu kemudian membaca doa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَخِيرُكَ بِعِلْمِكَ وَأَسْتَقْدِرُكَ بِقُدْرَتِكَ وَأَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ الْعَظِيمِ ، فَإِنَّكَ تَقْدِرُ وَلَا أَقْدِرُ وَتَعْلَمُ وَلَا أَعْلَمُ وَأَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ ، اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنَّ هَذَا الْأَمْرَ خَيْرٌ لِي فِي دِينِي وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أَمْرِي أَوْ قَالَ عَاجِلِ أَمْرِي وَآجِلِهِ فَاقْدُرْهُ لِي وَيَسِّرْهُ لِي ثُمَّ بَارِكْ لِي

فِيهِ ، وَإِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنَّ هَذَا الْأَمْرَ شَرٌّ لِي فِي دِينِي وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أَمْرِي أَوْ قَالَ فِي عَاجِلِ أَمْرِي وَآجِلِهِ فَاصْرِفْهُ عَنِّي وَاصْرِفْنِي عَنْهُ ، وَاقْدُرْ لِي الْخَيْرَ حَيْثُ كَانَ ثُمَّ أَرْضِنِي

Ya Allah, sesungguhnya aku memohon petunjuk kepada-Mu dengan ilmu-Mu, memohon ketetapan dengan kekuasaan-Mu, dan aku memohon kurniaan-Mu yang sangat agung kerana sesungguhnya Engkau berkuasa sedang aku tidak berkuasa sama sekali, Engkau mengetahui sedangkan aku tidak, dan Engkau yang mengetahui hal yang ghaib. Ya Allah, jika Engkau mengetahui bahawa urusan ini (lalu menyebutkan secara langsung urusan yang dimaksudkan) lebih baik bagi diriku dalam agama, kehidupan dan akhir urusanku - atau mengucapkan: baik dalam waktu yang dekat mahupun yang akan datang - maka tetapkanlah ia bagiku dan mudahkanlah ia untukku. Kemudian, berikan berkah kepadaku dalam menjalankannya. Jika Engkau mengetahui bahawa urusan ini buruk bagiku dalam agama, kehidupan dan akhir urusanku - atau mengucapkan: baik dalam waktu yang dekat mahupun yang akan datang - maka jauhkanlah urusan itu dariku dan jauhkanlah aku darinya, serta tetapkanlah yang baik itu bagiku di mana pun kebaikan itu berada. Kemudian, jadikanlah aku orang yang redha dengan ketetapan tersebut.

قَالَ : وَيُسَمِّي حَاجَتَهُ"

Hendaklah dia menyebutkan apa yang dihajatkannya [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jumu'ah, hadis no: 1102]

Solat Taubat

، وَإِنَّهُ حَدَّثَنِي أَبُو بَكْرٍ وَصَدَقَ أَبُو بَكْرٍ ، قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : " مَا مِنْ رَجُلٍ يُذْنِبُ ذَنْبًا ثُمَّ يَقُومُ فَيَتَطَهَّرُ ثُمَّ يُصَلِّي ثُمَّ يَسْتَغْفِرُ اللَّهَ إِلَّا غَفَرَ اللَّهُ لَهُ ، ثُمَّ قَرَأَ هَذِهِ الْآيَةَ

Ali radiallahu 'anhu berkayta Abu Bakar telah menceritakan kepadaku (sesuatu hadis) dan Abu Bakar radhiallahu' anh adalah seorang yang benar (al-Shiddiq), dia berkata: Aku pernah mendengar Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tidak seorang hamba pun yang telah mengerjakan sesuatu dosa, lalu dia mengambil wuduk dengan sempurna, kemudian dia mendirikan solat dua rakaat, setelah itu (menyelesaikan solat tersebut) dia memohon ampun kepada Allah (atas dosanya tersebut), maka Allah akan mengampunkan dosanya. Kemudian baginda membaca ayat

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَاحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَنْ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إلا اللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا عَلَى مَا فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ سورة آل عمران آية 135"

Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah, dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya) (Aali Imran (3) : 135). [Sunan at-Tirmizi, Kitab as-Solat, hadis no: 371, hasan]

Borang Penilaian Program
Seminar Kesempurnaan Solat

alkahfi services

Berikan komen anda untuk penambahbaikan program-program seterusnya

Perkara	**Komen**
Slot 1- Feqh Taharah	
Slot 2 – Tatacara Solat	
Slot 3 – Kesilapan dan Rukhsah dalam Ibadah	
Slot 4 – Solat Jemaah	
Slot 5- Solat Sunat	
Pengurusan Program	
Kadar yuran, adakah sesuai atau tidak?	
Lokasi program	
Makanan	
Layanan komiti	
Apakah pilihan anda? Seminar 1 hari atau 2 hari?	

Kritikan dan komen tambahan / cadangan untuk penambahbaikan berdasarkan program ini.

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………